

MUZAKARAH  
CENDEKIAWAN  
SYARIAH  
NUSANTARA

4  
2010

ISRA  
الأاديمية العالمية للبحوث الشرعية  
International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance

10 - 11 NOVEMBER 2010  
PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE

HIYAL DAN MAKHARIJ: KE ARAH KETELUSAN DI DALAM OPERASI PERBANKAN ISLAM

# PARAMETER HIYAL DALAM KEWANGAN ISLAM

*Disediakan oleh:*

**Mohamed Fairouz Abdul Khir  
Dr. Marjan Muhammad  
Profesor Dr. Ashraf Dato' Md. Hashim  
Profesor Madya Dr. Said Bouheraoua  
Lokmanulhakim Hussain  
Imran Iqbal**

**Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa  
dalam Kewangan Islam (ISRA)**

## MUKADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أما بعد...

*Ḥiyal* merupakan istilah *fiqh* yang sinonim dengan penggunaan kebijaksanaan seseorang untuk mengatasi sesuatu kesukaran berhubung hukum *Syarak* terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti perekonomian. *Ḥiyal* digunakan secara meluas dalam aktiviti mu‘āmalāt bagi membolehkan hajat dan keperluan pihak-pihak yang berakad dapat dipenuhi bahkan tanpa penggunaannya transaksi mu‘āmalāt sukar dijalankan sehingga boleh juga merencatkan sistem kewangan yang sedia ada dalam keadaan tertentu. Namun begitu, penggunaan *ḥiyal* tanpa batasan dan garis panduan yang betul boleh membawa kepada pembatalan dan pengubahan hukum (إبطال الحكم) dan ketetapan *Syarak* yang telah sedia dimaklumi. Oleh itu, didapati para fuqaha terdahulu mengemukakan perbincangan yang mendalam mengenai masalah *ḥiyal* sehingga ada di kalangan mereka yang membahagikannya kepada *ḥiyal mashrū‘ah* dan *ḥiyal muḥarramah*. Sesetengahnya pula menggunakan istilah *makhārij* untuk merujuk kepada misalnya *ḥiyal* yang diharuskan *Syarak*. Kepelbagaian istilah ini boleh menyebabkan salah faham dan kekeliruan tentang ketepatan istilah yang digunakan samada untuk merujuk kepada *ḥiyal mashrū‘ah* atau *ḥiyal muḥarramah*. Tidak dinafikan juga, instrumen-instrumen kewangan Islam yang ada di pasaran hari ini samada instrumen perbankan, pasaran modal atau takaful didapati banyak sekali menggunakan *ḥiyal* untuk membolehkannya beroperasi di bawah sistem kewangan sedia ada dan bersaing dengan produk-produk konvensional. Justeru itu, kertas ini mensasarkan beberapa objektif penting sebagaimana berikut:

- i. Menyoroti konsep *ḥiyal* dan pandangan ulama mengenainya.
- ii. Mengenalpasti isu-isu penting berkaitan *ḥiyal* yang dibahaskan oleh ulama.
- iii. Mengemukakan parameter penggunaan *ḥiyal* dalam kewangan Islam dan cadangan ke arah memantapkannya.

Bagi memastikan persembahan idea yang jelas, kertas ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian (1) kertas ini akan menjelaskan istilah *ḥiyal*, *makhārij* dan istilah-istilah lain yang berkaitan (الألفاظ ذات الصلة), pembahagian *ḥiyal*, ciri-ciri *ḥiyal* serta pandangan para ulama mengenai *ḥiyal*. Penjelasan ini penting untuk memahami konsep *ḥiyal* secara mendalam serta mengenalpasti isu-isu penting yang diperdebatkan dan diperselisih oleh ulama dalam masalah *ḥiyal*. Misalnya ialah seperti isu *qaṣd al-Shāri‘*, *qaṣd al-mukallaḥ*, *rukḥṣah* dan *‘azimah*, *maṣlahah* dan *wasā’il*. Bahagian (2) kertas ini akan memberi tumpuan kepada isu-isu tersebut, perkaitannya dengan penggunaan *ḥiyal* terutamanya dari aspek pengaruhnya ke atas hukum *ḥiyal*, pandangan ulama

mengenaiknya dan beberapa garis panduan *hiyal* yang boleh dibentuk daripadanya. Namun begitu, perbincangan isu-isu berkaitan *hiyal* dalam bahagian (2) ini hanyalah sebagai mukaddimah ke arah pembentukan parameter *hiyal* yang akan diketengahkan dalam bahagian (3) kertas ini. Sebarang *pentarjihan* dan pemilihan pandangan ulama mengenai isu-isu di atas akan dibuat dalam bahagian ini seterusnya mencadangkan parameter *hiyal* dalam kewangan Islam berasaskan kepada isu-isu yang dibahaskan dalam bahagian (2). Contoh-contoh aplikasi *hiyal* samada klasik atau moden akan dipaparkan dalam bahagian ini bagi mengukuhkan lagi parameter yang dibentuk. Walaupun konsep *hiyal* digunakan dalam pelbagai bab dalam ilmu *fiqh*, namun kertas ini hanya akan menumpukan kepada penggunaannya dalam bidang mu'āmalāt dan kewangan Islam. Diharapkan agar parameter *hiyal* yang dikemukakan dalam kertas ini dapat memastikan penggunaan *hiyal* yang benar-benar *mashrū'ah* atau setidaknya *ghālib* pada *zann* bahawa *hiyal* yang berteraskan parameter ini adalah harus di sisi *Syarak*. Wallāhu A'lam.

## BAHAGIAN 1: KONSEP *HIYAL*

### 1. Definisi *Hiyal*

#### 1.1. Definisi *Hiyal* dari Sudut Bahasa

*Hiyal* dalam bahasa Arab adalah kata nama majmuk bagi perkataan *hīlah* yang bermakna kemahiran dan kebolehan dalam mentadbir sesuatu dengan baik<sup>1</sup>. *Hīlah* juga membawa maksud tipu helah dan jalan yang efisien bagi menukarkan keadaan luaran sesuatu benda bagi mencapai motif tertentu.<sup>2</sup>

Berdasarkan takrif di atas, ternyata perkataan *hīlah* dari segi bahasa mempunyai kedua-dua konotasi positif dan negatif, tetapi penggunaannya di dalam 'urf masyarakat umum lebih dominan kepada aspek negatif. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, perkataan *hīlah* juga digunakan dalam konteks positif bagi melambangkan kebijaksanaan.<sup>3</sup>

Perkataan *hīlah* juga diguna pakai dalam bahasa Malaysia, tetapi dieja sebagai 'helah'. Helah mempunyai dua maksud; pertama ialah akal, muslihat dan tipu daya, dan yang kedua ialah alasan yang dibuat-buat atau dalih.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār Ṣādir, t.t., j. 11, h. 184.

<sup>2</sup> Majma' al-Luhgat al-'Arabiyyah, *Al-Mu'jam al-Wasīl*, Qatar: Dār Ihya' al-Turāth al-Islāmī, t.t., j. 1, h. 209.

<sup>3</sup> Al-Asfahani, *Gharīb al-Qur'ān*, h. 138.

<sup>4</sup> Kamus Melayu DBP. Diambil pada 10 Ogos 2010 dari sesawang berikut: <http://melayuonline.com/dictionary/?a=UIJWWXYvRy9sL01yWWhObEp3dQ%3D%3D=&l=helah>

## 1.2. Definisi *Ḥiyal* dari Sudut Istilah

Definisi *ḥiyal* di kalangan para fuqaha adalah seperti berikut:

### 1.2.1 Definisi *Ḥiyal* di Dalam Mazhab Ḥanafī

Ibn Nujaym mendefinisikan *ḥiyal* sebagai: Kebijaksanaan di dalam menguruskan sesuatu perkara iaitu dengan cara menggunakan pertimbangan akal sehingga mendapat jalan [penyelesaian] untuk mencapai sesuatu maksud.<sup>5</sup> Menurut Al-Khaṣṣāf, *ḥiyal* adalah sesuatu yang digunakan oleh seseorang sebagai jalan penyelesaian untuk keluar daripada perkara yang berdosa dan haram kepada yang halal.<sup>6</sup>

Selain daripada dua takrif di atas, fuqaha mazhab Ḥanafī yang lain membincangkan pengertian *ḥiyal* secara tidak langsung. Antaranya, disebut di dalam kitab *al-Mabsūṭ* dan *al-Fatāwā al-Hindiyyah* bahawa setiap helah yang digunakan oleh seorang lelaki dengan tujuan untuk membatalkan hak orang lain, atau untuk memasukkan ke dalamnya *shubḥah* atau untuk menyembunyikan kebatilan maka ianya adalah *makrūh*, dan setiap helah yang digunakan oleh seorang lelaki untuk melepaskan dirinya daripada sesuatu yang haram, atau untuk menyampaikan dengan helah tersebut kepada sesuatu yang halal, maka ianya adalah suatu kebaikan.<sup>7</sup>

Al-Sarakhsī juga menyebut: "...Sesungguhnya apabila sudah jelas kepada seorang Mufti jawapan kepada soalan yang diajukan kepadanya, maka adalah tidak mengapa baginya menerangkan kepada yang bertanya jalan [helah] yang dengannya boleh mencapai maksud dan di dalam masa yang sama dapat menghindari daripada sesuatu yang haram, dan perbuatan ini tidaklah dikategorikan sebagai perbuatan yang dicela dan dianggap sebagai mengajar helah..."<sup>8</sup>

<sup>5</sup> Ibn Nujaym, *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*, Damsyik: Dār al-Fikr, 1983, h. 477. Sila rujuk nas asal yang berbunyi:

الحذق في تدبير الأمور وهي تغليب الفكر حتى يهتدي إلى المقصود

<sup>6</sup> Al-Khaṣṣāf, *Fī Al-Ḥiyal*, Kaherah, 1314H, p. 4. Sila rujuk nas asal yang berbunyi:

الحيل شيء يتخلص به الرجل من المأثم والحرام ويخرج به إلى الحلال

<sup>7</sup> Al-Sarakhsī, *Al-Mabsūṭ*, Beirut: Dār al-Fikr, 2000, j. 30, h. 373. Sila rujuk nas asal:

فالحاصل أن ما يتخلص به الرجل من الحرام أو يتوصل به إلى الحلال من الحيل فهو حسن وإنما يكره ذلك أن يحتال في حق لرجل حتى يبطله أو في باطل حتى يمويه أو في حق حتى يدخل فيه شبهة فما كان على هذا السبيل فهو مكروه وما كان على السبيل الذي قلنا أو لا فلا بأس به

Lihat juga: *Al-Fatāwā al-Hindiyyah*, 6/ 390. (Al-Maktabah al-Shāmilah Edisi 3).

فَنَقُولُ مَذْهَبُ عُلَمَائِنَا رَحِمَهُمُ اللَّهُ تَعَالَى أَنَّ كُلَّ حِيلَةٍ يَحْتَالُ بِهَا الرَّجُلُ لِإِبْطَالِ حَقِّ الْغَيْرِ أَوْ لِإِدْخَالِ شَيْءٍ فِيهِ أَوْ لِتَمْوِيهِ بِاطِلٍ فَهِيَ مَكْرُوهَةٌ وَكُلُّ حِيلَةٍ يَحْتَالُ بِهَا الرَّجُلُ لِيَتَخَلَّصَ بِهَا عَنْ حَرَامٍ أَوْ لِيَتَوَصَّلَ بِهَا إِلَى حَلَالٍ فَهِيَ حَسَنَةٌ

<sup>8</sup> Al-Sarakhsī, *Al-Mabsūṭ*, j. 14, h. 6. Sila rujuk nas asal:

### 1.2.2 Definisi *Hiyal* di Dalam Mazhab Maliki

Al-Shāṭibī mendefinisikan *hiyal* sebagai melakukan sesuatu perbuatan yang pada zahirnya harus bagi membatalkan hukum *Syarak*, dan menukarkannya kepada hukum yang lain. Natijah perbuatan tersebut akan merosakkan *qawā'id al-sharī'ah*.<sup>9</sup>

### 1.2.3 Definisi *Hiyal* di Dalam Mazhab Shafi'i

Menurut Zakaria al-Anṣārī, *ḥīlah* ialah sesuatu yang memalingkan seseorang hamba daripada perkara yang dibencinya kepada perkara yang disukainya.<sup>10</sup> Al-Jurjānī dalam kitabnya *al-Ta'rīfāt* juga memberikan definisi yang hampir sama.<sup>11</sup> Kedua-dua definisi *ḥīlah* yang diberikan oleh ulama Shafi'i ini walau bagaimanapun dinukilkan dalam kitab-kitab *Ma'ājim* yang menghimpunkan takrif istilah-istilah secara umum.

Setakat pembacaan dan kajian penulis yang terhad dalam kitab-kitab fiqh mazhab Shafi'i, tiada definisi secara langsung bagi perkataan *hiyal* yang diberikan oleh fuqaha Shafi'i. Al-Qazwīnī, pengarang buku "*Al-Hiyal fi al-Fiqh*" juga tidak menyebut sebarang definisi bagi istilah tersebut. Namun, secara tidak langsung, al-Haythamī menyebut bahawa *hiyal* yang membatalkan hak orang lain selepas ianya wajib adalah diharamkan<sup>12</sup>.

### 1.2.4 Definisi *Hiyal* di Dalam Mazhab Hanbali

Ibn Taymiyyah menakrifkan *ḥīlah* secara umumnya sebagai jalan tersembunyi yang memerlukan kebijaksanaan dan kepandaian bagi mencapai maksud tertentu. Sekiranya maksud tersebut baik, maka ia dikira helah yang baik,

---

وإن المفتي إذا تبين جواب ما سئل عنه فلا بأس أن يبين للسائل الطريق الذي يحصل به مقصوده مع التحرز عن الحرام ولا يكون هذا مما هو مذموم من تعليم الحيل

<sup>9</sup> Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1999, j. 4, h. 558.

قاعدة الحيل، فإن حقيقتها المشهورة تقديم عمل ظاهر الجواز لإبطال حكم شرعي وتحويله في الظاهر إلى حكم آخر، فمآل العمل فيها خرم قواعد الشريعة في الواقع

<sup>10</sup> Zakaria al-Anṣārī, *Al-Hudūd al-Anīqah wa al-Ta'rīfāt al-Daqīqah*. Dār al-Fikr al-Mu'āshir, 1411H. h. 73.

الحيلة ما يحول العبد عما يكرهه إلى ما يحبه

<sup>11</sup> Al-Jurjānī, *Al-Ta'rīfāt*, Beirut : Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1405H, h. 127.

الحيلة اسم من الاحتيال وهي التي تحول المرء عما يكرهه إلى ما يحبه

<sup>12</sup> Al-Haythamī, *Al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā*, 3/15. (Al-Maktabah al-Shāmilah Edisi 3). Sila rujuk nas asal:

الْعِبَارَةُ الثَّلَاثَةُ عَشْرَةَ قَوْلُ جَمْعٍ مِنَ الْمُتَقَدِّمِينَ وَالْمُتَأَخِّرِينَ فِي الْحَيْلِ إِنَّهَا إِذَا أَسْقَطَتْ حَقَّ الْعَيْرِ بَعْدَ وُجُوبِهِ حُرِّمَتْ

sebaliknya jika maksud tersebut buruk, maka ia adalah helah yang buruk<sup>13</sup>. Ibn al-Qayyim juga mengambil pendekatan yang sama seperti Ibn Taymiyyah dalam menerangkan maksud umum *ḥilah* menurut istilah *Syarak*.<sup>14</sup>

Namun, di dalam tempat yang lain, Ibn Taymiyyah memberi takrif *ḥilah* yang lebih khusus, iaitu berniat untuk menggugurkan yang wajib atau menghalalkan yang haram dengan melakukan perbuatan (yang lain) yang tidak dimaksudkan untuk tujuan tersebut.<sup>15</sup> Manakala Ibn al-Qayyim menakrifkan *ḥilah* sebagai mencapai tujuan yang dilarang dari segi *Syarak*, akal dan adat secara tersembunyi<sup>16</sup>. Ibn Qudāmah pula mendefinisikan *ḥilah* sebagai menzahirkan perkara yang harus bagi mencapai perkara yang haram. Perbuatan sedemikian adalah jalan tipu daya bagi mencapai tujuan menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah, menggugurkan apa yang diwajibkan atau menafikan hak dan seumpamanya.<sup>17</sup>

### 1.2.5 Definisi *Ḥiyal* di Kalangan Fuqaha Kontemporari

Menurut Ibn ‘Āshūr, *ḥilah* ialah melakukan perbuatan yang dilarang oleh *Syarak* dalam bentuk yang diharuskan, atau melakukan perbuatan yang tidak dibenarkan oleh *Syarak* dalam bentuk yang dibenarkan bagi mencapai maksud tertentu.<sup>18</sup>

### 1.3 Ulasan Definisi *Ḥiyal*

Berdasarkan kepada definisi *ḥiyal* di atas, antara rumusan yang dapat dibuat adalah seperti berikut:

Pertama: Terdapat takrif umum dan takrif khusus bagi *ḥiyal* yang telah digunakan oleh fuqaha. Takrif umum meliputi kedua-dua bentuk *ḥiyal*, iaitu helah yang

<sup>13</sup> Ibn Taymiyyah, *Al-Fatāwā al-Kubrā*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987, j. 6, h. 106. Sila rujuk nas asal:

مَا يَكُونُ مِنَ الطَّرْقِ الْخَفِيَّةِ إِلَى حُصُولِ الْغَرَضِ وَبِحَيْثُ لَا يُتَقَطَّنُ لَهُ إِلَّا بِنَوْعٍ مِنَ الذَّكَاءِ وَالْفِطْنَةِ فَإِنْ كَانَ الْمَقْصُودُ أَمْرًا حَسَنًا كَانَتْ حِيلَةً حَسَنَةً، وَإِنْ كَانَ قَبِيحًا كَانَتْ قَبِيحَةً

<sup>14</sup> Ibn al-Qayyim, *I‘lām al-Muwaqqi‘in ‘an Rabb al-‘Ālamīn*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993, j. 3, h. 188.

<sup>15</sup> Ibn Taymiyyah, *Al-Fatāwā al-Kubrā*, j. 6, h. 17. (Al-Maktabah al-Shāmilah Edisi 3). Sila rujuk nas asal: فَالْحِيلَةُ: أَنْ يُقْصَدَ سُفُوطُ الْوَأَجِبِ، أَوْ جِلَّ الْحَرَامِ، بِفِعْلِ لَمْ يُقْصَدِ بِهِ مَا جُعِلَ ذَلِكَ الْفِعْلُ لَهُ، أَوْ مَا شَرَعَ

<sup>16</sup> Ibid., Sila rujuk nas asal: وَأَخْصَ مِنْ هَذَا اسْتِعْمَالُهَا فِي التَّوَصُّلِ إِلَى الْغَرَضِ الْمَمْنُوعِ مِنْهُ شَرْعًا أَوْ عَقْلًا أَوْ عَادَةً

<sup>17</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 4/194. (Al-Maktabah al-Shāmilah Edisi 3). Sila rujuk nas asal yang berbunyi: وَالْحِيلُ كُلُّهَا مُحَرَّمَةٌ غَيْرُ جَائِزَةٍ فِي شَيْءٍ مِنَ الدِّينِ وَهُوَ أَنْ يَظْهَرَ مَبَاحًا يُرِيدُ بِهِ مُحَرَّمًا مَخَادَعًا وَتَوَسُّلًا إِلَى فِعْلِ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَاسْتِبَاحَةً مُحْظُورَاتِهِ أَوْ إِسْقَاطَ وَاجِبٍ أَوْ دَفْعَ حَقٍّ وَنَحْوَ ذَلِكَ

<sup>18</sup> Ibn ‘Āshūr, *Maqāshid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, Al-Baṣā‘ir, 1998, h. 251.

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

dibenarkan dan dilarang, manakala takrif khusus lebih menjurus penggunaannya kepada helah yang dibenarkan sahaja, atau terhad kepada helah yang dilarang sahaja.

Kedua: Kaedah yang digunakan dalam kedua-dua situasi (*hiyal* yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan) adalah sama, iaitu melalui jalan yang harus (dibenarkan oleh *Syarak*) dan dibuat secara tidak langsung atau tersembunyi. Ianya adalah natijah daripada penelitian mendalam, kebijaksanaan dan pertimbangan akal yang mendalam.

Ketiga: Ulama secara umum membahagikan *hiyal* kepada dua kategori utama:

- a. *Hiyal* yang dilarang (*al-hiyal al-madhmūmah/ghayr al-mashrū'ah*): Sekiranya jalan yang digunakan adalah untuk mencapai tujuan/maksud yang buruk yang bertentangan dengan *Syarak*, sama ada bagi membatalkan hukum *Syarak* atau menukarnya kepada hukum yang lain seperti meninggalkan apa yang wajib dan menghalalkan apa yang haram serta merosakkan *qawā'id al-sharī'ah*. Kewujudan *hiyal* dalam kategori ini disepakati oleh ulama semua mazhab. Ia adalah maksud khas *hiyal* sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama mazhab Maliki seperti al-Shāṭibī dan ulama mazhab Hanbali seperti Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim dan Ibn Qudāmah.
- b. *Hiyal* yang dibenarkan (*al-hiyal al-maḥmūdah/al-mashrū'ah*): Sekiranya jalan yang digunakan adalah untuk mencapai tujuan/maksud yang baik dan tidak bertentangan dengan *Syarak*, sama ada bagi menegakkan suruhan Allah atau meninggalkan laranganNya. Kewujudan *hiyal* dalam bentuk ini juga secara umumnya diterima oleh jumhur fuqaha. Namun penggunaannya secara khusus dalam konteks ini digunakan secara meluas oleh ulama mazhab Hanafi seperti al-Shaybāni, al-Khaṣṣāf, al-Sarakhsī dan fuqaha mazhab Shafi'i seperti al-Qazwīnī, al-Haythamī dan lain-lain.

Kesimpulannya, *hiyal* dari segi bahasa dan menurut istilah *Syarak* mempunyai kedua-dua maksud positif dan negatif. Namun, penggunaannya secara khusus dalam bentuk negatif lebih dominan, terutamanya dalam mazhab Maliki dan Hanbali. Sebaliknya, kebanyakan ulama mazhab Hanafi dan Shafie menggunakan istilah *hīlah* ini dalam bentuk positif. Justeru, kertas kerja ini tidak akan mentarjihkan mana-mana definisi kerana ternyata jumhur ulama mengiktiraf kewujudan kedua-dua bentuk *hiyal*, walaupun mereka berbeza pendapat mengenai penggunaannya secara khusus. Perbincangan lanjut mengenai pandangan ulama terhadap *hiyal* secara umum serta dalil-dalil yang dijadikan sandaran akan dibuat kemudian.

#### 1.4 Istilah-istilah Lain Yang Berkaitan

a) *Khidā'* (خِدَاع)<sup>19</sup> dan *makr* (مَكْر): Secara literal, perkataan *khidā'* dan *makr* bermaksud menzahirkan perkara yang berlawanan dengan apa yang tersembunyi<sup>20</sup>. Dari segi istilah juga *khidā'* adalah sinonim dengan perkataan *makr*, iaitu menghubungkan sesuatu perkara kepada yang lain secara tersembunyi. Kedua-dua istilah ini mempunyai dua bentuk, iaitu baik dan buruk. Sekiranya *khidā'* dan *makr* digunakan terhadap orang yang sepatutnya bagi menghapuskan kezaliman, maka ia dikira baik. Sebaliknya ia dikira buruk jika digunakan ke atas orang yang tidak berhak menerimanya<sup>21</sup>. Ini bermakna kedua-dua istilah ini mirip maksud *ḥīlah*. Ini terbukti dalam hadis Rasulullah yang bermaksud: “Peperangan adalah tipu muslihat”.<sup>22</sup>

Namun, *khidā'* dan *makr* berbeza daripada *ḥīlah* kerana keduanya tidak memerlukan penelitian, pemikiran dan pemerhatian yang mendalam<sup>23</sup>.

b) *Ma'ārīd* (مَعَارِيض)<sup>24</sup>: Antara istilah lain yang sering digunakan dalam konteks yang sama seperti helah ialah *ma'ārīd* yang berasal dari kata kerja '*arada* (عرض), yang mempunyai beberapa makna antaranya membentang, menunjuk, mempamerkan, mengikut, menyerahkan, menawarkan, mencadangkan dan mendalami<sup>25</sup>.

Menurut Ibn Taymiyyah seperti yang disebut oleh Ibn al-Qayyim, *ma'ārīd* dalam istilah fiqh ialah:

---

<sup>19</sup> Terdapat beberapa istilah lain yang diguna pakai secara meluas dan membawa maksud yang sama seperti *khud'ah*, *mukhāda'ah* dan *khadī'ah*.

<sup>20</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, j. 8, h. 63. Lihat juga: Al-Fayyūmī, *Al-Miṣbāḥ al-Munīr*, Beirut: Al-Maktabah al-'Ilmiyyah, j. 2, h. 577.

<sup>21</sup> Ibn al-Qayyim, *I'lām al-Muwaqqi'in*, j. 3, h. 171.

فإن المكر إيصال الشيء إلى الغير بطريق خفي وكذلك الكيد والمخادعة ولكنه نوعان قبيح وهو إيصال ذلك لمن لا يستحقه وحسن وهو إيصاله إلى مستحقه عقوبة له فالأول مذموم والثاني ممدوح

<sup>22</sup> Ḥadīth ṣaḥīḥ yang diriwayatkan oleh Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 3/1102, ḥadīth no. 2685, 2952, 3422, 6255; *Ṣaḥīḥ Muslim*, 5/143, ḥadīth no. 4637, 4638; *Sunan al-Tirmīdhī*, 4/ 193, ḥadīth no. 1675; *Sunan Abī Dawūd*, 2/347, ḥadīth no. 2638, 2639; *Sunan al-Nasā'ī*, 5/193, ḥadīth no. 8643; *Sunan Ibn Mājah*, 2/945, ḥadīth no. 2833. Nasnya ialah: «الْحَرْبُ خُدْعَةٌ»

<sup>23</sup> *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, Kuwait: Wizārat al- Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islamiyyah, j. 18, h. 329.

<sup>24</sup> Terdapat istilah lain, iaitu *tawriyah* (تورية) yang sinonim dengan istilah *ma'ārīd*, tetapi berbeza dari sudut penggunaan secara 'explicit' dan 'implied', di mana *tawriyah* lebih cenderung kepada penggunaan sesuatu lafaz yang mempunyai dua makna atau lebih dengan terang (explicit), manakala *ma'ārīd* lebih berbentuk penggunaan tersirat sesuatu perkataan (implied use of word). Antara contoh *tawriyah* ialah alasan Nabi Ibrahim sebenarnya tidak menderita sebarang penyakit fizikal. Apa yang dimaksudkan oleh Nabi Ibrahim ialah kesakitannya terhadap perbuatan salahlaku kaumnya yang menyembah berhala. Sila rujuk: Shafiq ur Rahman, “Islamic Banking Based on Ḥīlah: Some Perspective”, dalam *Journal of Islamic Banking and Finance*, Januari-Mac 2010, h. 96-97.

<sup>25</sup> Al-Ba'albakī, *Al-Mawrid*, Beirut: Dār al-'Ilm lil-Malāyīn, 2001, p. 756.



## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

أن يتكلم الرجل بكلام جائز يقصد به معنى صحيحا ويوهم غيره أنه يقصد به معنى آخر<sup>26</sup>

Maksudnya: Seseorang berbicara menggunakan kata-kata yang dibenarkan dengan tujuan melahirkan makna yang betul, tetapi menyebabkan orang lain menyangka bahawa dia mempunyai maksud yang lain.

Antara faktor yang menyebabkan pendengar menyangka penutur dalam konteks *ma'ārīd* mempunyai maksud yang lain adalah disebabkan lafaz yang digunakan mempunyai pelbagai makna (*lafz mushtarak*), indikasi semasa (*qarīnah ḥāliyyah*) menunjukkan makna yang sebaliknya, atau lafaz yang tersurat berbeza dengan makna tersirat yang dimaksudkan oleh penutur. Contoh *ma'ārīd* ialah kata-kata Rasulullah s.a.w yang berbunyi: “نحن من ماء” yang bermaksud: “Kami (berasal) dari air”.<sup>27</sup> Perkataan “ماء” adalah istilah umum yang merujuk kepada pelbagai jenis air.

*Ma'ārīd* juga terbahagi kepada dua bentuk, iaitu *ma'ārīd* yang dibenarkan sekiranya ia merupakan penipuan yang dibenarkan oleh Allah bagi membenters kezaliman, atau mengembalikan hak. Bentuk yang kedua ialah *ma'ārīd* yang digunakan untuk menghalalkan yang haram secara penipuan. *Ma'ārīd* dalam bentuk yang kedua telah diqiyaskan dengan *al-ḥiyal ghayr al-mashrū'ah*, manakala bentuk yang pertama ditashbihkan sebagai *al-ḥiyal al-mashrū'ah*.<sup>28</sup> Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan kecil antara kedua-dua istilah, di mana *ma'ārīd* kebanyakannya berlaku dalam bentuk pertuturan, manakala *ḥiyal* berlaku dalam bentuk perbuatan.

- c) *Makhārij* (مَخَارِج): Dari sudut bahasa, *makhārij* ialah kata nama majmuk bagi perkataan *makhraj* yang bermaksud jalan atau tempat keluar.

Setakat pencarian terhad penulis di dalam kitab-kitab fiqh dan usul fiqh klasik, ulamak tidak memberi takrif yang khusus kepada istilah *makhārij*. Imam Muḥammad al-Shaybānī dari Mazhab Hānafi merupakan antara ulamak terawal yang menggunakan istilah ini dalam karangannya yang bertajuk “*al-Makhārij fī al-Ḥiyal*”. Namun, beliau tidak memberikan sebarang definisi menerangkan maksud istilah tersebut. Selain daripada ianya disebut sebagai tajuk, kalimah *makhārij* telah tidak digunakan oleh al-Shaybānī dalam tulisannya. Sebaliknya, perkataan yang digunakan adalah “*ḥiyal*”.

Menurut *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*<sup>29</sup>, *makhārij* dalam istilah fuqaha merujuk kepada *ḥiyal* yang dibenarkan (*al-ḥiyal al-mubāḥah*). Ini terbukti dalam ungkapan

<sup>26</sup> Ibn al-Qayyim, *I'lām al-Muwaqqi'īn*, j. 3, h. 183.

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, j. 36, h. 240.

al-Sarakhsī yang menyebut bahawa *ḥiyal* yang dibuat dalam bentuk *makhraj* adalah harus di sisi majoriti ulamak.<sup>30</sup> Ibn Nujaym dalam penelitiannya mengenai penggunaan kedua-dua istilah *ḥiyal* dan *makhārij* membuat kesimpulan bahawa:

واختلف مشايخنا رحمهم الله تعالى في التعبير عن ذلك فاختر كثير التعبير بكتاب الحيل واختر كثير كتاب المخارج

Maksudnya: Ulama kami berselisih dalam menentukan perkataan untuk menggambarkan yang demikian. Kebanyakan mereka memilih sebutan '*Kitāb al-ḥiyal*', dan ramai juga yang memilih '*Kitāb al-Makhārij*'<sup>31</sup>.

Ulamak kontemporari pula menakrifkan *makhārij* sebagai jalan penyelesaian yang digunakan untuk keluar daripada kesempitan bagi mencapai maksud tidak bertentangan dengan *maqāsid al-sharī'ah*.<sup>32</sup>

Sebagai kesimpulan, dapatlah disebut di sini bahawa hubungan antara *ḥiyal* dan *makhārij* adalah hubungan antara am dan khas. *Ḥiyal* adalah am bagi jalan yang dibenarkan dan juga yang tidak dibenarkan. Manakala *makhārij* adalah khas bagi jalan yang dibenarkan sahaja.

- d) *Rukhṣah* (رُخْصَة): Menurut kamus Arab, perkataan *rukḥṣah* bermaksud meringankan dan memudahkan, iaitu berlawanan dengan perkataan membebankan (تَشْدِيدٌ)<sup>33</sup>. Terdapat beberapa takrif *rukḥṣah* yang diberikan oleh fuqaha, antaranya: Hukum yang berlawanan dengan dalil (*Syarak*) disebabkan keuzuran, sedangkan hukumnya adalah haram ke atas orang yang tidak uzur.<sup>34</sup> Ia juga ditakrifkan sebagai menghalalkan perbuatan yang haram walaupun terdapat dalil pengharamannya, disebabkan keadaan tertentu yang mengecualikannya daripada hukum asal.<sup>35</sup>

Dapat difahami melalui kedua-dua takrif ini bahawa *rukḥṣah* merupakan pengecualian daripada hukum asal -iaitu *al-'azīmah*- berdasarkan dalil *Syarak*.

Contoh *rukḥṣah* ialah kebenaran mengucapkan kata-kata kufur kerana dipaksa sedangkan hatinya masih tetap beriman. Keuzuran yang membenarkan *rukḥṣah* dalam konteks ini ialah paksaan, manakala dalil asal ialah mewajibkan beriman

<sup>30</sup> Al-Sarakhsī, *Al-Mabsūt*, j. 30, h. 371. فإن الحيل في الأحكام المخرجة عن الإمام جائزة عند جمهور العلماء

<sup>31</sup> Ibn Nujaym, *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*, h. 477.

<sup>32</sup> Muḥammad ibn Ibrāhīm, *Al-Ḥiyal al-Fiqhiyyah fī al-Mu'āmalāt al-Māliyyah*, Tunisia: Dār Suḥnūn, 2009, h. 91. Lihat juga: Sāliḥ ibn Ismā'il, *Al-Ḥiyal al-Fiqhiyyah: Ḍawābiḥ wa Taḥqīqātuhā 'alā al-Aiwāl al-Shakṣiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Rushd, 2005, h. 28. Nas asal berbunyi:

كل ما يتوصل به إلى التخلص من الحرج والخروج من المضايق من غير مخالفة مقصود الشارع

<sup>33</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, j. 7, h. 40.

<sup>34</sup> Al-Zarkashī, *Al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, j.1, h. 407. (al-Maktabah al-Shamilah, Edisi 3). Rujuk nas asal:

الْحُكْمُ الثَّابِتُ عَلَى خِلَافِ الدَّلِيلِ لِعُدْرِ مَعْ كَوْنِهِ حَرَامًا فِي حَقِّ غَيْرِ الْمُعْدُورِ

<sup>35</sup> Koutoub Mustapha Sano, *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Dār al-Fikr, 2000, h. 217.

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

dan mengharamkan kekufuran, berdasarkan firman Allah dalam Surah al-Nahl: 106 yang berbunyi:

(مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ)

Maksudnya: “Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah dia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman”.

Secara ringkasnya, *rukhsah* mempunyai beberapa bentuk persamaan dan perbezaan jika dibandingkan dengan *hīlah*. Dari segi kesan, kedua-dua istilah membawa kepada pertukaran dari satu hukum kepada yang lain. *Rukhsah* menukarkan hukum *Syarak* yang asal (*al-‘azimah*) kepada hukum *Syarak* lain yang lebih ringan dan tidak membebankan. *Hīlah* juga menukarkan hukum *Syarak* yang asal kepada hukum lain yang lebih memudahkan. Namun, *rukhsah* adalah berdasarkan dalil *Syarak*, sedangkan *hīlah* tidak berasaskan dalil *Syarak*<sup>36</sup> kecuali *hīlah* yang digunakan oleh Nabi Ayub<sup>37</sup> dan Nabi Yusuf yang disebut secara jelas dalam al-Quran<sup>38</sup> dan *hīlah* yang digunakan oleh Rasulullah dalam menghukum lelaki berzina yang sakit tenat (nas asal hadis dan penerangannya akan dibuat kemudian dalam bahagian pandangan ulama mengenai *hiyal*).

Selain itu, orang yang melakukan *rukhsah* tidak khuatir perbuatannya diketahui umum, kerana jalan yang digunakan tidak berbentuk tersembunyi malah berdasarkan nas *Syarak*. Manakala orang yang melakukan helah yang dilarang (*al-hiyal al-madhmūmah*) akan berusaha sedaya upaya menyembunyikan perbuatannya kerana jalan yang diambil tidak disyariatkan. Dalam konteks *al-hiyal al-mashrū‘ah* atau *al-makhārij* -dalam penggunaannya secara khusus-, orang yang melakukannya juga tidak khuatir perbuatannya diketahui umum, tetapi ianya dibuat tidak bersandarkan dalil *Syarak* yang jelas, berbeza dengan *rukhsah* yang disokong oleh nas *Syarak*<sup>39</sup>.

Perbincangan lanjut mengenai topik ‘*azimah* dan *rukhsah* akan dibuat dalam bahagian kedua.

- e) *Dharā‘i‘* (دَرَائِع): Perkataan *dharā‘i‘* adalah katanama majmuk bagi *dharī‘ah* yang bermaksud jalan<sup>40</sup>. Dari segi istilah, *dharā‘i‘* juga mempunyai takrif umum dan khusus. Menurut Ibn al-Qayyim, *dharī‘ah* adalah mekanisma dan jalan ke arah

<sup>36</sup> Maḥmūd ‘Abd al-Raḥīm al-Dīb, *Al-Hiyal fi al-Qānūn al-Madanī*, Kaherah: Dār al-Jāmi‘ah, 2008, h. 124.

<sup>37</sup> Sila rujuk Surah Sād: 44. Penerangan lanjut mengenai ayat ini akan dibuat kemudian.

<sup>38</sup> Sila rujuk Surah Yūsuf: 76.

<sup>39</sup> Maḥmūd ‘Abd al-Raḥīm al-Dīb, *Al-Hiyal fi al-Qānūn al-Madanī*, h. 124.

<sup>40</sup> Al-Zāwī, *Mukhtār al-Ṣiḥḥah*, Al-Dār al-‘Arabiyyah lil Kitāb, 1983, h. 227.

sesuatu<sup>41</sup>, tidak kira sama ada jalan tersebut baik atau buruk. Namun, kebanyakan ulama mazhab Maliki memberi takrif yang lebih khusus, iaitu perkara yang pada dasarnya (zahirnya) dibenarkan, tetapi dikhuatiri boleh membawa kepada perkara yang dilarang<sup>42</sup>. Oleh itu, jalan ini perlu disekat kerana akan membawa kepada keburukan.

Berdasarkan takrif yang diberikan di atas, ternyata istilah *dharā'i'* dan *ḥiyal* mempunyai hubung kait. Secara amnya, melihat kepada takrif umum, ternyata kedua-dua mempunyai persamaan kerana *dharā'i'* dan *ḥiyal* merupakan jalan - baik dan buruk - bagi mencapai sesuatu.

Apabila kita melihat kepada takrif khusus *dharā'i'* (*sadd dharā'i'*) dan *al-ḥiyal al-madhmūmah*, kedua-duanya mempunyai persamaan dari aspek kedua-duanya menggunakan jalan yang baik bagi mencapai sesuatu yang haram. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan di antara kedua-duanya, antaranya ialah *sadd al-dharā'i'* tidak memerlukan niat (*qaṣd*), sedangkan syarat *al-ḥiyal al-madhmūmah* ialah niat. Justeru, sebarang *dharā'i'* yang membawa kepada natijah yang buruk mesti disekat, tanpa mengambil kira niat pelakunya. Sebaliknya, *ḥiyal* tidak dikira *madhmūmah* kecuali terdapat niat pelakunya untuk menggunakan helah tersebut sebagai jalan bagi menafikan *maqāṣid al-sharī'ah* dan membatalkan hukum *Syarak*.

Kesimpulannya, jika terdapat niat dalam *dharā'i'* ia dikira *ḥiyal madhmūmah*, tetapi sekiranya tiada niat ia dikira *dharā'i'*. Oleh itu, hubungan antara kedua-duanya berbentuk am dan khusus. Semua *ḥiyal* adalah *dharā'i'* dan bukan sebaliknya.

## **2. Petunjuk (*indicator*) Ḥiyal**

Sebagaimana yang dirumuskan di atas, *ḥiyal* adalah suatu jalan penyelesaian yang bersifat “tidak langsung” dan “tersembunyi”. Perkara ini perlu diperjelaskan agar *ḥiyal* dapat dikenal pasti. Setelah merujuk kepada tulisan para fuqaha mengenai *ḥiyal*, khususnya contoh-contoh dan juga penggunaan kalimah *ḥiyal* di kalangan mereka, maka dapatlah dirumuskan bahawa *ḥiyal* mempunyai salah satu, kombinasi sebahagian atau semua ciri-ciri yang berikut:

---

<sup>41</sup> Ibn al-Qayyim, *I'lām al-Muwaqqi'in*, j. 3, h. 109. Lihat juga: Abu Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1997, h. 253.

<sup>42</sup> Al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*, j. 2, h. 57-58. (al-Maktabah al-Shamilah, Edisi 3). Lihat juga takrif yang seakan sama dalam: Abu al-Walīd al-Bājī, *Al-Ishārāt fī Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2000, h. 113.

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

- a) *Hiyal* adalah suatu jalan yang di luar kebiasaan bagaimana sesuatu perkara itu dilakukan dan terhasil daripada kebijaksanaan dan pengamatan yang mendalam. Supaya ciri ini lebih difahami, contoh-contoh berikut bolehlah diamati:
- i. Di dalam akad (kontrak) sewaan berjangka panjang, contohnya selama lima tahun, penyewa bimbang yang pemberi sewa akan menamatkan kontrak sewaan lebih awal yang sudah tentu akan menimbulkan kesulitan kepada penyewa. Sebagai penyelesaian, penyewa membuat *hīlah* dengan meletakkan syarat bahawa kadar sewaan untuk beberapa tahun pertama lebih rendah, dan kadar sewaan untuk tahun terakhir lebih tinggi.<sup>43</sup> Maka jika berlaku sesuatu terhadap pemberi sewa yang mendorongnya untuk menamatkan kontrak sewaan sebelum tamat tempoh perjanjian, *hīlah* di atas dapat mengurangkan risiko kontrak sewaan tersebut ditamatkan lebih awal kerana penyewa hanya mendapat keuntungan minima dari kontrak sewaan, iaitu sewaan kadar rendah. Tetapi jika pemberi sewa tetap berkeras menamatkan kontrak sewaan, penyewa juga dapat meminimalkan kerugian dengan bayaran sewa yang rendah untuk tahun-tahun pertama.

Begitu juga sebaliknya jika pemberi sewa yang khuatir penyewa akan menamatkan kontrak sewaannya lebih awal. Maka kadar sewaan yang tinggi akan dikenakan pada beberapa bulan atau tahun yang awal.<sup>44</sup> Jika selepas itu penyewa menamatkan kontrak sewaannya, maka kesannya ke atas pemberi sewa adalah minima.<sup>45</sup>

Daripada contoh di atas, dapat diperhatikan bahawa “*hīlah*” yang digunakan adalah diluar kebiasaan struktur kontrak *ijārah* di mana kadar sewaan adalah tetap dan sekata<sup>46</sup> di sepanjang tempoh sewaan.

- ii. Seorang pemilik tanah jika menyewakan tanahnya kepada seseorang, dan mensyaratkan supaya penyewa membayar cukai (*kharāj*) tanah tersebut, maka syarat ini adalah batal kerana membayar cukai adalah tanggungjawab pemilik tanah. *Hīlah* bagi membolehkan perkara ini dilakukan adalah dengan cara

---

<sup>43</sup> Ilustrasi: Kontrak sewaan adalah untuk tempoh lima tahun. Kadar sewa bagi tiga tahun pertama adalah sebanyak dua ribu setahun. Manakala kadar sewa bagi dua tahun yang terakhir adalah sebanyak sepuluh ribu setahun. Ini menjadikan jumlah kadar sewa bagi tempoh lima tahun adalah sebanyak dua puluh enam ribu.

<sup>44</sup> Ilustrasi: Kontrak sewaan adalah untuk tempoh lima tahun. Kadar sewa bagi dua tahun pertama adalah sebanyak sepuluh ribu setahun. Manakala kadar sewa bagi tiga tahun yang terakhir adalah dua ribu setahun. Ini menjadikan jumlah kadar sewa bagi tempoh lima tahun adalah sebanyak dua puluh enam ribu.

<sup>45</sup> Contoh ini disebut oleh al-Shaybānī dan al-Sarakhsī. Sila rujuk: Al-Shaybānī, *Al-Makhārij fī al-Hiyal*, Baghdad: Maktabah al-Muthannā, 1930, h. 9; Al-Sarakhsī, *Al-Mabsūt*, j. 30, h. 383.

<sup>46</sup> Ilustrasi: Kontrak sewaan adalah untuk tempoh lima tahun. Kadar sewa setahun adalah sebanyak lima ribu dua ratus. Ini menjadikan jumlah kadar sewa bagi tempoh lima tahun adalah sebanyak dua puluh enam ribu.

pemilik tanah menyewakan tanahnya kepada penyewa dengan mengenakan kadar sewaan yang lebih mahal, iaitu lebihan senilai dengan kadar bayaran cukai *kharāj*.<sup>47</sup> Kemudian, pemilik tanah memberi keizinan (mewakilkkan) kepada penyewa untuk membayar kadar lebihan yang dikenakan kepadanya untuk bayaran cukai tersebut.<sup>48</sup>

Perkara ini adalah dianggap *ḥīlah* kerana ianya diluar kebiasaan struktur *ijārah* yang membezakan antara kadar sewa yang menjadi tanggungjawab penyewa dengan bayaran lain yang menjadi tanggungjawab pemilik aset.

- b) Apabila dimasukkan ke dalam barang pertukaran sesuatu yang tidak diperlukan atau dimaksudkan oleh pihak-pihak yang berkontrak.<sup>49</sup> Antara contoh-contohnya adalah seperti berikut:
- i. Sebagaimana yang dimaklumi, antara syarat-syarat pertukaran barang *ribawī* yang sama jenis, ianya hendaklah dilakukan di dalam jumlah yang sama. Misalnya, satu kilo perak dengan satu kilo perak. *Ḥīlah* untuk melakukan pertukaran dalam jumlah yang tidak sama adalah dengan memasukkan sesuatu yang tidak dimaksudkan oleh kedua-dua pihak yang berkontrak.<sup>50</sup>
  - ii. Di dalam kontrak *muḍārabah*, pengusaha (*muḍārib*) tidak boleh memberi jaminan terhadap modal yang dikeluarkan oleh pelabur. *Ḥīlah* pelabur supaya modalnya terjamin oleh pengusaha ialah dengan cara pelabur memberikan modalnya kepada pengusaha secara pinjaman (*qarḍ*), kecuali satu nilai yang sangat kecil sebagai modal<sup>51</sup>. Kemudian pelabur membuat kontrak *muḍārabah* dengan pengusaha di atas jumlah yang kecil tersebut sebagai modal. Keuntungan yang diperolehi oleh mereka berdua akan dibahagikan antara mereka mengikut nisbah yang dipersetujui bersama. Ini adalah diluar kebiasaan *muḍārabah* dari dua aspek. Pertama, adalah diluar kebiasaan akad *muḍārabah* untuk penyumbang modal memberikan pinjaman kepada

---

<sup>47</sup> Ilustrasi: Kadar sewaan adalah satu ribu setahun dan kadar cukai adalah dua ratus setahun. Di dalam *ḥīlah* ini, penyewa menyewakan tanahnya dengan kadar satu ribu dua ratus setahun dan mewakilkkan penyewa untuk membayar cukai tanah tersebut.

<sup>48</sup> Lihat Ibn al-Qayyim, *A'lam al-Muwaqqi'in*, j. 3, h. 201.

<sup>49</sup> Lihat Ibn Taymiyyah, *al-Qawā'id al-Nūrāniyyah al-Fiqhiyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994, h. 83.

<sup>50</sup> Ilustrasi: Satu kilo gandum dimasukkan bersama satu kilo perak sebagai pertukaran dengan dua kilo perak. Sekilo gandum adalah sesuatu yang tidak diperlukan oleh kedua-dua pihak yang berkontrak dan tiada nilai jika dibandingkan dengan harga perak. Ianya dimasukkan sebagai *ḥīlah* untuk menukar sekilo perak dengan dua kilo perak. Lihat Ibn Taymiyyah, *al-Qawā'id al-Nūrāniyyah al-Fiqhiyyah*, h. 83.

<sup>51</sup> Ilustrasi: Modal sebanyak sepuluh ribu diperlukan oleh sebuah syarikat *muḍārabah*. Penyumbang modal (*rabb al-māl*) memberikan hutang (*qarḍ*) sebanyak sembilan ribu sembilan ratus kepada pengusaha (*muḍārib*). Manakala satu ratus lagi diserahkan kepadanya sebagai modal syarikat *muḍārabah*.

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

pengusaha. Kedua, adalah juga diluar kebiasaan bagi *mudārib* menyumbang apa-apa modal. Di dalam kes ini, *mudārib* sebenarnya menyumbang modal yang lebih besar melalui hutang yang diperolehinya.

- iii. Antara contoh aplikasi semasa adalah akad *tawarruq* untuk produk pembiayaan peribadi. Bank dan pelanggan menjalankan jual beli komoditi, misalnya besi, yang tidak diperlukan atau dimaksudkan oleh pihak-pihak yang berkontrak. Ianya adalah *hīlah* untuk memberi wang tunai kepada pelanggan dan mensabitkan hutang ke atasnya.
- c) Apabila dimasukkan ke dalam sesuatu kontrak, akad-akad lain atau syarat-syarat yang tidak diperlukan atau dimaksudkan.<sup>52</sup> Akad-akad tambahan ini ada kalanya menyokong kontrak utama atau menafikannya. Antara contoh-contohnya adalah seperti berikut:
- i. Antara syarat dalam kontrak *mudārabah*, aset yang dijadikan modal pelaburan hendaklah terdiri daripada emas atau perak, ataupun matawang. Tidak sah *mudārabah* dengan menjadikan barangan lain sebagai modal pelaburan. Ini adalah pandangan majoriti fuqaha. Syarat ini menyukarkan individu yang hanya memiliki barangan lain (bukannya emas, perak atau matawang) untuk dijadikan modal pelaburan. *Hīlah* bagi menyelesaikan kesukaran ini adalah dengan cara pemodal (*rabb al-māl*) menjual barangannya kepada seseorang individu lain yang dipercayainya. Wang hasil jualan itu diserahkan kepada pengusaha (*mudārib*) dalam kontrak *mudārabah*. Kemudian, pengusaha tersebut membeli balik barangan yang dibeli oleh lelaki tadi.<sup>53</sup> Syarat tambahan di sini adalah pembelian balik barangan tersebut oleh pengusaha. Syarat ini sepatutnya tiada dalam kontrak jual beli yang biasa.
  - ii. Antara contoh-contoh yang lain adalah syarat pembelian balik dalam akad *īnah*, *hibah* yang wajib bagi produk deposit berasaskan *mudārabah*, syarat penjualan barang sewaan kepada penyewa di akhir kontrak sewaan, syarat pemulangan semula barang pembelian oleh pembeli apabila penjual mengembalikan harga barang tersebut dalam kontrak *bay' al-wafā'*, dan sebagainya.

Ciri-ciri di atas adalah semata-mata untuk mengenalpasti samada sesuatu akad atau struktur produk termasuk di dalam kategori *hiyal* atau sebaliknya. Manakala hukum samada apa yang dikategorikan sebagai *hiyal* mengikut ciri-ciri di atas termasuk dalam *hiyal* yang dibenarkan atau sebaliknya akan dibincangkan kemudian di dalam kertas ini.

---

<sup>52</sup> Ibn Taymiyyah, *al-Qawā'id al-Nūrāniyyah al-Fiqhiyyah*, h. 84.

<sup>53</sup> Al-Zayla'ī, *Tabyīn al-Haqā'iq*, j. 14, h. 83.

### 3. Pandangan Ulama Mengenai *Ḥiyal* Secara Umum

Secara umumnya, setelah meneliti takrif *ḥiyal* yang diberikan oleh setiap mazhab termasuk ulama kontemporari dan melihat kepada ciri-ciri yang menunjukkan sesuatu perbuatan atau produk itu menggunakan kaedah *ḥiyal*, ternyata fuqaha mempunyai dua pandangan berikut mengenai hukum *ḥiyal*:

**Pendapat Pertama:** *Ḥiyal* adalah dibenarkan. Antara fuqaha' yang secara zahirnya membenarkan *ḥiyal* adalah daripada kalangan mazhab Hanafi dan Shafie.

Antara sandaran dan dalil daripada al-Quran dan Sunnah yang menunjukkan bahawa penggunaan *ḥiyal* (*makhārij* di dalam istilah khas) dibenarkan adalah seperti berikut;

- i. Firman Allah dalam surah al-Nisā': 98 yang berbunyi:

{ إِلَّا الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانَ لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا }

Maksudnya: “Kecuali orang-orang yang lemah (lagi uzur) dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya upaya mencari helah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah)”

Berdasarkan ayat ini, Allah memberi kelonggaran kepada golongan yang tidak berupaya mencari *ḥilah* untuk berhijrah ke Madinah, dan tidak menganggap mereka sebahagian daripada ahli neraka jahannam. Menurut Imam Al-Qurṭubī dalam tafsirnya, perkataan *ḥilah* dalam ayat ini adalah lafaz am yang merangkumi pelbagai bentuk jalan keluar (الحيلة لفظ عام لأنواع أسباب التخلص).<sup>54</sup> Justeru, walaupun Allah menggunakan perkataan *ḥilah*, tetapi dalam konteks ayat ini, ia bermaksud jalan keluar bagi melepaskan diri daripada kekangan orang-orang kafir.

- ii. Firman Allah dalam surah Ṣād: 44 yang berbunyi:

{ وَخُذْ بِيَدِكَ ضِغْتًا فَاضْرِبْ بِهِ وَلَا تَحْنُثْ إِنَّا وَجَدْنَاهُ صَابِرًا نِعْمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ أَوَّابٌ }

Maksudnya: Dan (Kami perintahkan lagi kepadanya): Ambillah dengan tanganmu seikat jerami kemudian pukullah (isterimu) dengannya dan janganlah engkau merosakkan sumpahmu itu. Sesungguhnya Kami mendapati Nabi Ayub itu seorang yang sabar; dia adalah sebaik-baik hamba; sesungguhnya dia sentiasa rujuk kembali (kepada Kami dengan ibadatnya).

Menurut Ibn Kathīr, Nabi Ayub telah memarahi isterinya dan bersumpah akan memukulnya dengan 100 sebatan sekiranya Allah menyembuhkan baginda daripada penyakit yang dialaminya. Apabila baginda telah sembuh, beliau tidak sanggup untuk memukul isterinya, maka Allah telah memberinya idea supaya menggunakan jerami yang mengandungi 100 helai dan memukulnya dengan satu

<sup>54</sup> Al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, j.5, h. 347.



## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

pukulan sahaja. Tindakan Nabi Ayub ini dikira sebagai jalan keluar (*al-farj wa al-makhrāj*) bagi melaksanakan sumpahnya dan mengelakkan baginda daripada melanggarnya<sup>55</sup>.

- iii. Hadis Rasulullah s.a.w berkaitan dengan hukum hudud ke atas lelaki yang berzina dalam hadis riwayat Abu Daud yang berbunyi:

أَخْبَرَنِي أَبُو أُمَامَةَ بْنُ سَهْلٍ بْنُ حَنْبَلٍ أَنَّهُ أَخْبَرَهُ بَعْضُ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- مِنَ الْأَنْصَارِ أَنَّهُ اشْتَكَى رَجُلٌ مِنْهُمْ حَتَّى أُضْنِيَ فَعَادَ جِلْدَهُ عَلَى عَظْمٍ فَدَخَلْتُ عَلَيْهِ جَارِيَةً لِبَعْضِهِمْ فَهَشَّتْ لَهَا فَوْقَ عَظْمِهَا فَلَمَّا دَخَلَ عَلَيْهِ رَجَالٌ قَوْمِهِ يَعُودُونَهُ أَخْبَرَهُمْ بِذَلِكَ وَقَالَ اسْتَفْتُوا لِي رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فَأَنِّي قَدْ وَقَعْتُ عَلَى جَارِيَةٍ دَخَلْتُ عَلَى. فَذَكَرُوا ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- وَقَالُوا مَا رَأَيْنَا بِأَحَدٍ مِنَ النَّاسِ مِنَ الضَّرِّ مِثْلَ الَّذِي هُوَ بِهِ لَوْ حَمَلْنَاهُ إِلَيْكَ لَنَفَسَخْتَ عِظَامَهُ مَا هُوَ إِلَّا جِلْدٌ عَلَى عَظْمٍ فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- أَنْ يَأْخُذُوا لَهُ مِائَةَ شِمْرَاحٍ فَيَضْرِبُوهُ بِهَا ضَرْبَةً وَاحِدَةً<sup>56</sup>

Maksudnya:

Abu Umamah ibn Sahl ibn Hunayf mengkhabarkan kepadaku bahawa sesetengah sahabat Nabi s.a.w dari golongan Anṣār memberitahunya tentang seorang lelaki yang menderita kesakitan hingga kelihatan tulangnya. Seorang hamba wanita milik orang lain menziarahinya, lalu mereka melakukan hubungan seksual. Apabila segolongan daripada kaum lelaki menziarahinya (pesakit), dia memberitahu mereka mengenai ketelanjuran yang telah dilakukan. Dia berkata: Tanyakan Rasulullah bagi pihakku mengenai hukum perbuatan zina yang telah aku lakukan. Maka mereka menceritakan perkara tersebut kepada Rasulullah dengan berkata: Kami tidak pernah melihat seseorang yang lebih lemah akibat kesakitan daripadanya. Sekiranya kami membawa dia kepada Engkau, maka terlerailah tulangnya. Badannya hanya tinggal kulit dan tulang sahaja. Maka Rasulullah s.a.w menyuruh mereka mengambil seratus ranting kayu dan memukulnya dengan sekali sebatan sahaja.

Hadis ini menunjukkan Rasulullah telah menggugurkan hukuman hudud zina sebanyak seratus kali sebatan dan menukarnya dengan sekali sebatan menggunakan seikat ranting yang mengandungi seratus batang. Menurut al-Shawkānī, ini merupakan salah satu bentuk helah yang dibenarkan oleh *Syarak*, seperti mana Allah telah mengharuskannya dalam ayat وَخُذْ بِيَدِكَ ضِعْفًا<sup>57</sup>.

<sup>55</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Dār al-Ṭayyibah, 1999, j. 7, h. 76. Al-Sarakhsī juga berpandangan bahawa ayat ini mengandungi pengajaran berbentuk *makhrāj* kepada Nabi Ayub bagi mengelakkan baginda daripada melanggari sumpahnya. Lihat: Al-Sarakhsī, *Al-Mabsūt*, j. 30, h. 371.

<sup>56</sup> Abu Dawūd, *Al-Sunan*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabī, t.t., j. 4, h. 275, hadis no. 4474.

<sup>57</sup> Al-Shawkānī, *Nayl al-Awtār*, Idārah al-Ṭibā'ah al-Munīriyyah, j. 7, h. 165. Sila rujuk nas asal: وهذا العمل من الحيل الجائزة شرعا وقد جوز الله مثله في قوله { وخذ بيدك دغثا }

**Pendapat Kedua:** *Ḥiyal* adalah tidak dibenarkan. Secara luarannya, antara golongan yang membatalkan *ḥiyal* adalah ulama daripada kalangan mazhab Maliki dan Hanbali.

Antara dalil-dalil yang menunjukkan pengharaman *ḥiyal* adalah seperti berikut:

- i. Firman Allah mengenai helah orang-orang Yahudi dalam beberapa ayat,<sup>58</sup> antaranya:

Surah al-A‘rāf: 163 yang berbunyi:

{ وَاسْأَلْهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ حَاضِرَةَ الْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِي السَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ جِثَابُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ لَا تَأْتِيهِمْ كَذَلِكَ نَبْلُوهُمْ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ }

Maksudnya: Dan bertanyalah kepada mereka (wahai Muhammad) mengenai (penduduk) bandar yang letaknya di tepi laut, semasa mereka melanggar larangan pada hari Sabtu, ketika datang kepada mereka pada hari Sabtu itu ikan-ikan (yang menjadi cubaan kepada) mereka, yang kelihatan timbul di muka air; sedang pada hari-hari lain, ikan-ikan itu tidak pula datang kepada mereka. Demikianlah kami menguji mereka (dengan cubaan itu) kerana mereka sentiasa berlaku fasik.

Ayat ini merupakan cercaan Allah terhadap bangsa Yahudi yang menggunakan tipu helah bagi melanggar larangan menangkap ikan pada hari Sabtu, iaitu dengan cara meletakkan jala dan pukat pada hari Jumaat dan mengambilnya pada hari Ahad.

- ii. Sabda Rasulullah s.a.w mengenai tipu helah orang-orang Yahudi:

«لَعَنَ اللَّهُ الْيَهُودَ حُرِّمَتْ عَلَيْهِمُ الشُّحُومُ فَجَمَلُوهَا فَبَاعُوهَا»<sup>59</sup>

Maksudnya: “Allah melaknat orang-orang Yahudi yang telah diharamkan ke atas mereka lemak (daripada lembu) tetapi mereka menukarkannya dan menjualnya”. Hadis ini menunjukkan bahawa Allah telah melaknat kaum Yahudi yang menggunakan helah dalam menghalalkan larangan penggunaan lemak ke atas mereka.

- iii. Sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

«وَلَا يُجْمَعُ بَيْنَ مُتَفَرِّقٍ وَلَا يُفْرَقُ بَيْنَ مُجْتَمِعٍ خَشْيَةَ الصَّدَقَةِ»<sup>60</sup>

Maksudnya: “Tidak dicampur (harta milik) orang yang berasingan dan tidak diasing (harta milik) bersama kerana takut (untuk mengeluarkan lebih, atau menerima sedikit) zakat.”

<sup>58</sup> Lihat juga Surah al-Baqarah: 65-66.

<sup>59</sup> Hadis sahih riwayat Bukhārī dan Muslim. Lihat: Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 3, h. 1275; Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 5, h. 41.

<sup>60</sup> Hadis sahih. Lihat: Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 6, h. 2551.

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

Hadis ini melarang tipu helah yang membawa kepada pengguguran atau pengurangan zakat disebabkan percampuran atau pengasingan.

Setelah meneliti dalil-dalil di atas dan perbincangan fuqaha mengenainya, penulis berpendapat bahawa perbezaan pandangan ini hanyalah dari segi zahirnya sahaja. Hampir semua mazhab mengiktiraf istilah *hīlah* dalam perbincangan mereka. Apa yang membezakan antara mazhab yang mengharamkan dan membenarkan *hīlah* ialah dari sudut penggunaan istilah tersebut secara khusus. Mazhab yang mengharam *hīlah* merujuk penggunaannya bagi membatalkan sesuatu hukum atau menukarkannya kepada hukum yang lain bagi tujuan menyalahi *maqāṣid al-shāri‘* dalam pensyariaan tersebut. Sebaliknya, golongan yang membenarkan *hīlah* merujuk kepada penggunaannya sebagai jalan penyelesaian untuk keluar daripada perkara yang haram kepada yang halal, atau dengan kata lain mereka merujuk kepada istilah *makhārij*.

Justeru, majoriti fuqaha berpandangan bahawa jika objektif *hīlah* adalah untuk menghalalkan yang haram maka ianya dikategorikan sebagai *hīlah* yang dilarang (*al-hīlah al-mamnū‘ah*). Sebaliknya, jika tujuan *hīlah* dilakukan adalah untuk meninggalkan perkara yang haram dan mencapai sesuatu yang halal, maka ianya dikategorikan sebagai *hīlah* yang dibenar (*al-hīlah al-mashrū‘ah*).

Kesimpulan ini dibuat berdasarkan hujah-hujah berikut:

- i. Al-Khaṣṣāf dari mazhab Hanafi menjelaskan bahawa *hiyal* ialah penyelesaian yang digunakan oleh seseorang individu bagi keluar daripada sesuatu yang berdosa dan haram kepada yang halal. Justeru, beliau berpendapat, sekiranya *hiyal* digunakan untuk tujuan ini, ia tidak menimbulkan sebarang isu. Sebaliknya, jika seseorang menggunakan helah untuk membatalkan hak seseorang, atau menggunakan helah bagi sesuatu yang batil sehingga menukarnya (kepada yang harus), atau menggunakan helah dalam sesuatu perkara sehingga menimbulkan syak wasangka, maka bentuk-bentuk helah yang sedemikian adalah makruh<sup>61</sup>. Jelas di sini bahawa ulama Hanafi yang dikenali sebagai pelopor dan pejuang *hiyal* juga mengiktiraf kewujudan *hiyal ghayr mashrū‘ah/muḥarramah*.
- ii. Al- Shāṭibī dari mazhab Maliki dengan jelas memberikan sebab mengapa *hiyal* tidak dibenarkan iaitu apabila ianya bertujuan untuk membatalkan hukum *Syarak* dan merosakkan *qawā‘id al-sharī‘ah*. Dapat difahami di sini bahawa jika sebab ini tidak ada, sudah tentu hukum tidak membenarkan *hiyal* juga sepatutnya

<sup>61</sup> Al-Khaṣṣāf, *Fī Al-Hiyal*, p. 4.

"وإنما الحيل شئ يتخلص به الرجل من المأثم والحرام ويخرج به إلى الحلال، فما كان من هذا أو نحوه فلا بأس، وإنما يكره من ذلك أن يحتال الرجل في حق الرجل حتى يبطله، أو يحتال في باطل حتى يموجه، أو يحتال في شيء حتى يدخل فيه شبهة"

berubah kepada dibenarkan kerana *al-aḥkām tadūr ma‘a ‘ilalihā wujūdan wa ‘adaman* (kewujudan dan ketiadaan sesuatu hukum adalah bergantung kepada kewujudan dan ketiadaan sebab-sebabnya)<sup>62</sup>. Di samping itu, al-Shāṭibī sendiri menyatakan bahawa jika diandaikan bahawa sesuatu helah itu tidak merosakkan usul *Syarak* dan tidak bertentangan dengan *maṣlahah* yang diiktiraf oleh *Syarak*, maka helah tersebut tidak termasuk di dalam larangan dan ianya bukanlah helah yang *bāṭil*. Al-Shāṭibī juga mengklasifikasikan *ḥiyal* kepada tiga kategori iaitu *ḥiyal* yang disepakati pengharamannya, yang disepakati keharusannya dan yang diperselisih hukumnya.<sup>63</sup>

- iii. Di dalam membincangkan peranan Mufti, salah seorang fuqaha Maliki iaitu al-Tasūlī menyatakan bahawa adalah tidak wajar baginya (Mufti) untuk mengambil ringan mengenai hukum atau fatwa dengan bersegera di dalam menjatuhkan hukum atau memberi fatwa sebelum menunaikan hak kedu-dua belah pihak dengan memberi penelitian terhadap kes yang dibentangkan kepadanya. Adalah tidak wajar juga baginya mengikut tujuan-tujuan yang salah dan mengikut *ḥiyal* yang haram atau makruh.<sup>64</sup> Perkara yang sama juga disebut di dalam kitab *Manḥ al-Jalīl*.<sup>65</sup> Apa yang dapat difahami di sini adalah jika terdapat *ḥiyal* yang

<sup>62</sup> Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*, j. 4, h. 558

<sup>63</sup> *Ibid.*, j. 2, h. 662-663. Sila rujuk nas asal:

فالحيل التي تقدم إبطالها ودمها والنهي عنها ما هدم أصلاً شرعياً وناقض مصلحة شرعية، فإن فرضنا أن الحيلة لا تهدم أصلاً شرعياً، ولا تناقض مصلحة شهد الشرع باعتبارها؛ فغير داخل في النهي ولا هي باطلة، ومرجع الأمر فيها إلى أنها على ثلاثة أقسام:

أحدها: لا خلاف في بطلانه، كحيل المناققين والمرائين.

والثاني: لا خلاف في جوازه؛ كالنطق بكلمة الكفر إكراهاً عليها،

وأما الثالث: هو محل الإشكال والغموض، وفيه اضطربت أنظار النظار من جهة أنه لم يتبين فيه دليل واضح قطعي لحاقه بالقسم الأول أو الثاني، ولا تبيين فيه للشارع مقصد يتفق على أنه مقصود له، ولا ظهر أنه على خلاف المصلحة التي وضعت لها الشريعة بحسب المسألة المفروضة فيه

<sup>64</sup> Al-Tasūlī, *Al-Bahjah fī Sharḥ al-Tuḥfah*, j. 1, h. 40. (Al-Maktabah al-Shāmilah Edisi 3). Sila rujuk nas asal:

فليحكم بأيهما شاء ولا يجوز له ولا للمفتي أن يتساهل في الحكم أو الفتوى بأن يسرع في الحكم أو الفتوى قبل استيفاء حقهما من النظر والفكر، أو تحمله الأغراض الفاسدة على تتبع الحيل المحظورة أو المكروهة والتمسك بالشبه طلباً للترخيص على من يروم نفعه من الجبابة والقرابة ونحوهما. أو التغليب على من يروم ضرره ومن فعل مثل هذا وعرف به فلا يجوز أن يستفتي، وقد هان عليه دينه نسأل الله تعالى العفو والعافية

<sup>65</sup> Muḥammad ‘Ilyash, *Sharḥ Manḥ al-Jalīl ‘alā Mukhtaṣar Khalīl*, j. 17, h. 290. (Al-Maktabah al-Shāmilah Edisi 3) Sila rujuk nas asal:

ابن فرحون: لا يجوز التساهل في الفتوى ومن عرف به لا يجوز استفتاؤه والتساهل يكون بأن لا يثبت ويسرع بالفتوى أو الحكم قبل استيفاء حقه من النظر والفكر وقد يحمله على ذلك توهمه أن الإسراع براعة والإبطاء عجز ولا يبطئ ولا يخطئ أجمل به أن يعجل فيفضل ويضل وقد يكون تساهله بأن تحمله الأغراض الفاسدة على تتبع الحيل المحظورة أو المكروهة بالتمسك بالشبهة طلباً للترخيص على من يروم نفعه أو التغليب على من يروم ضرره. ابن الصلاح ومن فعل ذلك فقد هان عليه دينه، وأما إذا صح قصد المفتي واحتسب في طلب حيلة لا شبهة فيها ولا تجر إلى مفسدة ليخلص بها المستفتي من ورطة يمين أو نحوها فذلك حسن جميل.

dikategorikan sebagai haram dan makruh, sudah tentu adanya juga *hiyal* yang halal dan harus.

- iv. Al-Qazwīnī, seorang ulama dari mazhab Shafi'i telah mengkategorikan *hiyal* kepada tiga bentuk iaitu haram, makruh dan harus<sup>66</sup>. Ini menunjukkan bahawa ulama Shafi'i tidak membenarkan *hiyal* secara mutlak, sebaliknya mengiktiraf *hiyal mubāḥah* sahaja. Di samping itu, adalah mustahil sekiranya mereka membenarkan *hiyal* yang haram.
- v. Ibn al-Qayyim dari mazhab Hanbali telah membahagikan helah kepada dua bentuk; pertama ialah helah bagi mencapai sesuatu yang wajib, meninggalkan yang haram, mendapatkan hak, membela orang yang dizalimi, dan menghukum orang yang zalim dan melampaui batas. Bentuk yang kedua ialah helah bagi tujuan menghalalkan apa yang haram, membatalkan kebenaran dan hak, dan menggugurkan sesuatu kewajipan. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah *hīlah* di kalangan fuqaha Hanbali lebih merujuk kepada bentuk yang kedua (*hīlah madhmūmah*)<sup>67</sup>. Menurut Ibn al-Qayyim, helah yang pertama iaitu *hīlah maḥmūdah* atau *hīlah ghayr muḥarramah* terbahagi kepada empat, iaitu makruh, harus, sunat dan wajib, manakala helah yang kedua iaitu *hīlah madhmūmah* atau *hīlah muḥarramah* mempunyai tiga bentuk, iaitu helah yang membawa kepada kekufuran, *hīlah* yang berdosa besar dan helah yang berdosa kecil<sup>68</sup>.

Ringkasnya, berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan, *hiyal* secara umumnya terbahagi kepada *hiyal* yang dibenarkan dan juga *hiyal* yang tidak dibenarkan. Persoalan seterusnya, apakah parameter (*dawābīṭ*) bagi menentukan hukum sesuatu *hiyal* itu samada dibenarkan atau sebaliknya. Namun, penulis terlebih dahulu akan membahaskan beberapa isu utama yang menjadi pendahuluan dan asas kepada pembinaan parameter-parameter tersebut.

---

<sup>66</sup> Al-Qazwīnī, *Kitāb al-Ḥiyāl fī al-Fiqh*, Diterbitkan oleh Joseph Schact, 1924, h. 2. Sila rujuk nas asal:

الحيل على ثلاثة أضرب، محظور ومكروه ومباح

<sup>67</sup> Ibn al-Qayyim, *A'ṭām al-Muwaqqi'īn*, j. 3, h. 189. Sila rujuk nas asal:

فالحيلة جنس تحته التوصل الى فعل الواجب وترك المحرم وتخليص الحق ونصر المظلوم وقهر الظالم وعفوية المعتدي وتحته التوصل الى استحلال المحرم وإبطال الحقوق وإسقاط الواجبات ولما قال النبي ص - لا ترتكبوا ما ارتكبت اليهود فتستحلوا محارم الله بأدنى الحيل غلب استعمال الحيل في عرف الفقهاء على النوع المذموم

<sup>68</sup> Ibid. Sila rujuk nas asal berikut:

فالحيل المحرمة منها ما هو كفر ومنها ما هو كبيرة ومنها ما هو صغيرة، وغير المحرمة منها ما هو مكروه ومنها ما هو جائز ومنها ما هو مستحب ومنها ما هو واجب

## **BAHAGIAN (2): MUKADDIMAH PEMBENTUKAN PARAMETER *ḤIYAL***

### **PENGENALAN**

Huraian mengenai definisi, pembahagian dan ciri-ciri *ḥiyal* menunjukkan terdapat beberapa elemen penting yang perlu diberikan penekanan sewajarnya dalam menggunakan kaedah *ḥiyal* dalam kewangan Islam. Elemen-elemen tersebut ialah *qaṣd al-Shāri'*, *qaṣd al-mukallaḥ*, *maṣlahah*, *wasā'il* serta *rukhsa* dan *'azimah*. Kesemua elemen ini berkait rapat dengan *ḥiyal* kerana boleh memberi impak kepada kedudukan hukum *ḥiyal* di sisi *Syarak* iaitu samada *ḥiyal* itu boleh dikira harus atau sebaliknya dan samada ia boleh membatalkan hukum *Syarak* dan *maqāṣidnya* atau tidak. Justeru itu, pandangan-pandangan para ulama mengenai elemen-elemen di atas akan diketengahkan bagi mengetahui justifikasi-justifikasi pandangan mereka supaya pandangan yang sesuai dengan konteks amalan kewangan semasa boleh dipilih untuk membentuk parameter pemakaian *ḥiyal* dalam kewangan Islam. Parameter ini penting kerana perbincangan tentang konsep *ḥiyal* dalam bahagian (i) kertas ini menunjukkan terdapat beberapa bentuk *ḥiyal* yang pada zahirnya kelihatan menepati *Syarak* tetapi pada hakikatnya bercanggah dengan misalnya *qaṣd al-Shāri'* atau *qaṣd al-mukallaḥ* atau elemen-elemen lain. Justeru itu, elemen-elemen di atas perlu diambilkira untuk memastikan bahawa pemakaian *ḥiyal* dalam kewangan Islam tidak tersasar daripada objektifnya yang asal bahkan boleh menyumbang kepada tecapainya *maqāṣid al-Shari'ah* dalam mu'āmalāt.

### **2.1. *Qaṣd al-Shāri'***

#### **2.1.1. Definisi *qaṣd al-Shāri'***

Penulis tidak mendapati takrif istilah tertentu yang disepakati oleh para ulama mengenai *qaṣd al-Shāri'*. Ibn 'Āshūr misalnya mentakrifkannya sebagaimana berikut: “المعاني والحكم الملحوظة للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها بحيث لا تختص ملاحظتها بالكون في نوع خاص من أحكام الشريعة” yang bermaksud makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambilkira oleh *Syarak* dalam semua urusan perundangan Islam atau sebahagian besar daripadanya yang tidak hanya khusus kepada hukum-hukum *Syarak* yang tertentu. Oleh itu, menurut beliau, ia termasuk sifat-sifat *Syarak* dan tujuan-tujuannya serta makna-makna yang dikehendaki oleh *Syarak*.<sup>69</sup>

<sup>69</sup> Muḥammad al-Ṭāhir b. 'Āsyūr (2006), *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Tūnis: Dār al-Suhnūn li al-Nashr wa al-Tawzī, h. 9. Al-Ghazzālī mentakrifkan *maqāṣid* sebagai “نعني بالمصلحة”

2.1.2. Pembahagian *qaṣd al-Shāri‘*

*Qaṣd al-Shāri‘* terbahagi kepada beberapa bahagian mengikut aspek-aspek (*haythiyyat*) tertentu sebagaimana berikut:

2.1.2 (a). Dari aspek keutamaan dan kesan

Dari aspek ini, *qaṣd al-Shāri‘* terbahagi kepada tiga bahagian. Huraian mengenainya tertumpu kepada dua perkara iaitu keutamaannya (kedudukannya) dan kesan jika *qaṣd al-Shāri‘* tersebut tidak diambilkira sewajarnya. Bahagian-bahagian tersebut ialah sebagaimana berikut:

i. *Al-Daruriyyat*

*Al-Daruriyyat* merujuk kepada *qaṣd al-Shāri‘* yang berada pada kedudukan tertinggi kerana kesan ketiadaannya menyebabkan sistem kehidupan manusia terganggu.<sup>70</sup> Ini termasuklah sistem kewangan yang mengawal aktiviti-aktiviti mu‘āmalāt. *Al-Daruriyyat* merangkumi lima aspek iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta<sup>71</sup> yang disebut sebagai *al-kulliyāt al-khams*.

ii. *Al-Hajiyyat*

*Al-Hajiyyat* bermaksud sesuatu yang diperlukan untuk mendapatkan kelapangan hidup dan mengelak daripada kesusahan. Ketidaannya boleh membawa kepada kesusahan (*al-ḥaraj*) dan kerumitan (*al-mashaqqah*)<sup>72</sup> yang akan ditanggung oleh *mukallaf* tetapi tidak sampai kepada tahap kemusnahan seperti ketiadaan *daruriyyat*.<sup>73</sup>

---

المحافظة على مقصود الشرع ومقصود الشرع من الخلق خمسة وهو أن يحفظ عليهم دينهم ونفسهم وعقلهم ونسلهم ومالهم”. Al-Āmidī mentakrifkan *maqāṣid* sebagai: “المقصود من شرع الحكم إما جلب مصلحة أو دفع مضرة أو مجموع الأمرين” manakala al-Shātibī apabila membahagikan *maqāṣid al-Syari‘ah* mentakrifkannya sebagai: “المحافظة على الضروريات و ما رجع إليها من الحاجيات و التحسينيات”. Lihat Abū Ḥamīd al-Ghazzālī (t.t), *al-Mustaṣfā fī ‘Ilm al-Uṣūl*, j. 1. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 216 Sayf al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī b. Abī ‘Alī b. Muḥammad al-Āmidī (2003), *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, j. 3. Beirut: Dār al-Fikr, h. 183 Al-Shātibī (1421H), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syari‘ah*, j. 3. Jumhūriyyah Miṣr al-‘Arabiyyah: Dār Ibn ‘Affān, h. 24

<sup>70</sup>Al-Shatibi (1991), *al-Muwafaqat*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 7

<sup>71</sup> Abū Ḥamīd al-Ghazzālī (t.t), *al-Mustaṣfā fī ‘Ilm al-Uṣūl*, j. 1. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 216, Al-Shatibi (1991), *al-Muwafaqat*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 7

<sup>72</sup> Al-Shatibi (2003), *op.cit.* j. 2, h. 8

<sup>73</sup>Al-Shatibi (1991), *al-Muwafaqat*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 7

iii. *Al-Taḥsiniyyat*

*Al-Taḥsiniyyat* merujuk kepada pengamalan adat-adat yang baik dan usaha menjauhi perkara-perkara yang keji pada pandangan akal yang *rājih*<sup>74</sup>. Ia bersifat mencantik, menghias dan memudah di dalam perkara-perkara ibadat, *mu‘āmalāt*<sup>75</sup>, adat dan kemuliaan akhlak<sup>76</sup>.

Berdasarkan huraian di atas, *qaṣd al-Shāri‘* bagi sesuatu *ḥiyal* yang dibuat boleh berada samda pada kedudukan *daruriyyat*, *hajiiyyat* atau *taḥsiniyyat*.

2.1.2 (b). Dari aspek keumuman *Syarak* (عموم الشريعة)

*Qaṣd al-Shāri‘* dalam aspek ini merujuk kepada prinsip-prinsip umum bagi keseluruhan hukum *Syarak* serta makna-makna yang dikehendaki daripada bab-bab (bahagian-bahagian) hukum *Syarak* yang tertentu. *Qaṣd al-Shāri‘* dari aspek ini terbahagi kepada dua bahagian berikut:

i. *Maqāṣid ‘Āmmah*

*Maqāṣid ‘Āmmah* ialah makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambilkira oleh *Syarak* dalam semua perkara berkaitan Syariah atau sebahagian besar daripadanya.<sup>77</sup> Ini termasuklah *awṣāf al-Shari‘ah* seperti tujuan-tujuan umum (*ghāyāt ‘āmmah*) dan makna-makna yang sentiasa diambilkira oleh *Syarak*.<sup>78</sup> Berdasarkan takrif ini, *maqāṣid ‘āmmah* merujuk kepada prinsip-prinsip umum *Syarak* yang dimaklumi secara *darūrī* seperti prinsip keadilan, kesaksamaan, toleransi.

ii. *Maqāṣid Khāṣṣah*

Berdasarkan huraian makna *maqāṣid ‘āmmah* oleh Ibn ‘Āshūr di atas, *maqāṣid khāṣṣah* boleh difahami sebagai makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambilkira oleh *Syarak* dalam bab-bab tertentu dalam Syariah seperti *qaṣd al-Shāri‘* dalam bab *‘uqūbāt*, *mu‘āmalāt māliyyah*, sistem kekeluargaan dan sebagainya.<sup>79</sup> Menurut Ibn ‘Āshūr *maqāṣid khāṣṣah* hendaklah sentiasa membawa kepada terhasilnya *maqāṣid ‘āmmah* atau tidak membawa kepada pembatalannya.

<sup>74</sup> Al-Shatibī (2003), *op.cit.* j. 2, h. 9

<sup>75</sup> ‘Abdullah Muhammad Amin (1995), *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islamiyyah*, al-Khartum: Markaz al-Qawmi li al-Intaj al-‘Ilami, h. 24

<sup>76</sup> Al-Shatibī (2003), *op.cit.* j. 2, h. 9

<sup>77</sup> Ibn ‘Āshūr (2001), *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islamiyyah*, al-Urdun: Dar al-Nafai’s, h. 251

<sup>78</sup> Ibn ‘Āshūr (2001), *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islamiyyah*, al-Urdun: Dar al-Nafai’s, h. 251

<sup>79</sup> N’uman Jughaym (2002), *Turuq al-Kashf ‘an Maqāṣid al-Syari‘*, ‘Amman: Dar al-Nafai’s, h.28



## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

### 2.1.2 (c). Dari segi keumuman umat (عموم الأمة)

Aspek ini merujuk kepada *qaṣd al-Shāri'* yang berkaitan dengan jumlah individu yang terlibat dalam sesuatu aktiviti samada masyarakat sesuatu tempat, penduduk sesebuah negeri, kumpulan tertentu atau seseorang individu tertentu. *Qaṣd al-Shāri'* dalam aspek ini terbahagi kepada dua bahagian berikut:

#### i. *Maqāṣid Kulliyah*

*Maqāṣid Kulliyah* merujuk kepada maksud *Syarak* yang kembali kepada umat secara keseluruhannya (عموم الأمة) atau kepada satu kumpulan yang besar daripada kalangan umat<sup>80</sup> seperti penduduk di sesebuah negeri.

#### ii. *Maqāṣid Juzi'yyah*

Ia adalah *maqāṣid* yang melibatkan manfaat-manfaat dan kebaikan-kebaikan yang kembali kepada individu-individu tertentu atau kumpulan-kumpulan kecil dari kalangan umat ini.<sup>81</sup>

### 2.1.2 (d). Dari aspek *hazz al-mukallaf*

#### i. *Maqāṣid Aṣliyyah*

*Maqāṣid Aṣliyyah* ialah objektif-objektif yang dikehendaki oleh *Syarak* pada asal (أصالة) dan permulaan (ابتداء) sesuatu hukum. Maksudnya apabila Allah menetapkan tujuan sesuatu hukum dan mewajibkannya ke atas mukallaf, Dia tidak mengambil kira situasi atau kedudukan (*hazz*) mukallaf tersebut sebagai objektif utama sebaliknya objektif utama ialah memelihara *survival* kehidupan mereka dengan menyempurna dan memelihara keperluan yang bersifat *darūri*.<sup>82</sup> Oleh itu, *maqāṣid* ini bukanlah bertujuan untuk memenuhi tuntutan keadaan seseorang mukallaf. Bahkan ia wajib dipelihara samada disukai atau tidak dan samada terpaksa atau diberi pilihan.<sup>83</sup> *Maqāṣid Aṣliyyah* kebiasaannya merujuk kepada penjagaan *al-darūriyyāt* yang ketiadaannya boleh menyebabkan kepincangan mana-mana sistem kehidupan termasuk sistem kewangan Islam. *Maqāṣid* ini juga perlu diambil kira pada setiap keadaan dan masa (لا تختص بحال دون )

<sup>80</sup> Ibn 'Ashūr (1998), *Maqāṣid al-Syari'ah al-Islamiyyah*, T.T.P: al-Basai'r li al-Intaj al-'Ilmi, h.220

<sup>81</sup> Ibn 'Ashur, h. 220

<sup>82</sup> Al-Shātibī (t.t), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, j. 2, T.T.P, h. 176-177, 'Abd al-Majīd al-Sūsūwwah (2007), *Mabāhith fī al-Maqāṣid wa al-Ijtihād wa al-Ta'arūḍ wa al-Tarjih*, al-Imārāt al-'Arabiyyah al-Muttaḥidah: Jāmi'ah al-Shāriqah, h. 12

<sup>83</sup> Al-Shātibī (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 176-177

(حال، ولا بصورة دون صورة، ولا بوقت دون وقت).<sup>84</sup> Dalam konteks *mu‘āmalāt* dan transaksi kewangan Islam, *maqāṣid asliyyah* yang dikenalpasti ialah seperti pergerakan harta (*al-rawāj*)<sup>85</sup>, pengembangan dan perluasan harta (*al-istithmār wa al-tanmiyyah*)<sup>86</sup>, transperansi dalam aktiviti kewangan (*al-wudūh*)<sup>87</sup>, keabsahan (*validation*) terhadap pemilikan kewangan dan jaminan sosial secara komprehensif (*comprehensive social security*).<sup>88</sup>

## ii. *Maqāṣid Tābi‘ah*

*Maqāṣid Tābi‘ah* ialah *maqāṣid* yang dikehendaki oleh *Syarak* untuk menyempurnakan dan melengkapkan *maqāṣid aṣliyyah*.<sup>89</sup> Kebiasaannya ia merangkumi perkara-perkara bersifat *ḥājīyyāt* dan *taḥsīniyyāt*.

Dari segi keutamaan, *maqāṣid aṣliyyah* didapati lebih penting berbanding *maqāṣid tābi‘ah* kerana *maqāṣid aṣliyyah* melibatkan penyempurnaan *daruriyyat* manakala *maqāṣid tābi‘ah* hanya merupakan pelengkap (*mukammil*) kepada *maqāṣid aṣliyyah*.

## 2.2. *Qaṣd al-Mukallaf*

### 2.2.1. Definisi *qaṣd al-mukallaf*

Ibn ‘Ashūr mentakrifkan *qaṣd al-mukallaf* yang beliau istilahkan sebagai *maqāṣid al-nas* (مقاصد الناس) seperti berikut:

”المعاني التي لأجلها تعاقدوا، أو تعاطوا، أو تغارموا، أو تقاضوا، أو تصالحوا،”<sup>90</sup>

Takrif Ibn ‘Ashūr di atas menunjukkan bahawa *qaṣd al-mukallaf* merujuk kepada makna-makna (motif dalaman) yang menjadi sebab seseorang mengadakan kontrak, memberi sesuatu, mengenakan sesuatu denda, menunaikan sesuatu hutang atau

<sup>84</sup> Al-Shāṭibī (1421), *op.cit.*, j. 3, h. 139

<sup>85</sup> Ibn ‘Ashūr (1999), *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, ‘Ammān: Dār al-Nafāi’s, h. 342, ‘Iz al-Dīn b. Zughaybah (2001), *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Khāṣṣah b al-Taṣarrufāt al-Māliyyah*, Dubai: Markaz Jam‘ah al-Mājid li al-Thaqāfah wa al-Turath, h. 259

<sup>86</sup> Sānū Quṭub (2000), *Al-Istithmār: Aḥkāmuh wa Ḍawābiṭuh fī al-Fiqh al-Islāmī*, ‘Ammān: Dār al-Nafāi’s, h. 34

<sup>87</sup> Mohamad Akram Laldin (2006), *op.cit.*, h. 246, Yūsuf Ḥamīd al-‘Ālim (1991), *Al-Maqāṣid al-‘Āmmah li al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, al-M‘ahad al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, USA, h. 521

<sup>88</sup> Mohamad Akram Laldin (2006), *The Syari‘ah Objectives of Financial Contracts and Islamic Banking*, dalam *International Conference on Islamic Jurisprudence and The Challenges of the 21<sup>st</sup> Century*, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 8-10 Ogos 2006, h. 246

<sup>89</sup> Al-Shāṭibī (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 1179

<sup>90</sup> Ibn ‘Ashūr (2001), *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, ‘Ammān: Dar al-Nafāi’s, h. 415

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

mengadakan perdamaian. Ini bermakna *qaṣd al-mukallaḥ* merangkumi motif yang tersembunyi dan tidak dizahirkan melalui lafaz atau *ṣīghah* akad yang dikontrakkan.

### 2.2.2. Pembahagian *qaṣd al-mukallaḥ*

Ibn ‘Āshūr membahagikannya kepada dua bahagian berikut:<sup>91</sup>

- i. *Qaṣd al-mukallaḥ* dalam urusan-urusan yang disepakati oleh semua golongan cedik pandai atau sebahagian daripada mereka kerana mereka mendapati bahawa urusan-urusan tersebut boleh membawa kepada kestabilan dan susunatur kehidupan. Contohnya ialah seperti motif mereka mengadakan kontrak *bay’*, *ijārah* dan *‘āriyyah*.
- ii. *Qaṣd al-mukallaḥ* yang ingin dicapai oleh hanya satu kumpulan manusia atau beberapa orang individu di kalangan mereka melalui urusan-urusan tertentu kerana ia diapati hanya sesuai untuk keadaan mereka seperti motif mengadakan *al-‘umra* dan *al-‘āriyyah, kirā’ mu‘abbad* di Tunisia, *ḥikr* di Mesir, *rahn* hasil *waqf (awqaf dhurriyyah)* di Tunisia), *bay’ al-wafa’* menurut mazhab Hanafi di Bukhara. Bahagian ini diketahui melalui *qarīnah* dan hajat yang mendesak (*ḥājah ṭaria’h*).

### 2.2.3. Percanggahan di antara *qaṣd al-mukallaḥ* dengan lafaz atau *qarā’in al-ahwal* yang jelas menunjukkan *qaṣd al-mukallaḥ*

Ibn Qayyim membahagikan lafaz dari sudut *maqāṣid al-mutakallimin, irādahnya* atau niatnya kepada tiga bahagian berikut:<sup>92</sup>

- i. *Qaṣd* secara zahir yang bertepatan dengan makna lafaz
- ii. Tiada *qaṣd* yang jelas yang berlawanan dengan lafaz
- iii. *Qaṣd* secara jelas bertentangan dengan apa yang dizahirkan (lafaz)

Bahagian (i) dan bahagian (ii) di atas bukan merupakan isu yang diperselisih oleh para fuqaha. Sebaliknya bahagian yang diperdebatkan oleh para ulama ialah bahagian (iii) iaitu samada *zawāhir al-alfāz wa al-‘uqūd* (zahir lafaz dan kontrak) yang jelas bertentangan dengan niat dan maksud diambilkira atau sebaliknya.<sup>93</sup> Para ulama berbeza pendapat mengenai perkara ini sebagaimana berikut:

<sup>91</sup> Ibn ‘Āshūr (2001), *Maqāṣid al-Shari’ah al-Islamiyyah*, ‘Amman: Dar al-Nafai’s, h. 416-417

<sup>92</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2004), *Ilam al-Muwaqqii’in*, j. 2. Al-Qahirah: Dar al-Hadith, h. 84

<sup>93</sup> *Ibid.*

**Pendapat pertama:** Ini ialah pendapat mazhab Hanafi dan Shafi'i. Menurut pendapat ini, *qaṣd* atau niat tidak memberi kesan ke atas kesahihan sesuatu perbuatan zahir sebaliknya hukum ditetapkan berdasarkan kepada apa yang zahir. Pendapat ini boleh difahami sebagaimana berikut:

### **i. Mazhab Hanafi**

*Qaṣd al-Mukallaḥ* tidak memberi kesan kepada akad melainkan jika disebut di dalam kontrak (*ṣiḥḥah al-'aqd*) melalui lafaz yang jelas (*'ibārah ḡāhirah*) atau jika ia boleh diketahui melalui tabiat barang (*maḥal al-'aqd*) yang dikontrakkan.<sup>94</sup>

Mereka yang berpihak kepada pandangan di atas ialah para ulama dari mazhab Hanafi.<sup>95</sup> Menurut pandangan ini, sesuatu akad dikira sah jika semua syarat dan rukun akad tersebut dipenuhi. Manakala motif (*qaṣd*), *qaṣd* atau niat pelakunya tidak diambilkira dalam menentukan samada akad yang dikontrakkan sah (*ṣiḥḥah*) atau batal (*buṭlān*) melainkan dalam dua keadaan yang dinyatakan di atas. Ini kerana menyandarkan hukum Syarak kepada sebab-sebabnya yang zahir adalah asal dalam Syarak.<sup>96</sup>

Hujah pendapat ini ialah kebanyakan urusan *mu'āmalāt* atau aktiviti kewangan bergantung kepada redha meredhai di antara pihak-pihak yang berkontrak yang bersifat batin (*irādah bāṭinah*). Jika *irādah bāṭinah* seperti ini perlu diteliti dan diambilkira dalam urusan *mu'āmalāt* yang semakin kompleks, maka pihak-pihak yang berkontrak akan menghadapi kesukaran menentukannya sedangkan Syarak menganjurkan supaya kesukaran dielakkan<sup>97</sup>. Walaupun mazhab Hanafi tidak mengambilkira *qaṣd* dalam urusan *mu'āmalāt*, namun mereka menetapkan dua keadaan di mana *qaṣd* diambilkira seperti berikut:

<sup>94</sup> Al-Durayni (1967), *op.cit.*, h. 213

<sup>95</sup> Al-Durayni (1967), *Nazariyyah al-Ta'assuf fi Ist'imāl al-Haq fi al-Fiqh al-Islami*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 207-208

<sup>96</sup> Hakikat ini dijelaskan oleh Al-Kasani seperti berikut: “وإِضَافَةُ الْأَحْكَامِ إِلَى الْأَسْبَابِ الظَّاهِرَةِ أَصْلٌ فِي الشَّرِيعَةِ”  
Maksudnya: “Menyandarkan hukum-hukum kepada sebab-sebab zahir adalah asal dalam Syarak”. Lihat Al-Kasani (1982), *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*, j. 7. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 277

<sup>97</sup> Al-Sarakhsi menjelaskan hal ini sebagaimana berikut: “وفي اعتبار الارادة الباطنة في العام الذي هو محتمل لها نوع

حرج، فالتمييز بين ما هو مراد المتكلم وبين ما ليس بمراد له قبل أن يظهر دليله فيه حرج عظيم وسقط اعتباره شرعا، ويقام السبب الظاهر

حرج، فالتمييز بين ما هو مراد المتكلم وبين ما ليس بمراد له قبل أن يظهر دليله فيه حرج عظيم وسقط اعتباره شرعا، ويقام السبب الظاهر

حرج، فالتمييز بين ما هو مراد المتكلم وبين ما ليس بمراد له قبل أن يظهر دليله فيه حرج عظيم وسقط اعتباره شرعا، ويقام السبب الظاهر

حرج، فالتمييز بين ما هو مراد المتكلم وبين ما ليس بمراد له قبل أن يظهر دليله فيه حرج عظيم وسقط اعتباره شرعا، ويقام السبب الظاهر

حرج، فالتمييز بين ما هو مراد المتكلم وبين ما ليس بمراد له قبل أن يظهر دليله فيه حرج عظيم وسقط اعتباره شرعا، ويقام السبب الظاهر

حرج، فالتمييز بين ما هو مراد المتكلم وبين ما ليس بمراد له قبل أن يظهر دليله فيه حرج عظيم وسقط اعتباره شرعا، ويقام السبب الظاهر

حرج، فالتمييز بين ما هو مراد المتكلم وبين ما ليس بمراد له قبل أن يظهر دليله فيه حرج عظيم وسقط اعتباره شرعا، ويقام السبب الظاهر

- i. jika *qaṣd* disebut di dalam akad (*ṣiḡḡah al-‘aqd*) melalui lafaz yang jelas (*‘ibārah zāhirah*) secara persyaratan<sup>98</sup>

Hal ini dinyatakan dalam perkara 68, Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah seperti berikut:

”(المَادَّةُ 68) دَلِيلُ الشَّيْءِ فِي الْأُمُورِ الْبَاطِنَةِ يَقُومُ مَقَامَهُ“<sup>99</sup>

Maksudnya: “Penunjuk (yang zahir bagi) sesuatu dalam perkara-perkara batin mengambil tempatnya (sesuatu yang batin).

- ii. Jika *qaṣd* tersebut boleh diketahui melalui tabiat barang yang dikontrakkan. Contohnya ialah seperti yang dinyatakan oleh al-Zayla‘i berikut:

( وَجَازَ بَيْعَ الْعَصِيرِ مِنْ حَمَارٍ ) لِأَنَّ الْمَعْصِيَةَ لَا تَقُومُ بِعَيْنِهِ بَلْ بَعْدَ تَعْيِيرِهِ بِخِلَافِ بَيْعِ السَّلَاحِ مِنْ أَهْلِ  
الْفِتْنَةِ لِأَنَّ الْمَعْصِيَةَ تَقُومُ بِعَيْنِهِ فَيَكُونُ إِعَانَةً لَهُمْ , وَتَسْبِيًّا , وَقَدْ نُهِينَا عَنِ التَّعَاوُنِ عَلَى الْعُدْوَانِ  
وَالْمَعْصِيَةِ وَلِأَنَّ الْعَصِيرَ يُصَلِّحُ الْأَشْيَاءَ كُلَّهَا جَائِزٌ شَرْعًا فَيَكُونُ الْفَسَادُ إِلَى اخْتِيَارِهِ<sup>100</sup>

Penyataan al-Zayla‘i di atas menunjukkan bahawa mazhab Hanafi juga tidak mengambilkira *qarā’in* untuk menentukan niat seseorang sedangkan kedudukan pembeli sebagai seorang pembuat arak merupakan *qarīnah* yang kuat untuk menunjukkan *qaṣd* pembeli yang bertentangan dengan *qaṣd al-Shāri‘*.<sup>101</sup>

Ini bermakna kesempurnaan akad, kesahihannya dan ketidaksahihannya adalah berdasarkan kepada *irādah zāhirah* tanpa melihat kepada *irādah bāṭinah*<sup>102</sup> selagimana tidak ada dalil atau lafaz yang menerangkan *irādah bāṭinah* tersebut.

## ii. Mazhab Shafi‘i

Menurut mazhab Shafi‘i, *qaṣd al-mukallaḡ* tidak memberi kesan kepada sesuatu akad atau iltizam. Alasannya ialah *ijab* dan *qabul* yang merupakan sebab kesahihan akad

<sup>98</sup> Contohnya ialah seperti yang dinyatakan di dalam teks-teks *fiqh* mazhab Hanafi mengenai *ijarah* berikut: (وَلَا يَجُوزُ عَلَى الْغِنَاءِ وَالنُّوحِ وَالْمَلَاهِي) لِأَنَّ (و) لَا (لَأَجْلِ الْمَعَاصِي مِثْلَ الْغِنَاءِ وَالنُّوحِ وَالْمَلَاهِي) وَلَوْ أَخَذَ بِلَا شَرْطِ بِيَاح: الْمَعْصِيَةَ لَا يُتَصَوَّرُ اسْتِحْقَاقُهَا بِالْعَقْدِ فَلَا يَجِبُ عَلَيْهِ الْأَجْرُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَسْتَحَقَّ هُوَ عَلَى الْأَجِيرِ شَيْئًا إِذَ الْمُبَادَلَةُ لَا تَكُونُ إِلَّا بِاسْتِحْقَاقِ كُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا عَلَى الْآخَرِ. Lihat al-Zayla‘i (1313H), *Tabyin al-Haqai‘q*, j. 5. al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Islami, h. 125

<sup>99</sup> *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah*

<sup>100</sup> Al-Zayla‘i (1313H), *Tabyin al-Haqai‘q*, j. 5. al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Islami, h. 125

<sup>101</sup> Al-Durayni (1998), *op.cit.*, h. 214

<sup>102</sup> *Ibid.*, 209

tersebut telah sempurna, manakala kesemua syarat yang lain seperti *ahliyyah al-ta'āqud* dan *maḥall al-'aqd* juga telah sempurna. Menurut mereka, *qaṣd* tidak memberi kesan ke atas sebab untuk sebab tersebut mengambil hukumnya (*iqtiḍa' al-sabab ḥukmah*).<sup>103</sup> Imam Shafi'i menjelaskan hal ini sebagaimana berikut:<sup>104</sup>

( قَالَ الشَّافِعِيُّ ) رَحِمَهُ اللَّهُ تَعَالَى أَصْلُ مَا أَذْهَبُ إِلَيْهِ أَنْ كُلَّ عَقْدٍ كَانَ صَحِيحًا فِي الظَّاهِرِ لَمْ أُبْطَلْهُ “  
بُتْهُمَةٌ وَلَا بَعَادَةٌ بَيْنَ الْمُتَبَاعِيَيْنِ وَأَجْزَتَهُ بِصِحَّةِ الظَّاهِرِ وَأَكْرَهُ لَهُمَا النِّيَّةَ إِذَا كَانَتِ النِّيَّةُ لَوْ أَظْهَرَتْ كَانَتْ  
تُفْسِدُ الْبَيْعَ وَكَمَا أَكْرَهُ لِلرَّجُلِ أَنْ يَشْتَرِيَ السَّيْفَ عَلَى أَنْ يَقْتُلَ بِهِ وَلَا يَحْرُمُ عَلَى بَائِعِهِ أَنْ يَبِيعَهُ مِمَّنْ يَرَاهُ  
أَنَّهُ يُقْتَلُ بِهِ ظُلْمًا لِأَنَّهُ قَدْ لَا يَقْتُلُ بِهِ وَلَا أُفْسِدُ عَلَيْهِ هَذَا الْبَيْعَ وَكَمَا أَكْرَهُ لِلرَّجُلِ أَنْ يَبِيعَ الْعَبَّ مِمَّنْ يَرَاهُ  
أَنَّهُ يَعْصِرُهُ حَمْرًا وَلَا أُفْسِدُ الْبَيْعَ إِذَا بَاعَهُ إِيَّاهُ لِأَنَّهُ بَاعَهُ حَلَالًا وَقَدْ يُمَكِّنُ أَنْ لَا يَجْعَلَهُ حَمْرًا أَبَدًا وَفِي  
صَاحِبِ السَّيْفِ أَنْ لَا يَقْتُلَ بِهِ أَحَدًا أَبَدًا وَكَمَا أُفْسِدُ نِكَاحَ الْمُتَعَةِ وَلَوْ نَكَحَ رَجُلٌ امْرَأَةً عَقْدًا صَحِيحًا  
” وَهُوَ يَنْوِي أَنْ لَا يُمَسِّكَهَا إِلَّا يَوْمًا أَوْ أَقَلَّ أَوْ أَكْثَرَ لَمْ أُفْسِدِ النِّكَاحَ إِنَّمَا أُفْسِدُهُ أَبَدًا بِالْعَقْدِ الْفَاسِدِ

Penyataan Shafi'i di atas menunjukkan bahawa beliau tidak menghukum sesuatu akad berdasarkan kesannya atau sifatnya yang diketahui melalui *qaṣd* melainkan jika dinyatakan didalam *ṣiḡḥah* akad. Mereka juga tidak melihat kepada *qarā'in* dan faktor-faktor luaran (*mulābasāt al-aḥwāl*) sekalipun ia menunjukkan dengan jelas bahawa perbuatan tersebut dijadikan *dharī'ah* kepada perkara yang haram, sebaliknya mereka tetap mengatakannya sah.<sup>105</sup>

Walaupun mazhab Hanafi dan Shafi'i mempunyai pendapat yang sama dalam masalah ini, namun, masih terdapat sedikit perbezaan di antara kedua-duanya seperti yang telah dijelaskan di atas.

<sup>103</sup> Al-Shafi'i (1393H), *al-Umm*, j. 5. Beirut: Dar al-M'arifah, h. 80

<sup>104</sup> Lihat al-Shafi'i (1393H), *al-Umm*, j. 3. Beirut: Dar al-M'arifah, h. 74, dalam masalah nikah, beliau menjelaskannya sebagaimana berikut: “ ( قَالَ الشَّافِعِيُّ ) وَإِنْ قَدِمَ رَجُلٌ بَلَدًا وَأَحَبَّ أَنْ يَنْكِحَ امْرَأَةً وَنِيَّتُهُ وَنِيَّتُهَا أَنْ لَا يُمَسِّكَهَا إِلَّا مَقَامَهُ بِالْبَلَدِ أَوْ يَوْمًا أَوْ اثْنَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةَ كَانَتْ عَلَى هَذَا نِيَّتُهُ دُونَ نِيَّتِهَا أَوْ نِيَّتِهَا دُونَ نِيَّتِهَا مَعًا وَنِيَّةُ الْوَلِيِّ غَيْرَ آتِيهَا إِذَا عَقَدَا النِّكَاحَ مُطْلَقًا لَا شَرْطَ فِيهِ فَالنِّكَاحُ تَابَتْ وَلَا تُفْسِدُ النِّيَّةَ مِنَ النِّكَاحِ شَيْئًا لِأَنَّ النِّيَّةَ حَدِيثُ نَفْسٍ وَقَدْ وَضِعَ عَنِ النَّاسِ مَا حَدَّثُوا بِهِ أَنْفُسَهُمْ وَقَدْ يَنْوِي الشَّيْءَ وَلَا يَفْعَلُهُ وَيَنْوِيهِ وَيَفْعَلُهُ فَيَكُونُ الْفِعْلُ حَادِثًا غَيْرَ النِّيَّةِ وَكَذَلِكَ لَوْ نَكَحَهَا وَنِيَّتُهُ وَنِيَّتِهَا أَوْ نِيَّةَ أَحَدِهِمَا دُونَ الْآخَرَ أَنْ لَا يُمَسِّكَهَا إِلَّا قَدْرَ مَا يُصِيبُهَا فَيَحْلُلُهَا لِزَوْجِهَا نَبَتَ النِّكَاحُ وَسِوَاءَ نَوَى ذَلِكَ الْوَلِيُّ مَعَهُمَا أَوْ نَوَى غَيْرَهُ أَوْ لَمْ يَنْوِهِ وَلَا غَيْرُهُ وَالْوَالِي وَالْوَلِيُّ فِي هَذَا لَا مَعْنَى لَهُ أَنْ يُفْسِدُهُ ” Lihat al-Shafi'i (1393H), *al-Umm*, j. 5. Beirut: Dar al-M'arifah, h. 80

<sup>105</sup> Al-Durayni (1998), *op.cit.*, h. 216

**Pendapat kedua:** Ini ialah pendapat mazhab Maliki dan Hanbali. Menurut pendapat ini, *qasḍ* atau niat boleh memberi kesan ke atas kesahihan sesuatu perbuatan zahir. Justeru itu, ia perlu diambilkira dalam menentukan kesahihan sesuatu perbuatan zahir. Pendapat kedua-dua mazhab ini boleh difahami seperti berikut:

**iii. Mazhab Maliki:**

Menurut mazhab Maliki, *qasḍ* diambilkira samada dalam ibadat atau *mu'āmalāt*. *Qasḍ* yang tidak *Shar'i* jika jelas boleh membatalkan akad yang dikontrakkan. Mereka juga mengambilkira kesan yang dibawa oleh sesuatu kontrak (*ma'ālāt al-af'al*) sebagai *mazinnah* bagi *qasḍ* yang tidak *Shar'i*. Ini kerana mereka mengambil jalan *ihtiyāt* (berjaga-jaga) dan mengelak daripada *fasad*.<sup>106</sup>

Di samping itu, mereka juga didapati mengambil pendekatan yang sama seperti mazhab Hanbali bagi mewujudkan kestabilan aktiviti muamalat iaitu dengan meletakkan syarat bahawa pihak lain yang berkontrak (*tarf akhar*) hendaklah mengetahui tentang *qasḍ* tersebut.<sup>107</sup>

Pandangan ini juga mengambilkira *qarā'in* yang menunjukkan *qasḍ* yang tidak *Shar'i*. Ini kerana dalam masalah *bay' al-īnah* misalnya, Imam Malik sendiri menyatakan bahawa ia adalah batal sekalipun *qasḍ* (riba) tidak jelas dari kedua-dua pihak yang berakad. Beliau mengambilkira *mazinnah ba'īdah* yang menunjukkan *qasḍ* tersebut iaitu *bay' al-īnah* kebiasaannya membawa kepada perkara yang haram iaitu riba sekalipun tidak mencapai tahap *ghalabah al-zann*. Justeru itu, adalah terlebih *awla* sesuatu akad itu dikira batal apabila *qasḍ*nya jelas berdasarkan *qarā'in*.<sup>108</sup> Oleh itu, mazhab ini juga didapati mengambilkira *qarā'in* bagi sesuatu *qasḍ* untuk menentukan kedudukan sesuatu akad.

---

<sup>106</sup> Hal ini dijelaskan oleh al-Shatibi sebagaimana berikut: “والشريعة مبنية على الاحتياط والأخذ بالحزم، والتحرز مما عسى أن يكون طريقاً إلى مفسدة” Lihat al-Shatibi (1997), *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, j. 3. Beirut: Dar Ibn 'Affan, h. 85

<sup>107</sup> Hakikat ini boleh difahami daripada teks-teks *fiqh* seperti berikut: “وكذا يمنع بيع كل شيء علم أن المشتري قصد به أمراً لا يجوز كبيع جارياً لأهل الفساد أو مملوك (وأجير) المشتري من غير فسخ للبيع (على إخراجِه) عن ملكه ببيع أو (بعثق) ناجز (ومنع بيع الدار لمن يتخذها” Lihat al-Dardir (t.t), *al-Sharh al-Kabir*, j. 3. Beirut: Dar al-Fikr, h. 7, “كنيسة والخشبة لمن يتخذها صليبا والعنب لمن يعصره خمرا” Lihat Muhammad 'Ulaysh (1989), *Minah al-Jalil Sharh Mukhtasar Sayyid Khalil*, j. 1. Beirut: Dar al-Fikr, h. 12

<sup>108</sup> Al-Durayni (1998), *op.cit.*, h. 223

#### iv. Mazhab Hanbali

Menurut mazhab Hanbali, *qaṣd al-mukallaḥ*, motif (*qaṣd*) dan niat *mukallaḥ* perlu diambilkira untuk menentukan kesahihan sesuatu akad. Pandangan ini tidak hanya mengambilkira *irādah zāhirah* sebaliknya *irādah bātinah* yang mendorong *mukallaḥ* untuk berkontrak juga turut diambilkira bagi menentukan kedudukan akad yang dikontrakkan<sup>109</sup> samada akad tersebut sah atau batal. Hakikat ini dinyatakan oleh Ibn Qayyim sebagaimana berikut:

وإنما النزاع في الحمل على الظاهر حكما بعد ظهور مراد المتكلم والفاعل بخلاف ما أظهره  
فهذا هو الذي وقع فيه النزاع وهو هل الاعتبار بظواهر الألفاظ والعقود وإن ظهرت  
المقاصد والنيات بخلافها أم للقصود والنيات تأثير يوجب الالتفات إليها ومراعاة جانبها<sup>110</sup>

Penyataan “وإن ظهرت المقاصد والنيات بخلافها” menunjukkan bahawa apa sahaja yang menzahirkan niat dan *maqāṣid ḥiyal* adalah diambilkira samada yang menzahirkan niat tersebut ialah *qarā'in al-aḥwāl* atau sesuatu yang lain<sup>111</sup>. Dalam keadaan ini, lafaz yang bertentangan dengan *qaṣd* yang dizahirkan itu tidak diambilkira sebaliknya yang diambilkira ialah *qaṣd*.

Mereka mengambilkira *qaṣd* yang tidak *Shar'i* sekalipun ia tidak dinyatakan dalam lafaz akad. Jika ada tanda yang jelas menunjukkan *qaṣd* tersebut maka akad itu dikira batal selagimana akad tersebut dijadikan jalan kepada perkara yang haram. Ini kerana jika akad tersebut diteruskan, maka ia akan mengandungi maksiat dan *'udwān* yang dilarang oleh Syarak.<sup>112</sup>

<sup>109</sup> Al-Durayni (1967), *op.cit.*, h. 132

<sup>110</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1973), *'Ilam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, j. 3. Beirut: Dar al-Jayl, h. 109

<sup>111</sup> Pengambilkiraan *qarā'in* yang menunjukkan *qaṣd* dijelaskan oleh al-Bahuti berikut: “ ( ولا ) بيع ( سلاح )” Lihat al-Bahuti (1402H), *Kashhaf al-Qina' 'an Matan al-Iqna'*, j. 3. Beirut: Dar al-Fikr, h. 182, Ibn Qudamah menyebut: “ فإنما يحرم ” Lihat Ibn Qudamah (1405), *al-Mughni*, j. 4, Beirut: Dar al-Fikr, h. 306

<sup>112</sup> Ibn Qayyim menyatakan hal di atas sebagaimana berikut: “ القصد روح العقد ومصححه ومبطله فاعتبار القصد في العقود اولى من اعتبار الالفاظ فان الالفاظ مقصودة لغيرها ومقاصد العقود هي التي تراد لاجلها فإذا ألغيت واعتبرت الالفاظ التي لا تراد لنفسها كان هذا إلغاء لما يجب اعتباره واعتبارا لما قد يسوغ إلغاؤه ” Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1973), *'Ilam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, j. 3. Beirut: Dar al-Jayl, 94



## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

Kesannya ialah jika terdapat *qarīnah zāhirah* atau faktor sokongan luar yang jelas menunjukkan bahawa *qaṣd* dan motif mengadakan sesuatu akad itu bertentangan dengan Syarak, maka akad tersebut dikira batal. Bagi menjamin kestabilan aktiviti muamalat, mazhab Hanbali ini mensyaratkan bahawa *qaṣd* yang tidak *Shar‘i* tersebut perlu dimaklumi oleh pihak lain yang berkontrak.

إِذَا عَلِمَ (البائع) (ولا) بيع (سلاح ونحوه في فتنة أو لأهل حرب أو لقطاع طريق)<sup>113</sup>

Oleh kerana *irādah bāṭinah* ialah sesuatu yang tidak dizahirkan, ada di kalangan para fuqaha mazhab Hanbali yang mengemukakan kaedah tertentu untuk mengenalpasti *irādah bāṭinah* atau niat dan *qaṣd al-mukallaf* yang sebenar dalam sesuatu perbuatan bagi menentukan samada ia menepati *qaṣd al-Shāri‘* atau sebaliknya. Contohnya ialah seperti kaedah berkaitan *hiyal* yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah berikut:

وَجَمَاعُ الْحَيْلِ نَوْعَانِ: إِمَّا أَنْ يَضُمُّوا إِلَى أَحَدِ الْعَوَاضِينَ مَا لَيْسَ بِمَقْصُودٍ، أَوْ يَضُمُّوا إِلَى الْعَقْدِ عَقْدًا لَيْسَ بِمَقْصُودٍ<sup>114</sup>

### 2.2.4. Kesahihan kontrak secara “*qaḍā’an*” atau “*diyānatan*” atau kedua-duanya sekali

Persoalan *qaṣd al-mukallaf* mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kesahihan sesuatu akad yang dikontrakkan sehingga menyebabkan para ulama terutamanya dari mazhab Hanafi dan Shafi‘i membahagikan kesahihan kontrak sebagaimana berikut:

#### 2.2.4(a). Kesahihan secara *qaḍā’an*

Para ulama mazhab Shafi‘i menyatakan bahawa kesahihan yang dimaksudkan dalam kebanyakan perbincangan *usul* dan *fiqh* ialah kesahihan dari segi *qaḍā’an*. Dalam bab muamalat misalnya, sesuatu kontrak dikira sah secara *qaḍā’an* sekiranya kontrak tersebut membawa kepada kesan dan natijah yang dikehendaki daripadanya. Sebagai contoh, kontrak *bay‘ al-‘īnah* dikira sah secara *qaḍā’an* kerana ia membawa kepada kesan dan natijah yang dikehendaki daripadanya iaitu barang yang dikontrakkan telah dipindahmilik manakala hak *khiyār* untuk pembeli juga telah *thabit*. Kesan seperti ini menyebabkan hakim atau pemerintah tidak berhak untuk melarang kontrak *‘īnah* tersebut

<sup>113</sup> Al-Bahuti (1402H), *Kashhaf al-Qina‘ ‘an Matan al-Iqna‘*, j. 3. Beirut: Dar al-Fikr, h. 182

<sup>114</sup> Berasaskan kaedah di atas, Ibn Taymiyyah menyatakan bahawa perlakuan helah melalui kontrak *‘īnah* dan *tahlil al-nikah* adalah terbatal. Ini kerana kaedah yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah di atas menunjukkan bahawa kontrak *‘īnah* mengandungi pemasukan akad dan barang yang tidak diperlukan. Kesannya ialah jika barang dan akad tersebut tidak dikehendaki atau bukan merupakan motif sebenar *mutahayyil*, maka motif dan *qaṣd* sebenar *mutahayyil* ialah untuk mendapatkan keuntungan wang melalui pinjaman wang yang merupakan *riba al-nasia‘h*. Lihat Ibn Taymiyyah (1987), *al-Fatawa al-Kubra*, j. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 19

dengan alasan kontrak *ʿīnah* dianggap sebagai kontrak yang mengandungi riba. Ini disebabkan kontrak *ʿīnah* ini pada zahirnya telah memenuhi semua rukun dan syarat jual beli dengan sempurna.

#### **2.2.4(b). Kesahihan secara *diyānatan***

Manakala kesahihan dari sudut *diyānatan* pula merujuk kepada kesan sesuatu kontrak ke atas orang yang melakukannya. Kesan tersebut berlaku di Hari Akhirat seperti pembalasan pahala daripada Allah dan keselamatan daripada azabNya. Kesan seperti ini adalah tertakluk kepada niat (*qaṣd*) mengadakan kontrak atau *maṣlahah* yang dikaitkan dengan *qaṣd* mengadakan kontrak tersebut.

#### **2.2.4(c). Kesahihan secara *qaḍāʿan* dan *diyānatan***

Pada asalnya, sesuatu kontrak dikira sebagai *sahih* secara *qaḍāʿan* dan *diyānatan* jika *qaṣd* mengadakan sesuatu kontrak seiring dengan perbuatan zahir yang sah di sisi *Syarak*. Namun begitu, ada pandangan yang menyatakan bahawa sesuatu kontrak yang didorong oleh *qaṣd* yang tidak seiring dengan perbuatan zahir tetapi membawa kepada terhasilnya *maṣlahah* juga dikira *sahih* secara *qaḍāʿan* dan *diyānatan*. Ini kerana pada hakikatnya *qaṣd* orang yang melakukan kontrak ini tidak dikira bertentangan dengan *qaṣd al-Shāriʿ*. Ertinya, kesahihan kontrak secara *diyānatan* (akhirat) adalah bergantung kepada *maṣāliḥ* dan *mafāsīd* yang terhasil daripada kontrak yang didorong oleh *qaṣd* tersebut<sup>115</sup>.

### **2.3. *Al-Wasāʿil***

Pemahaman tentang *al-maqāṣid* dan *al-wasāʿil* serta perbezaan antara keduanya adalah sangat penting bagi seseorang faqih dalam meletakkan hukum-hakam terhadap permasalahan yang timbul. Tanpa kefahaman tentang prinsip-prinsip *al-wasāʿil* menurut syariat, terutama bagi individu yang menceburi bidang perbankan Islam, bererti memberi kebebasan kepada mereka untuk memilih *al-wasāʿil* menurut hawa nafsu masing-masing.

#### **2.3.1. Definisi *al-wasāʿil***

Dari sudut Bahasa Arab, *wasīlah* ialah suatu yang digunakan untuk mencapai dan mendekati sesuatu.

Dari sudut istilah pula, terdapat beberapa definisi dikemukakan oleh ulama Uṣūl. Antaranya:

---

<sup>115</sup> *Ibid.*, h. 317-318

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

- 1) Menurut istilah umum, *al-wasā'il* ialah: Jalan-jalan yang membawa kepada *maṣlahah* ataupun *mafsadah*<sup>116</sup>.

Dari sudut istilah umum ini, *al-wasā'il* meliputi:

- a) Jalan-jalan yang membawa kepada *maṣlahah*, seperti: sebab-sebab dan syarat-syarat yang bertepatan dengan Syarak.
  - b) Jalan-jalan yang membawa kepada mafsadah, seperti *ḥiyal* yang *batil*, dan ruang-ruang yang menjurus kepada perkara haram, yang dikenali sebagai *dharī'ah*.
- 2) Menurut istilah khusus pula, *al-wasā'il* ialah: Jalan-jalan yang membawa kepada terlaksananya *maṣlahah-maṣlahah* Shara'.

Dari pemerhatian terhadap definisi *al-wasā'il* dari sudut istilah khusus di atas, dapat disimpulkan bahawa:

- a) *Al-Wasā'il* dengan istilah ini mengkhaskan jalan-jalan yang membawa kepada *maṣlahah* sahaja, berbanding definisi dari sudut Bahasa yang merangkumi jalan kepada *maṣlahah* dan juga kepada mafsadah.
- b) *Al-Wasā'il* menurut istilah ini adalah lawan bagi *al-dharī'ah* menurut istilah khususnya.

### 2.3.2. Pembahagian *al-Wasā'il*

*Al-Wasā'il* jika dipandang dari sisi kehampirannya dengan objektif atau matlamat *Syarak*, ia boleh dibahagikan kepada dua kategori:

- 1) *Wasā'il al-Maqāṣid*, iaitu: jalan kepada suatu objektif *Syarak*. Contohnya, mempelajari ilmu Tauhid adalah jalan kepada satu objektif *Syarak* iaitu ma'rifat Allah Taala.
- 2) *Wasā'il al-Wasā'il*, iaitu jalan yang membawa kepada suatu yang juga bersifat sebagai jalan. Contohnya, mengajarkan hukum-hakam syara' adalah jalan yang membawa pengetahuan terhadap ilmu syara', dan pengetahuan ilmu syara' itu pula adalah jalan untuk melaksanakan ketaatan kepada Allah, dan ketaatan itu pula adalah jalan untuk mendapatkan ganjaran dan keredhaan Allah<sup>117</sup>.

### 2.3.3. Keistimewaan *al-Wasā'il*

Antara keistimewaan *al-wasā'il* yang membezakannya dengan *al-maqāṣid*, ialah:

- 1) Sesuatu *wasīlah* boleh disifatkan ia sebagai *wasīlah* dari satu sisi, dan boleh juga

<sup>116</sup> Al-Qarāfi, *Al-Furūq*, Beirut: Alam al-Kutub, j. 2 h. 32.

<sup>117</sup> Al-'Izz, *Qawā'id al-Aḥkām*, j. 1 h. 92.

- disifatkan sebagai *maqāsid* dari satu sisi yang lain pula. Ini bermakna *al-wasā'il* bukanlah satu objektif yang tersendiri, tetapi ia adalah satu jalan untuk merealisasikan *maqāsid* yang lain<sup>118</sup>.
- 2) Dalam mengambil kira sesuatu sebagai *wasīlah*, disyaratkan bahawa ia tidak membawa kepada terbatalnya *maqāsid*, dan juga pembatalan satu-satu *wasīlah* tidak bermakna pembatalan *maqāsid*<sup>119</sup>.
  - 3) Kedudukan *al-wasā'il* adalah lebih rendah daripada *al-maqāsid*<sup>120</sup>.

#### **2.3.4. Beberapa perkara berkaitan dengan *al-maqāsid* dan *al-wasā'il*.**

- 1) Kaedah *سد الذريعة* dan juga kaedah 'pengharaman ḥiyal' adalah berdasarkan kepada sejauh mana sesuatu *wasīlah* boleh membawa kepada terbatalnya objektif-objektif *Syarak*.
- 2) Kaedah *للسائل حكم المقاصد* iaitu *wasīlah* mengambil hukum *maqāsid* adalah cabang kepada kaedah *اعتبار المال* iaitu mengambil kira suatu yang berlaku pada masa hadapan.
- 3) Perkara-perkara yang bersifat menyempurnakan yang lain, seperti perkara-perkara hajat yang menyempurnakan perkara *ḍarūrat*, ataupun perkara *taḥsīnat* yang menyempurnakan perkara hajat, ia sebenarnya adalah *wasā'il*.
- 4) Setiap *wasīlah* yang didiamkan hukumnya oleh syara', sedangkan ia membawa kepada *maṣlaḥah* yang kuat, tidak menyanggahi mana-mana nas *Syarak* ataupun mana-mana prinsip syara', maka ia kekal dengan hukum asalnya iaitu harus dan *mashrū'*.
- 5) Apabila wujud beberapa *wasā'il*, dan kesemuanya bertepatan dengan *Syarak*, maka seseorang mukallaf boleh memilih mana-mana yang disukai.
- 6) Hukum *wasā'il* adalah diambil daripada nusus syara' yang menaskannya, ataupun daripada hukum *maqṣad* yang mahu dicapai dengan *wasīlah* tersebut.
- 7) Membezakan antara *al-maqāsid* dan *al-wasā'il* serta mengetahui keistimewaan kedua-duanya adalah amat penting, kerana ia boleh memberi kesan kepada perbezaan hukum-hakam syara'.
- 8) Perkara *al-wasā'il* adalah sangat banyak dan sukar untuk dikumpulkan kesemuanya, maka perlu kepada asas-asas dan prinsip-prinsip supaya mudah diqiyaskan kepadanya.
- 9) Sesetengah daripada *al-wasā'il* yang dilarang, boleh jadi bertukar hukum kepada harus dalam situasi *ḍarūrat*, dengan mengambil kira prinsip-prinsip *Syarak*.
- 10) Hubungkait antara *al-wasā'il* dengan hukum-hakam *taklifiyyah* adalah seperti hubungkait antara hukum dengan *maḥkūm 'alayh*. Manakala hubungkait antaranya dengan hukum-hakam *wad'iyyah* pula adalah seperti hubungkait persediaan untuk mencapai sesuatu *maqṣad* *Syarak*.
- 11) Tindakan melihat hanya kepada *al-wasā'il* tanpa mengambil kira kesannya pada

<sup>118</sup> Al-'Izz, *Qawā'id al-Aḥkām*, j. 1 h. 212.

<sup>119</sup> Al-'Izz, *Qawā'id al-Aḥkām*, j. 2 h. 20.

<sup>120</sup> *Al-Qawā'id*, j. 1 h. 330.

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

masa akan datang akan membuka pintu kecelaruan yang merungkai ikatan-ikatan *Syarak*, dan *al-wasā'il* hanya akan menjadi kuda tunggangan kepada sesetengah pihak untuk mencapai matlamat tersendiri yang bercanggahan dengan *Syarak*.

### 2.4. *Maṣlahah*

#### 2.4.1. Definisi *Maṣlahah*

*Maṣlahah* dari sudut Bahasa Arab ialah kebaikan<sup>121</sup>. Menghasilkan *maṣlahah* ialah dengan mendapatkan manfaat dan menepis kemudaratan.<sup>122</sup> Manakala dari sudut istilah pula, *maṣlahah* ialah memelihara objektif Shari'ah iaitu dengan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta.<sup>123</sup>

#### 2.4.2. Pembahagian *Maṣlahah*

Pembahagian *maṣlahah* boleh dikupas dari beberapa sudut. Tetapi yang dibincangkan di sini hanya pembahagian dari sudut penyaksian syara' terhadap *maṣlahah*, adakah ia diambil kira atau diabaikan. Ia dibahagikan kepada tiga kategori<sup>124</sup>:

Pertama: ***Maṣlahah Mu'tabarah***, iaitu yang disaksikan oleh *Syarak* bahawa ia diambil kira. Bahagian ini kembali kepada *qiyās*, iaitu mengeluarkan hukum daripada logik yang difahami daripada nas dan *ijmak*.<sup>125</sup>

Contoh: *Maṣlahah* yang diperolehi dari pensyarian hukum hudud dan *qisās*, seperti potong tangan terhadap pencuri, dan rejam terhadap penzina *muhṣan*.

Kedua: ***Maṣlahah Mulghāh***, iaitu yang disaksikan oleh *Syarak* bahawa ia tidak diambil kira, atau diabaikan.

Contoh: *Maṣlahah* yang terdapat pada arak tidak diambil kira, meskipun dari sudut terencil ia mempunyai sedikit kebaikan. Namun *Syarak* tidak menilainya sebagai *maṣlahah*.

Ketiga: ***Maṣlahah Mursalah***, iaitu yang tidak ada penyaksian daripada *Syarak* samada ia diambil kira ataupun diabaikan. Ia juga dikenali sebagai *Al-Istiṣlāh*, dan juga *Al-Munāsib al-Mursal*<sup>126</sup>.

<sup>121</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-ʿArab*, Beirut: Dar Ṣadir, t.t, j. 2 h. 516.

<sup>122</sup> Ibn Qudāmah, *Rawḍah Al-Nāzir*, Riyadh: Jamiah al-Imam Muhammad bin Saud, 1399H, h. 169.

<sup>123</sup> Al-Ghazālī, *Al-Muṣtaṣfa*, KSA: Islamic University of Madinah, t.t, j 2 h 482, Al-Zarkasyi, *Al-Baḥr al-Muḥīt*, Ghardaḡah: Dār al-Ṣafwah, 1992, j.6 h. 76.

<sup>124</sup> Ibn Qudāmah, *Rawḍah Al-Nāzir*, Riyadh: Jamiah al-Imam Muhammad bin Saud, 1399H, h. 169,

<sup>125</sup> Al-Ghazālī, *Al-Muṣtaṣfa*, KSA: Islamic University of Madinah, t.t, j. 2 h. 478, Ibn Qudāmah, *Rawḍah Al-Nāzir*, Riyadh: Jamiah al-Imam Muhammad bin Saud, 1399H, h. 169.

<sup>126</sup> Al-Jizāni, *Ma'ālim Uṣūl al-Fiqh*, KSA: Dar Ibn al-Jawzi, 1996M, h. 243.

Ia dinamakan **Mursalah** dengan maksud yang dilepaskan, kerana ia tidak diambil kira dan tidak juga diabaikan.<sup>127</sup>

*Maṣlahah Mursalah* pula jika dilihat dari sudut kekuatannya terbahagi kepada tiga kategori, seperti berikut:

1) *Maṣlahah* bertaraf *darūrat*.

Contoh: Di dalam perlaksanaan hukum *qiṣās*, hendaklah dilakukan secara *mumāthalah*, atau samarata. Kerana hukum *qiṣās* disyari'atkan untuk mengajar penjenayah dan juga mengubati hati mangsa. Objektif ini tidak akan terlaksana kecuali dengan hukuman secara samarata<sup>128</sup>.

2) *Maṣlahah* bertaraf *ḥājat*.

Contoh: Perintah terhadap seseorang wali agar mengahwinkan anak perempuan atau lelaki yang masih kecil, jika dilihat terdapat *maṣlahah* pada perkahwinannya, seperti menjamin kemaslahatan anak tersebut, atau dibimbangi tiada sekufu jika ditangguhkan.

Tindakan ini mempunyai *maṣlahah* yang diperlukan, tetapi tidak mencapai tahap *darūrat*.<sup>129</sup>

3) *Maṣlahah* bertaraf *taḥsīn*.

Contoh: Pendapat sesetengah ulama yang mengatakan tidak boleh dikahwinkan kanak-kanak perempuan kecuali dengan pasangan yang sekufu, dan dengan mahar *mithl*. Ini bertepatan dengan *maṣlahah*, tetapi kepentingannya pada posisi *taḥsīn*<sup>130</sup>.

## 2.5 *Rukḥṣah dan 'Azīmah*

Perbincangan mengenai *'azīmah* dan *rukḥṣah* adalah panjang dan ianya boleh dikupas dari berbagai dimensi. Di dalam kebanyakan kitab *uṣūl fiqh*, biasanya, satu bab dikhaskan untuk perbincangan panjang lebar mengenai perkara ini. Bukanlah tujuan kertas ini untuk membuat perbincangan yang sedemikian rupa. Namun, perbincangan ringkas mengenai beberapa aspek *'azīmah* dan *rukḥṣah* akan dilakukan kerana secara tidak langsung, semangat aplikasinya berhubung kait dengan *ḥiyal*.

Sebelum perkara di atas dibincangkan dengan lebih panjang, eloklah dilihat secara umum definisi *'azīmah* dan juga *rukḥṣah* serta pembahagiannya.

<sup>127</sup> Al-Zarkasyi, *Al-Baḥr al-Muḥīṭ*, Ghardaqaḥ: Dār al-Ṣafwah, 1992, j.1 h. 331, 332.

<sup>128</sup> Al-Ghazāli, *Al-Muṣtaṣfa*, KSA: Islamic University of Madinah, t.t, j. 2 h. 483.

<sup>129</sup> Al-Ghazāli, *Al-Muṣtaṣfa*, KSA: Islamic University of Madinah, t.t, j. 2 h. 484.

<sup>130</sup> Al-Ghazāli, *Al-Muṣtaṣfa*, KSA: Islamic University of Madinah, t.t, j. 2 h. 484.

### 2.5.1 Definisi *Rukhṣah* dan '*Azīmah*

'*Azīmah* dari sudut Bahasa Arab ialah kemahuan dan keazaman yang kuat.<sup>131</sup> Manakala dari sudut istilah, ianya membawa maksud sesuatu yang secara umumnya dituntut perlakuannya oleh *Syarak* atau yang diharuskan. Ada juga fuqaha yang mendefinisikannya sebagai sesuatu yang dianggap sebagai hukum asal yang bebas daripada '*awāriḍ* (keadaan baru yang boleh mengubah hukum asal tersebut). Contoh '*azīmah* adalah wajibnya puasa Ramadhan ke atas seorang yang bermukim apabila cukup syarat-syaratnya.

*Rukhṣah* pula dari sudut Bahasa Arab membawa maksud: kemudahan dan kelonggaran. Pada asalnya ia membawa maksud sesuatu yang lembut<sup>132</sup>. Manakala dari sudut istilah, *rukḥṣah* didefinisikan sebagai: Suatu kelonggaran kepada mukallaf untuk melakukannya disebabkan keuzuran atau kelemahannya daripada melakukan hukum asal.<sup>133</sup> Contoh *rukḥṣah* ialah kelonggaran untuk tidak berpuasa bagi seorang musafir (dengan syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi).

Melalui definisi di atas, dapat difahami bahawa '*azīmah* merupakan hukum asal yang mana di dalam keadaan biasa, hukum asal inilah yang diamalkan. Manakala *rukḥṣah* pula adalah hukum yang dibina berlandaskan kepada keuzuran dan kelemahan mukallaf. Dengan kata lain, tanpa keuzuran dan kelemahan tersebut, *rukḥṣah* tidaklah boleh diamalkan. *Rukḥṣah* juga adalah hukum yang bersifat pengecualian (*istithnā'*) daripada hukum asal.

Antara bentuk *rukḥṣah* adalah kebenaran untuk melakukan perkara yang asalnya haram,<sup>134</sup> keharusan untuk meninggalkan sesuatu yang wajib<sup>135</sup> dan juga keharusan beberapa jenis mu'āmalāt yang dihajati manusia walaupun ianya adalah sesuatu yang menyalahi hukum umum.<sup>136</sup>

### 2.5.2 '*Azīmah* dan *Rukḥṣah*: Hukum Taklifi atau Waḍ'i

Ulama Uṣūl membincangkan tentang '*azīmah* dan *rukḥṣah*, adakah ia termasuk dalam hukum hakam taklifiyyah sebaris dengan harus, haram, makruh, wajib dan sunat, ataupun ia termasuk dalam hukum-hakam waḍ'iyyah sebaris dengan syarat, sebab, māni'? Sebahagian ulama Uṣūl berpendapat ia termasuk hukum hakam waḍ'iyyah. Antara

<sup>131</sup> Al-Jurjāni, *Al-Ta'rifāt*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Arabi, 1405H, h. 194.

<sup>132</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dar Ṣadir, j. 7 h. 40.

<sup>133</sup> Al-Ghazālī, *Al-Muṣtaṣfa*, KSA: Islamic University of Madinah, t.t, j 1 h 330, Al-Āmidī, *Al-Iḥkām*, KSA: Dar Al-Ṣumai'i, 2003, j. 1 h. 176.

<sup>134</sup> Seperti kebenaran memakan bangkai bagi orang yang berada dalam keadaan ḍarūrat yang boleh menyebabkan kematian.

<sup>135</sup> Contohnya kebenaran untuk berbuka puasa Ramadhan bagi seorang yang tidak boleh berpuasa disebabkan sesuatu jenis penyakit.

<sup>136</sup> Contohnya kebenaran *bay' al-salam* walaupun ianya menyalahi kaedah umum melarang penjualan sesuatu yang belum wujud (*bay' ma'dūm*).

mereka ialah Al-Āmidīy<sup>137</sup>. Manakala sebahagian mengatakan ia termasuk dalam hukum-hakam taklifiyyah, seperti Ibn al-Subkiy, al-Isnawiy, al-‘Aḍud<sup>138</sup>. Pendapat kedua ini mengatakan demikian kerana ‘azīmah dah rukhṣah mengandungi unsur iqtidā’ dan menepati definisi hukum taklifi<sup>139</sup>.

### **2.5.3 Hukum Mengamalkan Rukhṣah**

Para fuqaha juga berbincang mengenai hukum aplikasi *rukṣah*. Dari sudut ini, ianya dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

Pertama: *Rukṣah* yang wajib

Contoh: Makan bangkai bagi orang yang berada dalam keadaan ḍarūrat yang boleh menyebabkan kematian.

Kedua: *Rukṣah* yang sunat.

Contoh: Mengqasarkan solat daripada empat rakaat kepada dua rakaat ketika dalam permusafiran.

Ketiga: *Rukṣah* yang harus.

Contoh: Menjama‘kan solat antara Zuhur dan Asar, atau Maghrib dan Isya’ di selain ‘Arafah dan Muzdalifah.

Daripada pembahagian di atas, kita dapati bahawa tidak ada rukṣah yang hukumnya makruh ataupun haram. Tetapi ada kalangan ulama yang menambah dua lagi hukum rukṣah iaitu makruh dan haram. Mereka mengatakan boleh jadi sesuatu rukṣah itu haram, contohnya bermusafir semata-mata untuk mendapatkan *rukṣah* berbuka puasa.<sup>140</sup>

Pendapat yang lebih kuat ialah hukum haram dan makruh tidak dimasukkan ke dalam *rukṣah*.<sup>141</sup> Kerana menghimpunkan antara kelonggaran dan pengharaman pada satu-satu masa adalah satu percanggahan. Ini juga berdasarkan kepada sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud:

<sup>137</sup> Al-Āmidī, *Al-Iḥkām*, KSA: Dar Al-Ṣumai‘i, 2003, j. 1 h. 176.

<sup>138</sup> Ibn Al-Najjār, *Syarḥ al-Kawkab al-Munīr*, Riyadh: Maktabah al Obeikan, 1993 j. 1, h. 482.

<sup>139</sup> Ibn Al-Najjār, *Syarḥ al-Kawkab al-Munīr*, Riyadh: Maktabah al Obeikan, 1993 j. 1, h. 482.

<sup>140</sup> Al-Ba‘li, *Al-Qawā‘id Wa al-Fawā‘id al-Uṣūliyyah*, Kaherah: Matba'ah al-Sunnah Al-Muhammadiyah, h. 119.

<sup>141</sup> Ibn al-Najjār, *Syarḥ al-Kawkab al-Munīr*, Riyadh: Maktabah al Obeikan, 1993j. 1, h. 480, 481, dan Al-Zarkasyi, *Al-Baḥr al-Muḥīt*, Ghardaqaq: Dār al-Ṣafwah, 1992, j.1 h. 329.



## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

"Sesungguhnya Allah suka untuk diambil *rukḥṣah-rukḥṣah*Nya, sebagaimana Dia suka untuk diambil 'azīmah- 'azīmahNya".<sup>142</sup>

Berdasarkan hujah tersebut, fuqaha meletakkan satu kaedah fiqhiyyah iaitu, "*Rukḥṣah-rukḥṣah* tidak dikaitkan dengan maksiat-maksiat".<sup>143</sup> Sebaliknya ada kalangan ulama yang hanya mengkhususkan bahawa *rukḥṣah* hukumnya adalah harus semata-mata. Antara yang berpandangan demikian ialah Al-Syāṭibi di dalam kitabnya *Al-Muwāfaqāt*.<sup>144</sup> Walaupun begitu, sebenarnya tidak ada pertentangan hakiki antara jumhur dan Al-Syāṭibi kerana maksud hukum *rukḥṣah* harus di sisi beliau ialah tidak ada kepayahan, bukannya harus dengan maksud pilihan untuk dilakukan (wajib) atau sebaliknya (haram).<sup>145</sup>

### 2.5.4 Pembahagian *Rukḥṣah* Dari Sudut Keperluan Kepada Pengganti

*Rukḥṣah* terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: *Rukḥṣah Kāmilah*, iaitu yang tidak perlu diganti.

Contohnya: Kelonggaran untuk menyapu ke atas *khuf* ketika mengambil *wuḍū'* di mana kelonggaran ini tidak perlu diganti atau *diqada'*.

Kedua: *Rukḥṣah Nāqīṣah*, iaitu yang perlu diganti.

Contohnya: Kelonggaran bagi orang musafir untuk berbuka puasa di bulan Ramaḍān. Puasa yang ditinggalkan wajib diganti atau *diqada'* selepas bulan Ramaḍān.<sup>146</sup>

### 2.5.5 Semangat Hukum *Rukḥṣah* dan 'Azīmah

Daripada perbincangan ringkas di atas, bolehlah dibuat beberapa kesimpulan berikut:

- a) Islam adalah agama yang amat praktikal dan fleksibel yang meraikan hal keadaan umatnya yang berada dalam kesusahan dan kepayahan. Keadaan-keadaan ini adalah di luar kebiasaan seseorang, misalnya keadaan musafir adalah di luar kebiasaan seseorang iaitu bermuqim; keadaan sakit adalah di luar kebiasaan seseorang iaitu sihat dan sebagainya. Di dalam keadaan ini, dibolehkan untuk beramal dengan *rukḥṣah* dan meninggalkan 'azīmah.
- b) Berasaskan kepada hakikat bahawa 'azīmah adalah hukum asal, manakala *rukḥṣah* pula dibenarkan di dalam keadaan tertentu sahaja, maka aplikasi *rukḥṣah*

<sup>142</sup> Direkod oleh al-Baiḥaqi di dalam al-Sunan al-Kubra j. 3 h. 140 (no: 5199), Ibn Ḥibbān j. 2 h. 69 (no: 354), dan Al-Ṭabarāni dalam *al-Mu'jam al-Kabīr* j. 11 h. 323 (no: 11880). Al-Haythami menilai perawi-perawi Al-Ṭabarāni sebagai orang kepercayaan (thiqah). Lihat: *Majma' al-Zawā'id*, j. 3 h. 382.

<sup>143</sup> Al-Zarkasyi, *Al-Manḥūr Fī al-Qawā'id*, Kuwait: Wizāratul Awqāf, j. 2 h. 167.

<sup>144</sup> Al-Syāṭibi, *Al-Muwāfaqāt*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1/307.

<sup>145</sup> Al-Syāṭibi, *Al-Muwāfaqāt*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1/318.

<sup>146</sup> Al-Zarkasyi, *Al-Baḥr al-Muḥīṭ*, Ghardaqaḥ: Dār al-Ṣafwah, 1992, j.1 h. 331, 332.

adalah bersifat sementara dengan batasan waktu tertentu. Dengan kata lain, kebenaran untuk mengamalkannya bukanlah secara mutlak untuk selamanya. Apabila keadaan kembali pulih, maka *rukhsah* perlu ditinggalkan dan *'azimah* hendaklah diamalkan.

- c) Antara kaedah *fiqhiyyah* yang menyimpulkan dua perkara di atas adalah:
- Kesulitan (*al-mashaqqah*) adalah penyebab kepada kemudahan (*al-taysir*).<sup>147</sup>
  - Apabila keadaan menjadi sempit, maka hukumnya menjadi luas dan apabila keadaan menjadi luas, maka hukumnya menjadi sempit.<sup>148</sup>

Antaranya, perbincangan mengenai *'azimah* dan *rukhsah* di dalam konteks samada ianya adalah hukum asal atau sebaliknya dan kesannya di dalam aplikasi, samada ianya boleh diamalkan secara mutlak atau mempunyai batasan waktu yang tertentu.

---

<sup>147</sup> Al-Zarkasyi, *Al-Manthūr Fī al-Qawā'id*, Kuwait: Wizāratul Awqāf, j. 3 h. 169.

<sup>148</sup> Al-Zarkasyi, *Al-Manthūr Fī al-Qawā'id*, Kuwait: Wizāratul Awqāf, j. 1 h. 120,123.

### BAHAGIAN (3): PARAMETER *ḤIYAL* DALAM KEWANGAN ISLAM

Parameter *ḥiyal* akan dibentuk berdasarkan elemen-elemen penting yang telah dibincangkan dalam **bahagian (2)** kertas ini. Pengambilkiraan elemen-elemen tersebut perlu untuk memastikan bahawa parameter yang dibentuk akan dapat bertindak sebagai garis panduan mengelak daripada perlakuan *ḥiyal* yang tidak dibenarkan oleh Syarak. Ini bermakna, sekiranya parameter ini dipenuhi, maka *ḥiyal* yang dibuat merupakan *makhārij* atau *ḥiyal mashrū'ah* dan bukannya *ḥiyal muḥarramah*. Parameter tersebut ialah sebagaimana berikut:

#### 3.1 Parameter (1): Penggunaan *ḥiyal* hendaklah selari dengan *qaṣd al-Shāri'* berdasarkan kepada hirarki keutamaannya

Perbincangan mengenai *qaṣd al-Shāri'* dalam bahagian (2) kertas ini menunjukkan bahawa penggunaan *ḥiyal* mestilah menepati *qaṣd al-Shāri'* yang ditentukan berdasarkan hirarki keutamaannya. Jika sebaliknya, *ḥiyal* tersebut akan dikira sebagai *ḥiyal muḥarramah*. Ini kerana *ḥiyal* yang mengetepikan turutan keutamaan *qaṣd al-Shāri'* akan membawa kepada *ma'alat al-af'al* yang negatif iaitu *mafsadah* atau *maṣlahah marjuhah* dalam bentuk misalnya *ibtal al-hukm* atau kewujudan *maṣlahah* yang tidak diperakui oleh Syarak (*ghayr mu'tabarah*).<sup>149</sup> Turutan keutamaan *qaṣd al-Shāri'* boleh difahami sebagaimana berikut:

- i. Dari aspek kesan
  - a. Kedudukan *ḥiyal* perlu ditentukan iaitu samada ia dibuat untuk mencapai *qaṣd al-Shāri'* di peringkat *daruriyyat*, *hajiyyat* atau *tahsiniyyat*.
  - b. *ḥiyal* yang dibuat bagi mencapai *qaṣd al-Shāri'* di peringkat *daruriyyat* perlu diutamakan daripada *qaṣd al-Shāri'* di peringkat *hajiyyat* manakala *ḥiyal* yang dibuat bagi mencapai *qaṣd al-Shāri'* di peringkat *hajiyyat* mesti diutamakan daripada *qaṣd al-Shāri'* di peringkat *tahsiniyyat*.
  - c. Sesuatu *ḥiyal* dikira berada di peringkat *daruriyyat* sekiranya ia dibuat untuk merealisasikan *qaṣd al-Shāri'* yang mengandungi ciri-ciri *maqāṣid daruriyyah* yang boleh dijelaskan sebagaimana berikut:

#### ***Ḥiyal* di peringkat *daruriyyat***

*Ḥiyal* seperti ini dibuat untuk mencapai *maqāṣid asliyyah*, *maqāṣid kulliyah* dan *maqāṣid 'ammah* berkaitan penjagaan harta iaitu dari segi mewujudkannya (*janib al-wujud*) dan mengelak daripada kemusnahannya (*janib al-'adam*). *Ḥiyal* pada kedudukan ini kebiasaannya dirancang untuk mengekalkan kewujudan harta dan mengembangkannya sehingga boleh dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat. Jika *ḥiyal* ini tidak dilaksanakan, kemudaratan yang lebih besar akan berlaku dalam bentuk kepincangan dan kemusnahan sistem *mu'āmalāt* atau sistem kewangan yang beroperasi.

<sup>149</sup> Helah seperti ini akan menyebabkan *maqāṣid* yang lebih penting seperti *maqāṣid 'ammah* dan *maqāṣid kulliyah* diketepikan demi memenuhi *maqāṣid al-mutahayyil* yang bersifat *fardiyyah* atau *juzi'yyah* sedangkan kedudukannya dari sudut turutan keutamaan adalah lebih rendah.

*Ḥiyal* dalam kedudukan *daruriyyat* juga lebih diutamakan daripada *hiyal* dalam kedudukan *maqāsid tabi'ah* dan *juzi'yah*. Contoh *ḥiyal* di peringkat *daruriyyat* ialah sebagaimana berikut:

- i. Produk pembiayaan peribadi berasaskan *bay' al-ṭinah* dan *tawarruq*

*Bay' al-ṭinah* dan *tawarruq* digunakan sebagai *ḥiyal* untuk menghasilkan produk pembiayaan peribadi (*personal financing*) di peringkat permulaan operasi perbankan Islam iaitu ketika tiada alternatif yang sesuai. Memandangkan produk pembiayaan peribadi perlu diadakan juga bagi memastikan kelangsungan perbankan Islam, maka *ḥiyal* yang boleh mendasari produk pembiayaan peribadi perlu dibuat. *Ḥiyal* ini bertujuan memenuhi tuntutan *daruriyyat* dari segi memastikan *survival* perbankan Islam tidak tergugat dan membolehkan bank-bank Islam bersaing dengan bank-bank konvensional yang menawarkan produk *personal financing* berasaskan kontrak pinjaman.

- ii. *Commodity Murabahah House* (CMH)

*Ḥiyal* ini dibuat sebagai salah satu instrumen pengurusan kecairan (*liquidity management*) bagi menggalakkan *overnight deposits* dan *short term deposits* untuk bank-bank Islam di Malaysia. *Commodity Murabahah House* (CMH) yang berasaskan *ḥiyal* melalui *tawarruq* merupakan alternatif kepada London Metal Exchange (LME).<sup>150</sup> *Liquidity* di sini merupakan perkara penting yang perlu diuruskan oleh bank-bank Islam dengan baik bagi memastikan kelangsungannya. Justeru itu, instrumen khusus yang patuh Syariah perlu diadakan sekalipun terpaksa melakukan *ḥiyal* kerana tanpa *liquidity*, *survival* bank-bank Islam akan tergugat.

- d. Sesuatu *ḥiyal* dikira berada di peringkat *hajiyyat* sekiranya ia dibuat untuk merealisasikan *qaṣd al-Shāri'* yang mengandungi ciri-ciri *maqāsid hajiyyah* yang boleh dijelaskan sebagaimana berikut.

### ***Ḥiyal di peringkat Hajiyyat***

*Ḥiyal* dalam di peringkat ini dibuat untuk mengelak kesempitan dan kesusahan dalam aktiviti kewangan Islam dan melancarkan operasi kewangan Islam. Kesannya jika ia tidak dibuat ialah aktiviti kewangan sukar untuk beroperasi walaupun tidak sampai ke tahap boleh merencatkan sistem kewangan Islam sedia ada. *Ḥiyal* dalam kedudukan ini merangkumi *ḥiyal* yang dibuat dalam pelbagai kontrak seperti kontrak *qirād*, *musāqāh*, *salam*, *mushārahah*, *muḍārabah* dan *qard*. Jika *ḥiyal* ini tidak dibuat pelbagai bentuk kesukaran akan berlaku misalnya kesukaran untuk mendapat barang keperluan melalui *bay'* dan bagi mendapatkan wang melalui *qard* untuk membeli sesuatu barang. Oleh itu, jika barang keperluan tidak boleh didapati melalui jual beli atau wang tidak boleh diperolehi melalui *qard* melainkan dengan jalan *ḥiyal* maka *ḥiyal* dibolehkan bagi

---

<sup>150</sup> [http://www.menafn.com/qn\\_news\\_story\\_s.asp?StoryId=1093238799](http://www.menafn.com/qn_news_story_s.asp?StoryId=1093238799)

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

memenuhi tuntutan hajat tersebut. Selain itu, *hiyal* dalam bahagian ini juga dibuat untuk mencapai *maqāsid tābi'ah* dan *maqāsid juzi'yyah* seperti untuk mencapai *maqsid* kelompok-kelompok individu yang kecil dan *maqṣad* keinginan untuk mengumpul kekayaan sebanyak mungkin. *Hiyal* tersebut kebiasaannya dibuat sebagai pelengkap (*mukammil*) kepada samada *maqāsid darūriyyah*, *maqāsid aṣliyyah* atau *maqāsid kulliyyah*. Namun begitu, jika *hiyal* dalam kedudukan ini bertentangan dengan *maqāsid-maqāsid* yang lebih penting maka ia perlu dielakkan demi menjamin kelangsungan sistem kewangan Islam. Contoh *hiyal* ini ialah sebagaimana berikut:

- i. Antara syarat dalam kontrak *mudārabah*, aset yang dijadikan modal pelaburan hendaklah terdiri daripada emas atau perak, ataupun matawang. Tidak sah *mudarabah* dengan menjadikan barangan sebagai modal pelaburan. Pandangan ini ialah pandangan majoriti fuqaha. Syarat ini menimbulkan kesukaran kepada individu yang hanya memiliki barangan dan tidak memiliki emas atau perak, ataupun matawang untuk dijadikan modal pelaburan. *Hiyal* bagi menyelesaikan kesukaran ini dan memenuhi tuntutan *ḥājiyyāt* di atas ialah dengan cara dia menjual barangannya kepada seorang individu lain yang dipercayainya. Wang hasil jualan itu diserahkan kepada *mudārib* dalam kontrak *mudarabah*. Kemudian, *mudārib* tersebut membeli semula barangan yang dibeli oleh lelaki tadi.<sup>151</sup>
- ii. Jika individu yang diwarisi (*mawrūth*) berhutang kepada salah seorang pewarisnya dan dia ingin menjelaskan hutang tersebut tetapi tidak ada bukti (yang menunjukkan atau *menthābitkannya* dengan hutang itu). Sekiranya dia membuat pengakuan terhadap hutang tersebut, pengakuannya tidak diterima. Jika dia memberikan '*iwadnya* (ganti kepada hutang) maka pemberian itu pada zahirnya merupakan '*tabarru'* menyebabkan pewaris-pewaris lain berhak memulangkannya. *Hiyal* untuk keluar daripada kerumitan dan kesukaran masalah hutang ini ialah pewaris mendapatkan hutangnya secara rahsia kemudian (pewaris) tersebut menjual satu barang atau rumah atau hamba dengan harga yang sama dengan nilai hutang itu.<sup>152</sup>
- e. Sesuatu *hiyal* dikira berada di peringkat *tahsiniyyat* sekiranya ia dibuat untuk merealisasikan *qaṣd al-Shāri'* yang mengandungi ciri-ciri *maqāsid tahsiniyyah* yang telah dijelaskan.

### ***Hiyal* di peringkat *Tahsīniyyāt***

*Hiyal* dalam kedudukan ini biasanya dibuat untuk memperelok aktiviti *mu'āmalāt* supaya lebih tertatur dan sistematik dan untuk memperlihatkan kemuliaan akhlak dari segi layanan yang diberikan kepada pelanggan yang ingin mendapatkan produk dan

<sup>151</sup> Al-Zayla'I, *Tabyin al-Haqai'q*

<sup>152</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2004), *Ilam al-Muwaqqi'in 'an Rab al-'Alamin*, j. 3. Al-Qahirah: Dar al-Hadith, h. 258

perkhidmatan yang ditawarkan. Jika *ḥiyal* ini tidak dibuat, aktiviti kewangan Islam masih boleh beroperasi tanpa sebarang halangan dalam bentuk kesusahan atau kepayahan. Namun begitu, *ḥiyal* dalam kedudukan ini tidak boleh bertentangan dengan *maqāṣid-maqāṣid* yang lebih utama daripadanya seperti *maqāṣid darūriyyah*, *maqāṣid ḥājiiyyah*, *maqāṣid aṣliyyah*, *maqāṣid kulliiyyah* dan *maqāṣid ‘āmmah*. Pada kebiasaannya *ḥiyal* ini boleh dibuat untuk mencapai *maqāṣid tābi‘ah* seperti *maqāṣid* keinginan untuk mengumpul kekayaan sebanyak mungkin. Contoh *ḥiyal* dalam kedudukan ini ialah seperti berikut:

- i. Jika seseorang membeli barang ribawi dengan barang ribawi, kemudian berlaku aib pada barang tersebut ketika ia berada di tangan pembeli dan pembeli menyedarinya. Dia tidak boleh memulangkannya kepada penjual dengan alasan aib tersebut dan tidak boleh juga mengambil *arsh*. *ḥiyal* dalam masalah ini ialah dia membayar kepada pembeli satu barang ribawi yang mengandungi aib yang sama dengan aib yang ada pada barang yang dibelinya. Kemudian dia mengambil semula apa yang telah dibayar kepada penjual. Jika penjual telah menggunakannya, dia boleh mengambil gantinya.
- ii. Dalam kontrak syarikat, harta yang boleh dijadikan modal syarikat ialah wang emas, perak, ataupun matawang. Syarat ini menyukarkan sebahagian mereka yang hanya mempunyai barangan dan tidak mempunyai matawang ataupun wang emas dan perak. *Ḥiyal* yang boleh menyelesaikan kesukaran ini ialah dua individu yang ingin membuat kontrak syarikat pada aset berbentuk barangan hendaklah masing-masing menjual sebahagian asetnya kepada rakan kongsi dengan menjadikan sebahagian aset rakan kongsi sebagai harga pertukaran. Kesannya ialah setiap aset (barangan) mereka berdua terbahagi di antara mereka, dan ini dinamakan sebagai *syirkah al-milk* (syarikat milikan). Selepas itu, barulah mereka menjalankan transaksi kontrak syarikat antara mereka. Ini bermakna sebahagian aset setiap mereka terjamin oleh rakan kongsi masing-masing dengan harga tersebut. Maka keuntungan yang diperolehi adalah keuntungan harta yang dijamin, dan ini menjadikan kontrak syarikat mereka sah.

Jika kedua-dua contoh di atas diteliti, *ḥiyal* yang dibuat sebenarnya ialah untuk mengatasi kesukaran dalam mengadakan kontrak jual beli dan kontrak syarikat. Ini menunjukkan bahawa *ḥiyal* seperti ini masih berada di peringkat *ḥājiiyyāt*, namun begitu, ia berubah kepada kedudukan *taḥsīniyyāt* jika dilakukan oleh seorang yang kaya dengan tujuan (*maqṣad*) untuk menambahkan kekayaannya serta menzahirkan kesan nikmat kekayaannya. Ringkasnya, kesemua *ḥiyal* pada kedudukan *ḥājiiyyāt* yang dibuat untuk mencapai *maqāṣid tābi‘ah* dan *maqāṣid taḥsīniyyāh* adalah juga *ḥiyal* yang berada pada kedudukan *taḥsīniyyāt*.

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

- ii. Dari aspek keumuman
  - a. Kedudukan *hiyal* mesti ditentukan samada ia dibuat dengan tujuan untuk mencapai *qaṣd al-Shāri'* yang berada di peringkat *maqāṣid 'āmmah*, *maqāṣid khāṣṣah*, *maqāṣid kulliyah* atau *maqāṣid juzi'yyah*.
  - c. *Hiyal* yang dibuat bagi mencapai *qaṣd al-Shāri'* di peringkat *maqāṣid 'āmmah* mestilah diutamakan daripada *qaṣd al-Shāri'* di peringkat *maqāṣid khāṣṣah*.
  - d. *Hiyal* yang dibuat bagi mencapai *qaṣd al-Shāri'* di peringkat *maqāṣid kulliyah* mestilah diutamakan daripada *qaṣd al-Shāri'* di peringkat *maqāṣid juzi'yyah*.
  - e. Sesuatu *hiyal* dikira berada di peringkat *maqāṣid 'āmmah* sekiranya ia dibuat untuk merealisasikan *qaṣd al-Shāri'* yang mengandungi ciri-ciri *maqāṣid 'āmmah* yang boleh dijelaskan sebagaimana berikut:

Ia merupakan *hiyal* yang digunakan dalam pelbagai kontrak kewangan untuk merealisasikan prinsip-prinsip umum *Syarak* yang dimaklumi secara *daruri* seperti prinsip keadilan, kesaksamaan dan toleransi. *Hiyal* di peringkat ini boleh dibuat sekalipun bertembung dengan dalil-dalil *juzi'* *Syarak* yang bersifat *ẓannī*.

- i. Sesuatu *hiyal* dikira berada di peringkat *maqāṣid khassah* sekiranya ia dibuat untuk merealisasikan *qaṣd al-Shāri'* yang mengandungi ciri-ciri *maqāṣid khassah* yang boleh dijelaskan sebagaimana berikut:

*Hiyal* yang berada di peringkat *maqāṣid khassah* merujuk kepada *hiyal* yang dibuat untuk merealisasikan makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil kira oleh *Syarak* dalam bab-bab tertentu dalam Syariah seperti *qaṣd al-Syāri'* dalam bab *mu'āmalāt māliyyah*.<sup>153</sup> Menurut Ibn 'Ashūr *maqāṣid khassah* hendaklah sentiasa membawa kepada terhasilnya *maqāṣid 'āmmah* atau tidak membawa kepada pembatalannya.<sup>154</sup>

- j. Sesuatu *hiyal* dikira berada di peringkat *maqāṣid kulliyah* sekiranya ia dibuat untuk merealisasikan *qaṣd al-Shāri'* yang mengandungi ciri-ciri *maqāṣid kulliyah* yang boleh dijelaskan sebagaimana.

*Hiyal* dalam kedudukan *maqāṣid* ini kebiasaannya dilakukan untuk tujuan menyusun atur dan mengurus tabdir operasi kewangan Islam sehingga membolehkan seramai mungkin individu menikmati produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang adil dan seterusnya mengeluarkan mereka daripada sistem kewangan konvensional yang berasaskan riba. *Hiyal* dalam kedudukan *maqāṣid* ini ialah seperti berikut:

<sup>153</sup> N'uman Jughaym (2002), *Turuq al-Kashf 'an Maqāṣid al-Shari'*, 'Amman: Dar al-Nafai's, h.28

<sup>154</sup> Beliau menyatakan seperti berikut: "أو لحفظ مصالحهم العامة في تصرفاتهم الخاصة كي لا يعود سعيهم في مصالحهم الخاصة " يابطال ما أسس من تحصيل مصالحهم العامة إبطالا عن غفلة أو عن استئلال هوى وباطل الشهوة"

i. kontrak *Islamic Inter-bank Money Market*

Ia merupakan satu bentuk *investment* yang diamalkan dalam pasaran wang di antara bank-bank Islam (*Islamic interbank money market*). Objektif atau *maqṣad* instrumen kewangan Islam ini ialah untuk memenuhi keperluan kecairan (*liquidity need*) bagi institusi perbankan Islam<sup>155</sup>. Sebagaimana yang dimaklumi, *liquidity need* ini penting untuk memastikan kelangsungan perbankan Islam yang diamalkan oleh kebanyakan bank-bank Islam. Oleh itu, ciri *maqāṣid kulliyah* yang wujud dalam *ḥiyal* ini ialah ia melibatkan kumpulan besar bank-bank Islam yang mempunyai matlamat untuk menjadi alternatif kepada sistem kewangan konvensional.

- k. Sesuatu *ḥiyal* dikira berada di peringkat *maqāṣid juzi'yyah* sekiranya ia dibuat untuk merealisasikan *qaṣd al-Shāri'* yang mengandungi ciri-ciri *maqāṣid juzi'yyah* yang boleh dijelaskan sebagaimana berikut:

*Ḥiyal* dalam kedudukan *maqāṣid* ini dilakukan untuk merealisasikan manfaat dan *maṣlahah* bank-bank atau pelanggan-pelanggan tertentu melalui penghasilan dan penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan Islam seperti manfaat memaksimumkan keuntungan dan manfaat mendapatkan pembiayaan yang berpatutan. Namun begitu, *ḥiyal* ini mestilah tidak boleh dilakukan dengan mengetepikan *maqāṣid kulliyah*. Contoh *ḥiyal* ini ialah seperti berikut:

- i. Kontrak *bay' al-īnah* yang merupakan satu bentuk *ḥiyal* digunakan di Malaysia untuk membentuk pelbagai instrumen kewangan Islam misalnya *Negotiable Islamic Certificate of Deposit* (NIDC). Objektif atau *maqṣad* bank yang menggunakan instrumen ini ialah untuk mengelak daripada pergantungan kepada deposit yang mempunyai kadar yang berubah (*variable rate deposits*).<sup>156</sup>

iii. Dari aspek *hazz al-mukallaḥ*

- a. Kedudukan *ḥiyal* mesti ditentukan samada ia dibuat dengan tujuan untuk mencapai *qaṣd al-Shāri'* yang berada di peringkat *maqāṣid asliyyah* atau *maqāṣid tabi'ah*.
- b. *Ḥiyal* yang dibuat bagi mencapai *qaṣd al-Shāri'* di peringkat *maqāṣid asliyyah* mestilah diutamakan daripada *qaṣd al-Shāri'* di peringkat *maqāṣid tabi'ah*.
- c. Sesuatu *ḥiyal* dikira berada di peringkat *maqāṣid asliyyah* sekiranya ia dibuat untuk merealisasikan *qaṣd al-Shāri'* yang mengandungi ciri-ciri *maqāṣid asliyyah* yang boleh dijelaskan sebagaimana berikut:

<sup>155</sup> [http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/en/2008/cp01\\_002\\_whitebox.pdf](http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/en/2008/cp01_002_whitebox.pdf). Lamaweb ini dilawati pada 26hb. Ogos 2010

<sup>156</sup> Saiful Azhar Rosly (2007), *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets*, Kuala Lumpur: Dinamas, h. 599



## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

Ia merupakan *hiyal* yang dibuat untuk mengembangkan harta, melegarkan harta di kalangan seramai mungkin individu, bersifat tranperansi dan membawa kepada pemilikan harta yang sah.

- d. Sesuatu *hiyal* dikira berada di peringkat *maqāsid tabi'ah* sekiranya ia dibuat untuk merealisasikan *qaṣd al-Shāri'* yang mengandungi ciri-ciri *maqāsid tabi'ah* yang boleh dijelaskan sebagaimana berikut:

Ia merupakan *hiyal* yang dibuat dengan tujuan untuk menyempurnakan dan melengkapkan *maqāsid aṣliyyah*<sup>157</sup> yang telah dinyatakan. Contohnya ialah sebagaimana berikut:

- i. Keinginan untuk mengumpul kekayaan sebanyak mungkin. Namun begitu, penggunaan *hiyal* yang dimaksudkan di sini bukan *hiyal* yang bersifat sementara (تقدر بقدرها) atau dilakukan untuk memenuhi hajat yang mendesak atau darurat.
- ii. Contoh lain ialah *maqṣad* larangan *gharar* dan *jahalah* yang merupakan *mukammil* kepada *al-bay'* (terutamanya yang berada pada kedudukan *darūriyyāt*) yang bertindak sebagai *wasīlah* kepada *maqāsid aṣliyyah*. Jika *gharar* dilarang secara mutlak tanpa pengecualian, maka segala aktiviti jual beli akan tergugat. Contohnya ialah seperti *gharar* yang terhasil daripada jual beli rumah berserta asasnya (tapaknya). Asas tersebut tidak mungkin boleh diketahui ukurannya melainkan dengan meruntuhkan rumah tersebut terlebih dahulu. Jika *jahālah* pada ukuran tapak rumah tersebut juga dikira sebagai *gharar* yang diharamkan, maka jual beli rumah tidak akan dapat dijalankan sedangkan rumah merupakan keperluan yang *darūri*. Di sini, *maqṣad takmilī* terhadap pengharaman *gharar* tidak diambilkira kerana ia mengugat *maqṣad aṣlī* (اعتبار المكمل يعود على الأصل بالإبطال)<sup>158</sup>

### 3.2 Parameter (2): *Qaṣd al-Mukallaf* dalam penggunaan *hiyal* hendaklah seiring dengan *qaṣd al-Shāri'* tanpa sebarang percanggahan

Berdasarkan huraian mengenai *qaṣd al-mukallaf* dalam bahagian (2) kertas ini, dapatlah dirumuskan bahawa *qaṣd al-mukallaf* dalam *hiyal mashru'ah* hendaklah menepati kesemua kategori *qaṣd al-Shāri'* berasaskan turutan keutamaannya. *Qaṣd al-Mukallaf* tidak boleh menyalahi mana-mana *qaṣd al-Shāri'* terutamanya *qaṣd al-Shāri'* yang berada pada hirarki keutamaan tertinggi iaitu *maqāsid daruriyyah*, *maqāsid aṣliyyah*, *maqāsid 'ammah* dan *maqāsid kulliyyah*.

<sup>157</sup> Al-Shātibī (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 1179

<sup>158</sup> Hasan Ahmad dan Khalifah Babakr (1998), *al-Maqāṣid al-Syar'iyyah wa al-Qawa'id al-Syar'iyyah*, al-Azhar: Dar al-Tiba'ah al-Muhammadiyah, h. 154-155

Pada asalnya, *ḥiyal* yang dikira menepati *qaṣd al-Shāri'* ialah *ḥiyal* yang sah secara “*qaḍā'an*” dan “*diyānatan*”<sup>159</sup> iaitu apabila *qaṣd al-mukallaf* benar-benar menepati *qaṣd al-Shāri'* tanpa kewujudan *qarā'in al-ahwal* atau lafaz zahir yang menunjukkan percanggahan di antara *qaṣd al-mukallaf* dan *qaṣd al-Syari'*.

Namun begitu, sekiranya berlaku percanggahan di antara *qaṣd al-mukallaf* dengan mana-mana *qaṣd al-Shāri'* di atas iaitu melalui lafaz atau *qarā'in al-ahwal* yang jelas menunjukkan *qaṣd al-mukallaf*, maka pertimbangan berikut perlu diambilkira:

Sekiranya syarat ini menimbulkan kesukaran iaitu sehingga boleh menggugat *maṣlahah rajihah* mana-mana pihak yang berkontrak atau menggagalkan pencapaian *maṣlahah rajihah* atau mendatangkan *mafsadah rajihah*, maka kesahihan *ḥiyal* tersebut secara “*qaḍā'an*” sudah memadai untuk menjadikannya selari dan bertepatan dengan *qaṣd al-Shāri'*.<sup>160</sup>

### **3.3 Parameter (3):** *Wasā'il* yang digunakan untuk melakukan *ḥiyal* tidak boleh menyebabkan terbatalnya *qaṣd al-Shāri'*

Parameter ini adalah kesimpulan daripada beberapa asas yang telah diterangkan secara panjang lebar di bahagian (2) kertas ini. Kesimpulannya, *wasīlah* bukan suatu yang dikehendaki pada dirinya sendiri, tetapi ia sesuatu yang mengikuti perkara lain yang merupakan objektif yang dikehendaki oleh mukallaf.

Hukum-hukum berkaitan *mu'āmalāt* dishariatkan oleh Allah adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektifnya. Sebagai contoh, dishariatkan kontrak jual beli dengan objektif memindahkan hak pemilikan barang, dan dishariatkan pemberian hadiah dengan objektif menimbulkan pertautan hati antara masyarakat. Jika dilihat dari sudut kaitan dengan *wasā'il*, *ḥiyal* boleh dibahagikan kepada dua kategori:

- i. Penggunaan *ḥiyal* yang boleh menghilangkan objektif *Syarak* secara keseluruhan, tanpa digantikan dengan objektif lain. Iaitu menggunakan *ḥiyal* dengan melakukan satu perbuatan semata-mata untuk mewujudkan elemen yang menjadi penghalang kepada satu perkara yang *mashrū'*. Contohnya, mengeluarkan harta sebagai pemberian hibah pada hari sebelum cukup pusingan satu *hawl*, dengan tujuan untuk menghalang kewajipan zakat.
- ii. Penggunaan *ḥiyal* yang menyebabkan tergendala suatu perkara yang *mashrū'*, tetapi dalam masa yang sama ia menghasilkan perkara *mashrū'* yang lain. Contohnya, meniagakan harta yang terkumpul bagi mengelakkan ia berkurangan

<sup>159</sup> Ini merupakan pendapat mazhab Maliki dan Hanbali seperti yang telah dijelaskan.

<sup>160</sup> Ini ialah pendapat mazhab Hanafi dan Shafi'i seperti yang telah dihuraikan.

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

disebabkan zakat. Tindakan seumpama ini dibenarkan, kerana walaupun tindakan ini akan mengurangkan nisab dan seterusnya menghalang kewajipan zakat, tetapi ia membawa kepada masalah lain. Iaitu daripada masalah yang hanya terhad kepada manfaat golongan fakir, kepada masalah yang lebih utama iaitu merencanakan perniagaan. Dalam masa yang sama, zakat harta yang tidak dikenakan akan digantikan dengan zakat perniagaan.

Daripada dua pembahagian di atas, dapat disimpulkan bahawa: Jika penggunaan *hilah* menyebabkan suatu transaksi kewangan melencong daripada satu objektif *Syarak*, tetapi membawa kepada terhasilnya objektif *Syarak* yang lain, maka ia dibenarkan. Tetapi jika penggunaan *hilah* dalam suatu transaksi kewangan menyebabkan tergendalanya objektif *Syarak* maka transaksi tersebut adalah batal.

Cuma, dalam situasi *darurat* terdapat pengecualian. Kerana suatu yang haram pada zatnya seperti memakan khinzir dan meminum arak dibenarkan dalam situasi *darurat*, maka perkara yang haram disebabkan unsur lain seperti *bay' 'inah* lebih *awla* untuk dibenarkan dalam situasi *darurat*.

### 3.4 Parameter (4): Masalah yang hendak dicapai melalui penggunaan *hiyal* hendaklah masalah yang *mu'tabarrah* dan *rājihah*

Yang dimaksudkan dengan masalah yang *mu'tabarrah* atau yang diambil kira oleh syara' ialah masalah yang tidak bercanggahan dengan nas-nas Al-Quran, nas-nas Sunnah, dan tidak bercanggahan dengan *qiyas*. Jika sesuatu masalah bercanggahan dengan Al-Quran dan Sunnah, maka masalah tersebut adalah masalah *fāsidah* dan tidak diambil kira.

Disyaratkan juga dalam penggunaan masalah dalam *hiyal* bahawa ia tidak menyebabkan terluput masalah lain yang lebih besar. Contohnya, jika ada satu *hilah* yang diamalkan kerana wujud masalah *khāṣṣah* tetapi dalam masa yang sama ia menyebabkan terhilangnya masalah *'āmmah*, maka masalah tersebut tidak diambil kira.

Contohnya, di dalam bab waqaf, jika pewaqaf mensyaratkan supaya waqafnya tidak boleh disewa melebihi dua tahun, maka ada *hilah* bagi membolehkan untuk disewa dalam tempoh yang panjang seperti 100 tahun. Hilahnya ialah membuat kontrak sewaan selama dua tahun tetapi dengan banyak transaksi dalam satu majlis, hingga keseluruhan sewaan tersebut mencapai tempoh 100 tahun<sup>161</sup>.

Hilah ini jelas memberi masalah kepada penyewa dan juga pemberi sewa. Tetapi masalah ini hanya terhad kepada dua pihak tersebut, dan dalam waktu yang sama, ia menyebabkan terhilangnya masalah yang lebih besar, iaitu manfaat yang sepatutnya dicapai daripada harta waqaf sebagaimana kehendak asal pemberi waqaf. Dalam contoh

<sup>161</sup>Ibn al-Qayyim, *I'lām al-Muwaqqi'in*, Beirut: Dār al-Jay, j. 3 h. 291.

di atas, hilah tersebut walaupun didasarkan kepada maṣlaḥah, tetapi tidak diambil kira oleh syara' kerana menyanggahi maṣlaḥah lain yang lebih besar.

**3.5 Parameter (5):** *Ḥiyal* yang terbatas waktu penggunaannya tidak boleh digunakan sepanjang masa manakala *ḥiyal* yang tidak mempunyai batasan waktu boleh digunakan sepanjang masa

Apabila diamati perbincangan mengenai indikasi *ḥiyal* dan semangat aplikasi *rukḥṣah* dan 'azīmah, dapat disimpulkan bahawa *ḥiyal* boleh dibahagikan kepada dua kategori berikut:

**Pertama:** *Ḥiyal Mashrū'ah* yang aplikasinya tidak mempunyai batas waktu tertentu. Dengan kata lain, ianya boleh diguna pakai pada setiap masa dalam apa jua keadaan dengan syarat ianya mendapat persetujuan pihak-pihak yang berkontrak.

*Ḥiyal* yang termasuk di dalam kategori ini adalah *ḥiyal* yang dianggap sebagai hukum asal dan bukannya sebagai sesuatu yang diharuskan dalam keadaan tertentu sahaja sebagaimana *rukḥṣah*. *Ḥiyal* yang membawa hukum asal ialah apabila ia hanya melibatkan perubahan yang dibuat di dalam ruang lingkup syarat dan rukun sesuatu kontrak. Dengan kata lain, perubahan ini, walaupun di luar kebiasaan bagaimana sesuatu perkara itu dilakukan, ianya masih tidak melampaui syarat dan rukun yang dipersetujui oleh para fuqaha.

Sebagai contoh, kadar sewaan yang tinggi samada pada permulaan atau akhir tempoh sewaan untuk menjaga kepentingan pemberi sewa atau penyewa.

Jika dilihat kembali kepada tiga indikasi *ḥiyal* yang dibincangkan sebelum ini, bolehlah dirumuskan bahawa *ḥiyal* yang boleh dimasukkan ke dalam kategori ini ialah *ḥiyal* yang mempunyai indikasi yang pertama sahaja iaitu aplikasi yang bersifat di luar kebiasaan, namun ianya masih tidak melampaui syarat dan rukun yang dipersetujui oleh para fuqaha bagi sesuatu akad, misalnya akad *ijārah* di dalam contoh di atas. *Ḥiyal* di dalam kategori ini juga tidak mempunyai dua indikasi *ḥiyal* yang lain.

**Kedua:** *Ḥiyal Mashrū'ah* yang aplikasinya mempunyai batas waktu tertentu. Dengan kata lain, ianya boleh diguna pakai untuk sementara disebabkan oleh keadaan yang mendesak atau kekangan tertentu yang menghalang sesuatu produk itu dilaksanakan tanpa menggunakan *ḥiyal*. Apabila tiadanya keadaan mendesak atau kekangan yang menghalang, produk yang distruktur di atas asas *ḥiyal* ini perlu kembali kepada akad-akad yang lebih relevan dari perspektif Sharī'ah. Kategori kedua ini diambil dari semangat aplikasi *rukḥṣah*.

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

*Ḥiyal* yang termasuk di dalam kategori ini ialah yang mempunyai salah satu atau kedua-dua indikasi berikut:

- iii. Apabila dimasukkan ke dalam barang pertukaran sesuatu yang tidak diperlukan atau dimaksudkan oleh pihak-pihak yang berkontrak. Contohnya menjual beli besi secara *tawarruq* untuk membiayai pembelian rumah. Tanpa keadaan yang mendesak dan kekangan tertentu (contohnya dari segi perundangan, percukaian dan lain-lain), pembiayaan rumah perlu kembali kepada akad yang lebih relevan contohnya *murābahah*, *istiṣnaʿ*, *ijārah*, *mushārahah* dan sebagainya.
- iv. Apabila dimasukkan ke dalam sesuatu kontrak, akad-akad lain atau syarat-syarat yang tidak diperlukan atau dimaksudkan. Akad-akad tambahan ini ada kalanya menyokong kontrak utama atau menafikannya. Contohnya, di dalam transaksi *ʿīnah*, terdapat syarat – samada secara langsung atau tidak langsung - pembelian balik barang yang dijual.

*Ḥiyal* yang mempunyai dua indikasi di atas diletakkan dibawah kategori ini (mempunyai batasan waktu tertentu) disebabkan perkara-perkara berikut:

- a) Penerimaan para fuqaha terhadap produk-produk yang diasaskan kepada *ḥiyal* yang seumpama ini adalah tidak meluas. Dengan kata lain, ianya tidak sunyi daripada perbezaan dan perselisihan pendapat.
- b) Produk yang diasaskan kepada *ḥiyal* yang seumpama ini tidak membawa kesan yang ketara ke atas pihak-pihak yang berkaitan jika dibandingkan dengan produk “asal” yang tidak menggunakan *ḥiyal*. Contohnya, produk pembiayaan rumah boleh distrukturkan di atas produk yang berasaskan *ḥiyal* atau sebaliknya dan kesannya ke atas pihak-pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

	Produk berasaskan <i>Ḥiyal</i>	Produk tidak Berasaskan <i>Ḥiyal</i>
Instrumen Shari'ah	<i>ʿīnah</i> , <i>Tawarruq</i>	<i>Murābahah</i> , <i>Mushārahah</i> , <i>Ijārah</i> , <i>Istiṣnāʿ</i>
Projek terbengkalai	Bank tidak menanggung risiko kerana jumlah keberhutangan yang penuh telah terhasil dari transaksi jual beli komoditi.	Bank menanggung sepenuh atau sebahagian risiko kerana bank adalah pemilik sepenuh atau sebahagian daripada rumah tersebut.
Birokrasi	Mudah, melibatkan urusan biasa yang sudah dimaklumi oleh berbagai	Agak rumit melibatkan urusan yang tidak biasa diamalkan oleh pihak-pihak yang terbabit. Misalnya,

	pihak yang terlibat.	urusan di pejabat tanah dan sebagainya.
Kemungkinan pembayaran balik	Sepenuhnya menjadi tanggungjawab pemilik rumah.	Bank menanggung sebahagian risiko sebagai pemilik bersama atau pemilik penuh.
Percukaian	Tidak melibatkan RPGT (Real Property Gain Tax) di pihak bank.	Mungkin melibatkan RPGT di pihak bank.

Daripada jadual di atas, pihak institusi kewangan berkemungkinan menggunakan produk yang berbentuk *ḥiyal* disebabkan kekangan birokrasi, percukaian dan tidak bersedia menanggung risiko jika berlakunya projek terbengkalai dan kemungkinan pembayaran balik. Namun, produk-produk yang berasaskan *ḥiyal* ini tidak dapat menyelesaikan masalah yang sering dihadapi oleh pengguna iaitu projek terbengkalai. Jika ini berlaku, khususnya di peringkat akhir pembinaan, pelanggan masih perlu membuat bayaran balik sepenuhnya walaupun rumah tersebut tidak dapat diserahkan dan diduduki. Berbanding dengan produk bukan berasaskan *ḥiyal*, kesusahan ini ditanggung bersama.

Di dalam produk berasaskan *ḥiyal*, risiko yang ditanggung oleh institusi kewangan Islam tidak banyak berbeza dengan pinjaman berasaskan riba. Ini adalah tidak selari dengan semangat sistem kewangan Islam yang melihat institusi kewangan Islam bukan sebagai pemberi pinjaman, sebaliknya sebagai pengusaha, rakan kongsi, peniaga dan penyedia perkhidmatan. Namun untuk kembali kepada produk yang bukan berbentuk *ḥiyal*, semua pihak yang terlibat perlu berusaha untuk menyediakan persekitaran yang lebih mesra Shari'ah dan risiko-risiko yang ada perlu ditangani dengan sewajarnya.

Berasaskan kepada perbincangan di atas, adalah perlu untuk meletakkan parameter batas waktu aplikasi bagi *ḥiyal* di dalam kategori ini. Dengan adanya parameter ini, pihak institusi kewangan Islam tidaklah boleh merasa selesa dan berpuas hati dengan produk berasaskan *ḥiyal* yang ada. Usaha perlu dibuat untuk kembali kepada produk yang tidak dilihat sebagai *ḥiyal*. Lebih penting daripada institusi kewangan Islam itu sendiri adalah pihak pemerintah dan institusi yang mempunyai kuasa di dalam mengubah polisi dan undang-undang. Mereka juga perlu memberikan tumpuan di dalam mengubah keadaan agar produk-produk bukan *ḥiyal* dapat diketengahkan di dalam masyarakat. Jika ini berlaku, keadilan dan rahmat yang dibawa oleh sistem kewangan Islam akan lebih dirasakan oleh semua.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbahasan kertas ini, dapatlah disimpulkan bahawa perlakuan *hiyal* sebenarnya mempunyai asas Syarak yang jelas dan dari segi hukum ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu *hiyal mashrū'ah* dan *hiyal muḥarramah*. Kedudukan *hiyal* samada *mashrū'ah* atau *muḥarramah* dapat ditentukan melalui parameter *hiyal* yang telah dikemukakan iaitu samada parameter tersebut diikuti sepenuhnya atau sebaliknya. Jika diikuti sepenuhnya maka *hiyal* tersebut adalah *mashrū'ah* dan begitulah sebaliknya. Dari segi *maqāsid al-Shari'ah*, kajian ini mendapati bahawa penyelidikan yang lebih fokus kepada penyusunan dan pembahagian instrumen-instrumen kewangan Islam berdasarkan kategori dan hirarki *maqāsid* yang telah dijelaskan perlu dijalankan. Ini kerana kebanyakan *hiyal* yang dilakukan adalah untuk mencapai *qaṣd al-mukallaf* tertentu yang semestinya perlu selari dengan *qaṣd al-Shāri'* berdasarkan hirarki keutamaannya. Pengamalan *hiyal* dalam penghasilan produk kewangan Islam berdasarkan parameternya penting kerana pelanggaran salah satu daripada parameter tersebut akan membawa kepada kewujudan *mafsadah* atau *maṣlahah marjuhah* ke atas mana-mana pihak yang berkontrak. Apa yang lebih penting ialah kefahaman bahawa semua parameter yang dicadangkan dalam kertas ini mempunyai asas dan sandarannya dalam *nass Syarak* samada al-Qur'an atau al-Sunnah. Justeru itu, ia bertepatan dengan prinsip ideal dalam perbahasan hukum Syarak iaitu *al-jam' bayn al-nusus al-juzi'yyah wa al-maqāsid al-kulliyah* yang boleh menjamin *maṣlahah* pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi kewangan berasaskan *hiyal*.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Majīd al-Sūsūwwah, (2007). *Mabāhith fī al-Maqāṣid wa al-Ijtihād wa al-Ta’arūḍ wa al-Tarjīh*. UAE: Jāmi‘ah al-Shāriqah.
- ‘Abdullah Muhammad Amin, (1995). *Maqāṣid al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*. Al-Khartum: Markaz al-Qawmi li al-Intāj al-‘Ilamī.
- Abu al-Walīd al-Bājī, (2000). *Al-Ishārāt fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Abu Zahrah, (1997). *Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Al-Bahuti, (1402H). *Kashhāf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Dardīr, (t.t). *Al-Sharḥ al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Duraynī, (1967). *Nazariyyah al-Ta’assuf fī Isti’māl al-Haq fī al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Fayyūmī, (t.t). *Al-Miṣbāḥ al-Munīr*, Beirut: Al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ghazzālī, (t.t). *Al-Mustaṣfā fī ‘Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Haythamī, *Al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā*. (Al-Maktabah al-Shāmilah Edisi 3)
- Al-Jizānī, (1996). *Ma‘ālim Uṣūl al-Fiqh*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Jurjānī, (1405H). *Al-Ta’rīfāt*. Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Al-Kasani (1982), *Bada’i al-Sana’i fī Tartīb al-Syaraki*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Al-Khaṣṣāf, (1314H). *Fī Al-Ḥiyal*. Kaherah.
- Al-Āmidī, (2003). *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Qarāfī, *Al-Furūq*, Beirut: Ālam al-Kutub.
- Al-Qazwīnī, (1924). *Kitāb al-Ḥiyal fī al-Fiqh*. Diterbitkan oleh Joseph Schact.
- Al-Qurṭubī, *Al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*. (al-Maktabah al-Shāmilah, Edisi 3).
- Al-Sarakhsi, (2000). *Al-Mabsūt*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Shaybānī, (1930). *Al-Makhārij fī al-Ḥiyal*. Baghdad: Maktabah al-Muthannā.
- Al-Shāṭibī, (1999). *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Tasūlī, *Al-Bahjah fī Sharḥ al-Tuḥfah*. (Al-Maktabah al-Shāmilah Edisi 3).



## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

- Al-Zarkasyī, (1992). *Al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Ghardaḡah: Dār al-Ṣafwah.
- Al-Zarkasyī, *Al-Manthūr Fī al-Qawā'id*. Kuwait: Wizāratul Awqāf.
- Al-Zayla'ī, (1313H). *Tabyīn al-Ḥaqā'iq*. Kaḡerah: Dār al-Kutub al-Islāmī.
- Hasan Ahmad dan Khalifah Babakr, (1998). *Al-Maqāṣid al-Shar'iyyah wa al-Qawā'id al-Shar'iyyah*. Al-Azhar: Dār al-Ṭibā'ah al-Muḡammadīyyah.
- Ibn 'Āshūr, (1998). *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Al-Baṣā'ir.
- Ibn Kathīr, (1999). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Dār al-Ṭayyibah.
- Ibn Manzūr, (t.t.). *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār Ṣādir,
- Ibn Nujaym, (1983). *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*, Damsyik: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Qayyim, (1993). *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Ālamīn*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah, (1405H). *Al-Mughni*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Qudāmah, (1399H). *Rawḡah Al-Nāzir*. Riyadh: Jamiah al-Imam Muhammad bin Saud.
- Ibn Taymiyyah, (1987). *Al-Fatāwā al-Kubrā*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, (1994). *Al-Qawā'id al-Nūrāniyyah al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Koutoub Moutapha Sano, (2000). *Al-Istithmār: Aḡkāmuhū wa Ḍawābiṭuhū fī al-Fiqh al-Islāmī*, 'Ammān: Dār al-Nafā'is.
- Koutoub Mustapha Sano, (2000). *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Maḡmūd 'Abd al-Raḡīm al-Dīb, (2008). *Al-Ḥiyal fī al-Qānūn al-Madanī*, Kaḡerah: Dār al-Jāmi'ah.
- Mohamad Akram Laldin, (2006). The Shari'ah Objectives of Financial Contracts and Islamic Banking. *International Conference on Islamic Jurisprudence and The Challenges of the 21<sup>st</sup> Century*, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 8-10 Ogos 2006.
- Muhammad 'Ulaysh, (1989). *Minaḡ al-Jalīl Sharḡ Mukhtaṣar Sayyid Khalīl*. Beirut: Dār al-Fikr.

- Muḥammad Ibrāhīm, (2009). *Al-Ḥiyal al-Fiḥiyyah fī al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah*. Tunisia: Dār Suḥnūn.
- Nu‘mān Jughaym, (2002). *Ṭuruq al-Kashf ‘an Maqāṣid al-Shāri‘*, ‘Ammān: Dār al-Nafā’is.
- Ṣāliḥ Ismā‘il, (2005). *Al-Ḥiyal al-Fiḥiyyah: Dawābiṭuhā wa Taṭbīqātuhā ‘alā al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Rushd.
- Saiful Azhar Rosly, (2007). *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets*. Kuala Lumpur: Dinamas.
- Shafiq ur Rahman, (2010). Islamic Banking Based on Ḥilāh: Some Perspective, *Journal of Islamic Banking and Finance*. Januari-Mac, 90-107.
- Wahbah al-Zuḥaylī, (2007). *Uṣūl al-Fiḥ al-Islāmī*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Yūsuf Ḥamīd al-‘Ālim, (1991). *Al-Maqāṣid al-‘Āmmah li al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. USA: Al-Ma‘had al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islāmī.
- Zakaria al-Anṣārī, (1411H). *Al-Hudūd al-Anīqah wa al-Ta‘rīfāt al-Daqīqah*. Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir.



**Appendix A: Jadual Aplikasi Parameter *Hiyal***

a) Subjek (Produk/Kontrak/Syarat)	b) Indikasi <i>Hiyal</i>			c) Parameter				d) Keputusan	
	1	2	3	1	2	3	4	1) <i>Mashrū'</i>	2) Batasan Waktu
1) Syarat bayaran sewa secara <i>bullet</i> di awal atau di akhir tempoh sewaan	√	X	X					Ya	Tiada
2) <i>Factor in</i> semua perbelanjaan pemberi sewa dalam kadar sewaan	√	X	X					Ya	Tiada

**Panduan Penggunaan Jadual Aplikasi Parameter *Hiyal***

- a) Subjek: Subjek untuk dianalisa boleh berbentuk syarat, akad dan sesuatu produk secara keseluruhan.
- b) Indikasi *Hiyal*:
  1. Sesuatu perkara yang dilakukan di luar kebiasaan, tetapi masih di dalam ruang lingkup syarat dan rukun sesuatu kontrak.
  2. Apabila dimasukkan ke dalam barang pertukaran sesuatu yang tidak diperlukan atau dimaksudkan oleh pihak-pihak yang berkontrak.
  3. Apabila dimasukkan ke dalam sesuatu kontrak, akad-akad lain atau syarat-syarat yang tidak diperlukan atau dimaksudkan.

Jawab (√) jika subjek mempunyai indikasi yang disebut atau (X) jika sebaliknya. Sesuatu subjek mungkin mempunyai lebih daripada satu indikasi.

## MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

### c) Parameter:

1. Penggunaan *hiyal* hendaklah selari dengan *qasd al-Shari'* berdasarkan kepada hirarki keutamaannya.
2. *Qasd al-Mukallaf* dalam penggunaan *hiyal* hendaklah seiring dengan *qasd al-Shari'* tanpa sebarang percanggahan.
3. *Wasā'il* yang digunakan untuk melakukan *hiyal* tidak boleh menyebabkan terbatalnya *qasd al-Shāri'*.
4. *Maslahah* yang hendak dicapai melalui penggunaan *hiyal* hendaklah *maslahah* yang *mu'tabarah* dan *rajihah*.  
Jawab (√), (X) atau (?) jika tidak pasti.

### d) Keputusan:

1. Jika semua parameter membawa simbol (√) maka ianya adalah *hiyal mashrū'ah*, dan jika salah satu parameter membawa simbol (X), maka *hiyal* tersebut adalah di dalam kategori yang tidak dibenarkan.
2. Jika jawapan bagi indikasi *hiyal* adalah (√)(X)(X), maka *hiyal* tersebut boleh diamalkan tanpa batasan waktu, dan jika ianya datang dalam kombinasi yang lain, maka penggunaan *hiyal* mempunyai batas waktu tertentu. Alternatif hendaklah diusahakan secepat mungkin.

**Appendix B: Contoh-contoh *Ḥiyal* dalam perbendaharaan *fiqh***

No	Rujukan	Nas asal	Terjemahan	Ulasan
<b>Mazhab Ḥanafī</b>				
1	<p><i>Al-Mabsūṭ</i></p> <p>Pengarang: al-Sarakhsiy, Syamsu al-Dīn.</p> <p>Terbitan: Dār al-Ma‘rifah, Beirut, Lubnan.</p> <p>Cetakan: Tahun 1989.</p>	<p>رَجُلٌ اسْتَأْجَرَ مِنْ رَجُلٍ دَارًا سِنِينَ مَعْلُومَةً فَخَافَ الْمُسْتَأْجِرُ أَنْ يَغْدِرَ بِهِ رَبُّ الدَّارِ فَلَيْسَمَّ لِكُلِّ سَنَةٍ مِنْ هَذِهِ السِّنِينَ أَجْرًا أَوْ يَجْعَلَ لِلْسَّنَةِ الْأَخِيرَةِ أَجْرًا كَثِيرًا</p>	<p>Di dalam ‘aqad (kontrak) sewaan, kadang-kadang ada individu ingin menyewa satu-satu premis dalam tempoh tertentu, contohnya selama lima tahun. Jika kontrak sewaan ditamatkan oleh pihak pemberi sewa dengan alasan-alasan tertentu sebelum sampai tempoh tersebut, ia akan menimbulkan kesulitan kepada penyewa.</p> <p>Sebagai penyelesaian, penyewa membuat hilah dengan meletakkan syarat bahawa kadar sewaan untuk beberapa tahun pertama lebih rendah, dan kadar sewaan untuk tahun terakhir lebih tinggi.</p> <p>Maka jika berlaku sesuatu terhadap pemberi sewa yang mendorongnya untuk menamatkan kontrak sewaan</p>	<p>a) Bab: Ijārah b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Tidak c) Masa berlaku: Sebelum aqad d) <i>Maṣlahah</i>: Untuk menjaga kepentingan pemberi sewa atau penyewa e) Membatalkan <i>maqāsid</i>: Tidak f) Ulasan lain: Perkara ini lebih kepada strategi penyewa/pemberi sewa untuk menjaga masalah masing-masing dan bukannya hilah untuk menghalalkan yang haram dan seumpamanya.</p>

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

			<p>sebelum tamat tempoh perjanjian, hilah di atas dapat menghalangnya menamatkan kontrak sewaan, kerana dia hanya mendapat keuntungan minima dari kontrak sewaan tersebut, iaitu sewaan kadar rendah.</p> <p>Tetapi jika pemberi sewa tetap berkeras menamatkan kontrak sewaan, penyewa juga dapat meminimakan kerugian dengan bayaran sewa yang rendah untuk tahun-tahun pertama.</p>	
2	<p><i>Al-Durr al-Mukhtār</i></p> <p>Pengarang: al-Ḥaṣḥāfiy, ‘Alā’ al-Dīn.</p> <p>Terbitan: Cetakan: Tahun 1989.</p>	<p>(وإن قسم الربح وفسخت المضاربة) والمال في يد المضارب (ثم عقداها فهلك المال لم يترادا وبقيت المضاربة) لانه عقد جديد (وهي الحيلة النافعة للمضارب)</p>	<p>Antara konsep asas di dalam Mudharabah, jika perniagaan yang dijalankan oleh pengusaha menghasilkan keuntungan, kemudian kontrak mudharabah ditamatkan, maka keseluruhan modal dikembalikan kepada pelabur (pemilik aset), dan keuntungan dibahagikan mengikut peratusan yang disepakati.</p>	<p>a) Bab: Muḍārabah b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Tidak. c) Masa berlaku: Selepas. d) <i>Maṣlaḥah</i>: Memberi faedah kepada pengusaha. e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>: Tidak. f) Ulasan lain:</p>

<p>Muka surat: 5/220</p>		<p>Jika terhasil keuntungan dari pelaburan, kemudian ia dibahagikan antara pengusaha dan pelabur sebelum tamat kontrak mudharabah, kemudian berlaku kerugian dalam perniagaan, maka seluruh keuntungan yang telah dibahagikan hendaklah dikembalikan kepada modal. Jika ada lebih, barulah ia dibahagikan balik antara mereka. Jika tidak ada lebih, kedua-dua mereka tidak mendapat apa-apa keuntungan.</p> <p>Di dalam kes ini, terdapat hilah yang boleh memberi faedah kepada pengusaha. Iaitu, selepas keuntungan dibahagikan antara pelabur dan pengusaha, pengusaha bertindak menamatkan kontrak mudharabah, kemudian membuat kontrak mudharabah kedua.</p> <p>Dengan cara ini, apabila berlaku sebarang kerugian selepas itu, keuntungan yang sudah dibahagikan tidak lagi dikembalikan untuk menampung kerugian. Kerana</p>	
------------------------------	--	--	--



MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

			kerugian tersebut terjadi dalam kontrak yang berasingan daripada yang pertama.	
3	<p><i>Tabyīn al-Ḥaqā'iq</i></p> <p>Pengarang: Al-Zayla'i, Fakhru al-Dīn Uthman bin Ali.</p> <p>Terbitan:</p> <p>Cetakan:</p> <p>Muka surat:</p>	<p>وَحِيلَةٌ أُخْرَى ذَكَرَهَا الْخَصَّافُ فِي كِتَابِ الْحَيْلِ وَقَالَ قُلْتُ أَرَأَيْتَ رَجُلًا أَرَادَ أَنْ يَدْفَعَ إِلَى رَجُلٍ مُضَارَبَةً وَلَيْسَ عِنْدَهُ إِلَّا مَتَاعٌ كَيْفَ يَصْنَعُ قَالَ يَبِيعُ الْمَتَاعَ مِنْ رَجُلٍ يَثِقُ بِهِ وَيَقْبِضُ الْمَالَ فَيَدْفَعُهُ إِلَى الْمُضَارِبِ مُضَارَبَةً ثُمَّ يَشْتَرِي الْمُضَارِبُ هَذَا الْمَتَاعَ مِنَ الرَّجُلِ الَّذِي ابْتَاعَهُ مِنْ صَاحِبِهِ</p>	<p>Antara syarat dalam kontrak mudharabah, aset yang dijadikan modal pelaburan hendaklah terdiri daripada emas atau perak, ataupun matawang. Tidak sah mudharabah dengan menjadikan barangan sebagai modal pelaburan. Ini adalah pandangan majoriti fuqaha.</p> <p>Syarat ini menyukarkan individu yang hanya memiliki barangan dan tidak memiliki emas atau perak, ataupun matawang untuk dijadikan modal pelaburan.</p> <p>Terdapat hilah bagi menyelesaikan kesukaran ini. Iaitu dengan cara dia menjual barangannya kepada seseorang individu lain yang mempercayainya. Wang hasil jualan itu diserahkan kepada pengusaha dalam kontrak mudharabah.</p>	<p>a) Bab: Muḍārabah  b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu memasukkan aqad jual beli dengan orang ketiga.  c) Masa berlaku: Sebelum.  d) <i>Maṣlaḥah</i>:  e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>:  f) Ulasan lain:</p>

			<p>Kemudian, pengusaha tersebut membeli balik barangan yang dibeli oleh lelaki tadi.</p> <p>Hilah lain bagi menyelesaikan konflik di atas, ialah dengan cara pemilik barangan menyerahkan barangannya kepada pengusaha, dengan mewakilkannya supaya menjual barangan tersebut, dan menjadikan wang hasil jualannya sebagai modal pelaburan.</p>	
4	<p><i>Tabyīn al-Ḥaqā'iq</i></p> <p>Pengarang: Al-Zayla'i, Fakhru al-Dīn Uthman bin Ali.</p> <p>Terbitan:</p> <p>Cetakan:</p>	<p>لَمَّا كَانَ جَوَازُ عَقْدِ الشَّرِكَةِ مُنْحَصِرًا فِي الدَّرَاهِمِ وَالذَّنَانِيرِ وَالْفُلُوسِ النَّافِقَةِ وَفِي ذَلِكَ تَضْيِيقٌ عَلَى النَّاسِ ذَكَرَ الْحَيْلَةَ فِي تَجْوِيزِ الْعَقْدِ بِالْعُرُوضِ تَوْسِيعَةً عَلَى النَّاسِ فَقَالَ ( وَإِذَا أَرَادَ الشَّرِكَةَ بِالْعُرُوضِ بَاعَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا نِصْفَ مَالِهِ بِنِصْفِ مَا لِلآخَرِ ثُمَّ عَقَدَا الشَّرِكَةَ ) لِأَنَّهُ إِذَا بَاعَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا نِصْفَ مَالِهِ بِنِصْفِ مَا</p>	<p>Di dalam kontrak syarikat, harta yang boleh dijadikan modal syarikat ialah wang emas atau perak, ataupun matawang. Syarat ini menyukarkan sebahagian mereka yang hanya mempunyai barangan dan tidak mempunyai matawang ataupun wang emas dan perak.</p> <p>Terdapat hilah yang boleh menyelesaikan permasalahan ini, iaitu dua individu yang ingin membuat kontrak syarikat pada aset berbentuk</p>	<p>a) Bab: Syarikat  b) <i>Dābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu memasukkan aqad jual beli antara mereka berdua sebelum dilakukan kontrak syarikat.  c) Masa berlaku: Sebelum.  d) <i>Maṣlahah</i>: Membolehkan dimeterai kontrak syarikat bagi individu yang hanya memiliki barangan.  e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>:  f) Ulasan lain:</p>

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

	<p>Muka surat:</p>	<p>لِلْآخِرِ صَارَ نِصْفُ مَالِ كُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مَضمُونًا عَلَى الْآخِرِ بِالْثَمَنِ فَكَانَ الرَّبْحُ الْحَاصِلُ رِبْحَ مَالِ مَضمُونٍ فَيَكُونُ الْعَقْدُ صَحِيحًا</p>	<p>barangan hendaklah masing-masing menjual sebahagian asetnya kepada rakan kongsinya dengan menjadikan sebahagian aset rakan kongsinya sebagai harga pertukaran.</p> <p>Dengan ini, setiap aset (barangan) mereka berdua terbahagi antara mereka, dan ini dinamakan sebagai syarikat al-milk (syarikat milikan). Selepas itu, barulah mereka menjalankan transaksi kontrak syarikat antara mereka.</p> <p>Bermakna sebahagian aset setiap mereka terjamin oleh rakan kongsi masing-masing dengan harga tersebut.</p> <p>Maka keuntungan yang diperolehi adalah keuntungan harta yang dijamin, dan ini menjadikan kontrak syarikat mereka sah.</p>	
5	<p><i>Al-Durr al-Mukhtār</i> Pengarang: al-</p>	<p>(دفع أرضا بيضاء مدة معلومة ليغرس وتكون الارض والشجر بينهما لا تصح) لاشترط</p>	<p>Jika seorang pemilik tanah menyerahkan tanahnya kepada pengusaha untuk diusahakan dengan</p>	<p>a) Bab: Muzāra‘ah b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu memasukkan aqad jual beli. c) Masa berlaku: Sebelum aqad.</p>

<p>Haṣfakiy, ‘Alā’ al-Dīn.</p> <p>Terbitan: Cetakan: Tahun 1989.</p> <p>Muka surat: 5/600</p>	<p>الشركة بما هو موجود قبل الشركة فكان كقفيز الطحان فتنفسد (والثمر والغرس لرب الارض) تبعا لارضه (ولآخر قيمة غرسه) يوم الغرس (وأجر) مثل (عمله) وحيلة الجواز أن يبيع نصف الغراس بنصف الارض ويستأجر رب الارض العامل ثلاث سنين مثلا بشئ قليل ليعمل في نصيبه.</p>	<p>tanaman, dengan perjanjian bahawa tanah dan hasilnya nanti dibahagikan antara mereka berdua, kontrak ini tidak sah.</p> <p>Apabila terjadi kontrak seperti ini, hasil buahan dan tanaman menjadi hak pemilik tanah, dan pemilik tanah hendaklah memberikan kepada pengusaha gantirugi nilai bahan tanaman mengikut harga sewaktu ia mengusahakannya. Pengusaha juga berhak mendapat upah mithliyy (bersesuaian) atas pekerjaannya.</p> <p>Hilah bagi mengesahkan kontrak seperti ini ialah dengan cara pengusaha menjual separuh bahan tanamannya dengan pertukaran separuh tanah tersebut. Ini bermakna separuh tanah menjadi milik pengusaha dan separuh lagi menjadi milik pemilik asal.</p> <p>Begitu juga separuh bahan tanaman menjadi hak pemilik tanah, dan separuh lagi menjadi hak pengusaha.</p>	<p>d) <i>Maṣlahah</i>: Memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak.</p> <p>e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>:</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
---	--	--	--

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

			<p>Kemudian pemilik tanah mengupah pengusaha selama tempoh tertentu untuk mengusahakan bahagiannya dengan bayaran yang sedikit.</p> <p>Maka apabila hasil dituai, ia dibahagikan antara mereka, sebagaimana tanah juga adalah hak mereka berdua.</p>	
6	<p><i>Al-Mabsūt</i></p> <p>Pengarang: al-Sarakhsiy, Syamsu al-Dīn.</p> <p>Terbitan: Dār al-Ma‘rifah, Beirut, Lubnan.</p> <p>Cetakan: Tahun 1989.</p> <p>Muka surat:</p>	<p>وَكَذَلِكَ لَوْ اسْتَأْجَرَ بَيْرًا لَيْسَتْقِي مِنْهَا غَنَمَهُ ، وَإِنْ أَرَادَ الْحَيْلَةَ فِي ذَلِكَ فَالْوَجْهُ أَنْ يُؤَاجِرَهُ مِنْ حَرِيمِ النَّهْرِ وَالْبَيْرِ مَوْضِعًا مَعْلُومًا لِيَكُونَ عَطْنَا لِمَوَاشِيهِ وَيُبِيحُ لَهُ سَقْيَ الْمَوَاشِي مِنَ الْبَيْرِ</p>	<p>Jika seorang individu menyewa sebuah perigi untuk memberi minum kepada haiwan ternakannya, kontrak sewaan tersebut tidak sah.</p> <p>Kerana objektik sewaannya adalah untuk mendapatkan air, sedangkan ia tidak boleh bertukar milik melalui kontrak sewaan.</p> <p>Hilah untuk penyelesaian kes ini ialah dengan cara pemilik haiwan tersebut menyewa suatu tempat tertentu berhampiran perigi tersebut, untuk dijadikan sebagai tempat rehat haiwan ternakannya. Kemudian, pemilik perigi</p>	<p>a) Bab: Ijārah b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu memasukkan aqad sewaan terhadap suatu yang bukan tujuannya. c) Masa berlaku: Sebelum aqad. d) <i>Maṣlahah</i>: Kedua-dua pihak (penyewa dan pemberi sewa) memperoleh faedah. Penyewa dapat menyediakan air untuk haiwannya, dan pemberi sewa dapat untung dari kontrak sewaannya. e) Membatalkan <i>maqāsid</i>: Tidak. f) Ulasan lain:</p>

			membenarkan pemilik haiwan mengambil air untuk diberikan kepada haiwan ternakannya.	
7	<p><i>Al-Mabsūt</i></p> <p>Pengarang: al-Sarakhsiy, Syamsu al-Dīn.</p> <p>Terbitan: Dār al-Ma‘rifah, Beirut, Lubnan.</p> <p>Cetakan: Tahun 1989.</p> <p>Muka surat:</p>	<p>إِجَارَةُ الْمَرْعَى لَا تَجُوزُ وَالْحَيْلَةُ فِيهِ أَنْ يُؤَاجِرَهُ مَوْضِعًا مَعْلُومًا لِيَضْرِبَ فِيهِ خَيْمَةً فَيَسْكُنَ وَيُبِيحَ لَهُ الْإِنْتِفَاعَ بِالْمَرْعَى</p>	<p>Jika seorang penggembala menyewa sebidang padang ragut untuk haiwan ternakannya, kontrak sewaan tersebut tidak sah.</p> <p>Hilah bagi mengesahkannya ialah penggembala tersebut membuat kontrak sewaan dengan pemilik padang ragut terhadap satu tempat tertentu di padang ragut dengan mendirikan khemah dan menetap di situ. Dengan itu, pemilik padang ragut memberi kebenaran untuk melepaskan haiwan ternakannya di padang ragut tersebut.</p>	<p>a) Bab: Ijārah</p> <p>b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu memasukkan aqad sewaan terhadap suatu yang bukan tujuannya.</p> <p>c) Masa berlaku: Sebelum aqad.</p> <p>d) <i>Maṣlahah</i>: Kedua-dua pihak (penyewa dan pemberi sewa) memperoleh faedah. Penyewa dapat menyediakan padang ragut untuk haiwannya, dan pemberi sewa dapat untung dari kontrak sewaan.</p> <p>e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>: Tidak.</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
8	<p><i>Al-Mabsūt</i></p> <p>Pengarang: al-Sarakhsiy, Syamsu al-Dīn.</p>	<p>وَإِذَا اكْتَرَى الرَّجُلُ إِبِلًا لِمَتَاعٍ لَهُ إِلَى مِصْرَ بِمِائَةِ دِينَارٍ ، فَإِنْ قَصَرَ عَنْهَا إِلَى الرَّمْلَةِ فَالْكَرَاءُ سَبْعُونَ دِينَارًا فَإِنْ قَصَرَ عَنِ الرَّمْلَةِ إِلَى أَدْرَعَاتٍ</p>	<p>Jika seseorang individu menyewa kenderaan untuk membawa barangannya ke destinasi (A) dengan bayaran upah 100 dinar, dengan meletakkan syarat bahawa jika dia</p>	<p>a) Bab: Ijārah</p> <p>b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Tidak.</p> <p>c) Masa berlaku: Sebelum aqad.</p> <p>d) <i>Maṣlahah</i>: Ia memberi faedah kepada individu penyewa.</p> <p>e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>: Tidak.</p>

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

<p>Terbitan: Dār al-Ma‘rifah, Beirut, Lubnan.</p> <p>Cetakan: Tahun 1989.</p> <p>Muka surat:</p>	<p>فَالْكَرَاءُ سِتُونَ دِينَارًا فَالْإِجَارَةُ فَاسِدَةٌ عَلَى هَذَا الشَّرْطِ لِجَهَالَةِ مِقْدَارِ الْمَعْقُودِ عَلَيْهِ....</p> <p>وَالْحِيلَةُ لَهُمَا فِي ذَلِكَ حَتَّى لَا يَفْسُدَ أَنْ يَسْتَأْجِرَهَا إِلَى أَذْرَعَاتِ بِخَمْسِينَ دِينَارًا ، وَيَسْتَأْجِرَ مِنْ أَذْرَعَاتِ إِلَى الرَّمْلَةِ بَعِشْرِينَ دِينَارًا ، وَيَسْتَأْجِرَ مِنَ الرَّمْلَةِ إِلَى مِصْرَ بَثَلَاثِينَ دِينَارًا ، فَإِذَا بَلَغَ أَذْرَعَاتَ ، فَإِنْ أَرَادَ صَاحِبُ الْمَتَاعِ أَنْ لَا يَذْهَبَ إِلَى الرَّمْلَةِ كَانَ ذَلِكَ عُذْرًا لَهُ فِي فسخِ الْعَقْدِ الثَّانِي وَالثَّلَاثِ ، وَإِنْ أَرَادَ أَنْ يَحْمِلَهُ إِلَى الرَّمْلَةِ فَلَيْسَ لِصَاحِبِ الْإِبِلِ أَنْ يَمْتَنِعَ ، وَكَذَلِكَ مِنَ الرَّمْلَةِ إِلَى مِصْرَ</p>	<p>memendekkan perjalanan hanya ke destinasi (B) sahaja, maka upahnya berkurang kepada 70 dinar, dan jika dia memendekkan perjalanan hanya ke destinasi (C), maka upahnya berkurang lagi kepada 50 dinar, kontrak sewaan ini tidak sah.</p> <p>Kerana, dia dalam kontrak ini berlaku kejahilan tentang kadar perkara yang disewa, dan juga nilai sewaan.</p> <p>Hilah bagi membolehkannya, ialah dengan membuat tiga kontrak sewaan yang berasingan. Kontrak pertama ialah perjalanan ke destinasi terdekat (C) dengan upah sebanyak 50 dinar. Kontrak kedua ialah perjalanan dari (C) ke destinasi (B) dengan upah 20 dinar. Dan kontrak ketiga ialah perjalanan dari (B) ke destinasi (A) dengan upah 30 dinar.</p> <p>Jadi, apabila perjalanan sudah sampai ke destinasi terdekat (C), jika penyewa tidak mahu meneruskan perjalanannya, dia berhak membatalkan kontrak kedua dan ketiga. Tetapi jika dia mahu</p>	<p>Kerana tidak ada unsur gharar dan jahālah dalam hilah ini.</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
--	--	---	--

			meneruskan perjalanan ke destinasi (B) pemilik kenderaan tidak boleh menyekatnya.	
9	<p><i>Tabyīn al-Ḥaqā'iq</i></p> <p>Pengarang: Al-Zayla'i, Fakhru al-Dīn Uthman bin Ali.</p> <p>Terbitan:</p> <p>Cetakan:</p> <p>Muka surat:</p>	<p>وَالْحَيْلَةُ فِي صِحَّةِ تَأْجِيلِ الْقَرْضِ أَنْ يُجِيلَ الْمُسْتَقْرِضُ الْمُقْرِضَ عَلَى آخِرِ بَدِينِهِ وَيُؤَجِّلُ الْمُقْرِضُ ذَلِكَ الرَّجُلَ مُدَّةً مَعْلُومَةً فَإِنَّهُ يَصِحُّ</p>	<p>Pinjaman kewangan (Qarḍ) termasuk dalam aqad ihsan dan irfāq. Aqad ini tidak dibatasi dengan tempoh masa tertentu, berlainan dengan hutang (dayn) yang boleh ditetapkan tempoh seperti setahun atau sebulan.</p> <p>Jika diletakkan tempoh dalam pinjaman kewangan, pemberi pinjaman tidak wajib menepatinya, malah boleh minta dijelaskan segera.</p> <p>Hilah bagi membolehkan ditetapkan tempoh tertentu dalam pinjaman kewangan ialah dengan cara peminjam membuat hiwālah (pindah hutang) terhadap pinjamannya kepada orang ketiga yang mempunyai hutang dengan peminjam tersebut. Lalu pemberi pinjam meletakkan tempoh tertentu kepada lelaki tersebut. Maka ia dikira sah.</p>	<p>a) Bab: Qarḍ</p> <p>b) <i>Dābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu memasukkan aqad hiwālah.</p> <p>c) Masa berlaku: Selepas aqad.</p> <p>d) <i>Maṣlahah</i>: Ia memberi faedah kepada peminjam terutama yang berstatus mu'sir..</p> <p>e) Membatalkan <i>maqāsid</i>: Tidak. Malah penetapan tempoh bertepatan dengan objektif syariah yang memberi kemudahan kepada mereka yang kesempitan.</p> <p>f) Ulasan lain:</p>



MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

10	<p><i>Al-Mabsūt</i></p> <p>Pengarang: al-Sarakhsiy, Syamsu al-Dīn.</p> <p>Terbitan: Dār al-Ma‘rifah, Beirut, Lubnan.</p> <p>Cetakan: Tahun 1989.</p> <p>Muka surat: 30/238</p>	<p>وَلَوْ أَنَّ رَجُلًا أَرَادَ أَنْ يَدْفَعَ مَالًا مُضَارَبَةً إِلَى رَجُلٍ وَأَرَادَ أَنْ يَكُونَ الْمُضَارِبُ ضَامِنًا لَهُ فَالْحِيلَةُ فِي ذَلِكَ أَنْ يُقْرِضَهُ رَبُّ الْمَالِ الْمَالَ إِلَّا دِرْهَمًا ثُمَّ يُشَارِكُهُ بِذَلِكَ الدَّرْهَمِ فِيمَا أَقْرَضَهُ عَلَى أَنْ يَعْمَلَا فَمَا رَزَقَهُمَا اللَّهُ تَعَالَى فِي ذَلِكَ مِنْ شَيْءٍ ، فَهُوَ بَيْنَهُمَا عَلَى كَذَا</p>	<p>Di dalam kontrak muḍārabah, pengusaha tidak dikenakan jaminan terhadap modal yang dikeluarkan oleh pelabur.</p> <p>Hilah pelabur supaya modalnya terjamin oleh pengusaha ialah dengan cara pelabur memberikan modalnya kepada pengusaha secara pinjaman (qarḍ), kecuali satu dirham (atau satu nilai yang sangat kecil). Kemudian pelabur membuat kontrak syarikat dengan pengusaha pada wang satu dirham tersebut dengan wang modal yang ada dengan pengusaha, dengan perjanjian bahawa keuntungan yang diperolehi oleh mereka berdua dibahagikan antara mereka.</p>	<p>a) Bab: Muḍārabah  b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu memasukkan aqad qarḍ.  c) Masa berlaku: Sebelum aqad.  d) <i>Maṣlahah</i>: Memberi faedah kepada pihak pelabur.  e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>: Ya, ia membatalkan satu kaedah asas dalam bab ini, iaitu pengusaha tidak dibebankan dengan jaminan terhadap modal. Ini memberi kemudahan kepada pengusaha.  f) Ulasan lain:</p>
<b>Mazhab Maliki</b>				
11	<p><i>Al-Muwāfaqāt</i></p> <p>Pengarang: Al-Syāṭibi, Ibrahim bin Musa.</p> <p>Terbitan: Dar al-</p>	<p>ومن ذلك مسائل يبيع الآجال فإن فيها التحيل إلى بيع درهم نقدا بدرهمين إلى أجل لكن بعقدين كل واحد منهما مقصود في نفسه</p>	<p>Permasalahan Buyū‘ al-Ājāl, ataupun jual beli tangguh. Di dalam mazhab Maliki, terdapat beberapa jenis bentuk Buyū‘ al-Ājāl, dan salah satunya ialah yang dikenali sebagai Bay al-‘Īnah.</p>	<p>a) Bab: Jual beli  b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu menambah satu aqad lain.  c) Masa berlaku: Sebelum.  d) <i>Maṣlahah</i>: Memberi faedah kepada kedua-dua pihak.  e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>:</p>

	<p>Ma'rifah, Beirut.</p> <p>Muka surat: 2/389</p>		<p>Ia mengandungi hilah jual beli satu dirham secara tunai dengan dua dirham secara tangguh hingga ke tempoh tertentu. Tetapi dengan dua aqad. Jika kedua-dua aqad itu dilakukan secara qasad, maka ia dibolehkan.</p>	<p>f) Ulasan lain:</p>
<b>Mazhab Syafie</b>				
<p>12</p>	<p><i>Mughni al-Muhtāj</i></p> <p>Pengarang: Al-Syarbīni, Syamsu al-Dīn Muhammad bin al-Khaṭīb.</p> <p>Terbitan: Dār al-Ma'rifah, Beirut, Lubnan.</p> <p>Cetakan: Pertama, 1997.</p>	<p>الحيلة في بيع الربويِّ بجنسه متفاضلاً... يُقْرَضُ كُلُّ صَاحِبِهِ وَيُبْرَثُهُ أَوْ يَتَوَاهَبَا الْفَاضِلَ لِصَاحِبِهِ ، وَهَذَا جَائِزٌ إِذَا لَمْ يُشْتَرَطْ فِي بَيْعِهِ وَإِقْرَاضِهِ وَهَبْتَهُ مَا يَفْعَلُهُ صَاحِبُهُ</p>	<p>Di dalam pertukaran item ribawi yang sama jenis (contohnya emas dengan emas, atau perak dengan perak), syaratnya mestilah sama nilai, dan penyerahan dilakukan di dalam majlis.</p> <p>Hilah bagi membolehkan pertukaran dua item ribawi yang sama jenis, contohnya dinar dengan dinar tanpa persamaan nilai ialah dengan beberapa cara:</p> <p>Pertama: Dua orang yang ingin membuat pertukaran memberi dinarnya kepada yang lain secara pinjaman (qard), kemudian setiap mereka menggugurkan pinjaman</p>	<p>g) Bab: Riba h) <i>Dābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Tidak. i) Masa berlaku: Selepas. j) <i>Maṣlaḥah</i>: k) Membatalkan <i>maqāṣid</i>: l) Ulasan lain: Akad tersebut bukan hilah untuk membuat jual beli dua item ribawi yang tidak bersamaan nilai. Tetapi ia adalah hilah untuk memberi pemilikan item ribawi untuk mendapatkan item ribawi lain yang tidak bersamaan nilai. Di dalam mazhab Hanbali, hilah ini adalah haram dan tercela.</p>

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

	<p>Muka surat: 2/34</p>		<p>masing-masing (memberi rebat keseluruhan).</p> <p>Kedua: Dua orang yang ingin membuat pertukaran dinar dengan dinar yang tidak bersamaan nilai membuat transaksi pertukaran dengan cara individu yang mempunyai nilai yang lebih memberikan lebihannya secara hibah kepada individu kedua.</p>	
<p>13</p>	<p><i>Mughni al-Muhtāj</i>  Pengarang: Al-Syarbīni, Syamsu al-Dīn Muhammad bin al-Khaṭīb.  Terbitan: Dār al-Maʿrifah, Beirut, Lubnan.  Cetakan: Pertama, 1997.</p>	<p>( وَكَوْا اشْتَرَى بِجُزْأَيْهِ ) بِتَثْلِيثِ جَيْمِهِ كَمَا مَرَّ فِي بَابِ الرَّبَا نَقْدًا كَانَ أَوْ غَيْرَهُ كَمَدْرُوعٍ مَكِيلٍ ( وَتَلَفَ ) الثَّمَنُ قَبْلَ الْعِلْمِ بِقَدْرِهِ ( اِمْتَنَعَ الْأَخْذُ ) بِالشُّفْعَةِ لِتَعَدُّرِ الْوُقُوفِ عَلَى الثَّمَنِ وَالْأَخْذُ بِالْمَجْهُولِ غَيْرُ مُمَكِّنٍ . وَهَذَا مِنَ الْحَيْلِ الْمُسْقِطَةِ لِلشُّفْعَةِ .</p>	<p>Di dalam bab Syuf'ah, contohnya (A) dan (B) mempunyai milikan bersama terhadap satu hartanah, lalu (A) menjual bahagiannya kepada (C), maka (B) boleh mengambil balik bahagian tersebut melalui kaedah syuf'ah.</p> <p>Antara hilah bagi menghalang (B) melakukan syuf'ah terhadap bahagian yang telah dijual, ialah (A) menjual bahagiannya kepada (C) dengan sekantung dirham, kemudian dirham tersebut binasa atau hilang, tanpa sempat dikira nilainya. Dalam situasi</p>	<p>a) Bab: Syuf'ah b) <i>Dābiḥ</i> Ibn Taymiyyah: Tidak. c) Masa berlaku: Sebelum atau selepas sabit Syuf'ah. d) <i>Maṣlahah</i>: Pembeli bahagian hartanah mahu menghalang berlakunya syuf'ah terhadap bahagiannya. e) Membatalkan <i>maqasid</i>: Ya, ia membatalkan maqasid pensyariatkan syuf'ah, dan memberi kemudahan kepada rakan kongsi. f) Ulasan lain: Jika hilah ini dilakukan selepas sabitnya syuf'ah, ia adalah satu perbuatan haram. Tetapi jika dilakukan sebelum sabitnya syuf'ah, ia dihukum</p>

	Muka surat: 2/389		ini, (B) tidak boleh mengambil balik milikan bahagian dengan cara syuf'ah kerana kadar harganya tidak diketahui.	makruh.
14	<i>Mughni al-Muhtāj</i>  Pengarang: Al-Syarbīni, Syamsu al-Dīn Muhammad bin al-Khaṭīb.  Terbitan: Dār al-Ma'rifah, Beirut, Lubnan.  Cetakan: Pertama, 1997.  Muka surat: 2/389	يهب له الشقص بلا ثواب ثم يهب له الآخر قدر قيمته	Antara hilah menghalang berlakunya syuf'ah, pemilik bahagian (A) memberikan bahagiannya secara hibah kepada (C), kemudian (C) memberi pula harga bahagian tersebut secara hibah kepada (A). Dengan cara ini (B) terhalang daripada melakukan syuf'ah.	a) Bab: Syuf'ah b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iatu memasukkan aqad hibah. c) Masa berlaku: Sebelum Syuf'ah. d) <i>Maṣlahah</i> : Pembeli bahagian hartanah mahu menghalang berlakunya syuf'ah terhadap bahagiannya. e) Membatalkan <i>maqasid</i> : Ya, ia membatalkan maqasid pensyariatan syuf'ah, dan memberi kemudahan kepada rakan kongsi. f) Ulasan lain: Hilah ini dilakukan sebelum sabitnya syuf'ah, maka ia dihukum makruh.
15	<i>Mughni al-Muhtāj</i>	الحيلة في الاعتياض أن يفسخا السلم ثم يعترض	Di dalam jual beli secara al-salam (tempahan), penjual tidak boleh menggantikan barangan yang ditempah	a) Bab: Al-Salam b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Tidak. c) Masa berlaku: Selepas berlaku

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

	<p>Pengarang: Al-Syarbīni, Syamsu al-Dīn Muhammad bin al-Khaṭīb.</p> <p>Terbitan: Dār al-Maʿrifah, Beirut, Lubnan.</p> <p>Cetakan: Pertama, 1997.</p> <p>Muka surat: 2/151</p>	<p>عَنْ الثَّمَنِ الَّذِي فِي ذِمَّةِ الْمُسْلِمِ إِلَيْهِ</p>	<p>dengan barangan lain, kecuali yang sama jenisnya.</p> <p>Bagi membolehkannya, terdapat hilah iaitu pembeli dan penjual membatalkan (fasakh) kontrak jual beli al-salam, kemudian penjual menggantikan bayaran harga yang telah diserahkan kepadanya dengan barangan lain.</p>	<p>aqad al-Salam.</p> <p>d) <i>Maṣlahah</i>: e) Membatalkan <i>maqasid</i>: f) Ulasan lain:</p>
<p><b>Mazhab Hanbali</b></p>				
<p>16</p>	<p><i>Kassyāf al-Qināʿ</i></p> <p>Pengarang: Al-Buhuti, Manṣur</p>	<p>( فَمِنْهَا ) أَيِ الْحَيْلِ : ( لَوْ أَقْرَضَهُ شَيْئًا وَبَاعَهُ سِلْعَةً بِأَكْثَرَ مِنْ قِيَمَتِهَا أَوْ اشْتَرَى ) الْمُقْرَضُ ) مِنْهُ ) أَيِ مِنَ الْمُقْتَرَضِ ( سِلْعَةً بِأَقَلِّ مِنْ قِيَمَتِهَا</p>	<p>Di dalam aqad pinjaman (qarḍ), tidak boleh disyaratkan pemberi pinjam mendapat sebarang faedah dari pinjaman yang diberikan.</p>	<p>a) Bab: Riba b) <i>Dābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu memasukkan aqad jual beli. c) Masa berlaku: Selepas aqad pinjaman. d) <i>Maṣlahah</i>: e) Membatalkan <i>maqasid</i>: Ya, ia</p>

	bin Yunus.	<p>تَوَسَّلًا إِلَى أَخَذِ عَوَاضٍ عَنِ الْقَرْضِ</p>	<p>Hilah bagi mendapat faedah dari pinjaman, ialah pemberi pinjam menjual sesuatu barangan kepada peminjam dengan harga yang lebih mahal dari nilai sebenarnya.</p> <p>Ataupun pemberi pinjam membeli sesuatu barangan daripada peminjam dengan harga yang lebih rendah dari nilai sebenarnya, dengan tujuan mendapatkan laba daripada pinjaman yang diberikan.</p>	<p>membatalkan maqāṣid syariah dalam pengharaman riba nasi'ah.</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
17	<p><i>Kassyāf al-Qinā'</i></p> <p>Pengarang: Al-Buhuti, Manṣur bin Yunus.</p>	<p>يَبِيعُهُ الشَّقْصَ ( بِجَوْهَرَةٍ وَنَحْوِهَا ) مِمَّا تُجْهَلُ قِيمَتُهُ لِيَمْنَعَ أَخْذَ الشَّفِيعِ بِالشُّفْعَةِ</p>	<p>Antara hilah menghalang berlakunya syuf'ah terhadap bahagian yang dibeli oleh seorang pembeli, ialah dengan cara dia membeli bahagian tersebut dengan pertukaran suatu yang tidak diketahui nilainya, seperti permata dan seumpamanya.</p> <p>Apabila tidak diketahui nilainya, maka tidak boleh diambil milik oleh rakan kongsi secara syuf'ah.</p>	<p>a) Bab: Syuf'ah  b) <i>Dābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Tidak.  c) Masa berlaku: Sebelum Syuf'ah.  d) <i>Maṣlahah</i>: Pembeli bahagian mahu menghalang berlakunya syuf'ah terhadap bahagiannya.  e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>: Ya, ia membatalkan maqāṣid pensyariatannya syuf'ah, dan memberi kemudahan kepada rakan kongsi.  f) Ulasan lain: Di dalam mazhab Hanbali, hilah seperti ini adalah haram dan tidak sah. Mazhab</p>

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

				Syafie hanya menghukumnya makruh kerana ia berlaku sebelum sabitnya hak syuf'ah.
18	<p><i>Maṭālib Ulī al-Nuhā</i></p> <p>Pengarang: Al-Ruhaibani, Mustafa bin Sa'd.</p>	<p>وَلَا يَصِحُّ شَرْطُ خِيَارٍ ( فِي عَقْدٍ ) بَيْعٍ جُعِلَ ( حِيلَةً ؛ لِیَرَبِّحَ ) فِي ثَمَنِ تَرَكَ مَنزِلَهُ ( قَرْضًا ) بِسَبَبِ الْخِيَارِ ( فَيَحْرُمُ ) نَصًّا ؛ لِأَنَّهُ يُتَوَصَّلُ بِهِ إِلَى قَرْضٍ يَجْرُ نُفْعًا</p>	<p>Jika A membeli sebuah rumah daripada B dengan harga 100 dinar, dan mereka meletakkan syarat khiyār selama tempoh tertentu, syarat tersebut adalah sah.</p> <p>Tetapi jika mereka meletakkan syarat khiyār dengan tujuan hilah mendapat laba dari pinjaman, ia tidak sah.</p> <p>Dengan syarat khiyār, seolah-olah A memberi pinjaman (qarḍ) kepada B sebanyak 100 dinar selama tempoh tertentu. Dalam masa yang sama, A boleh menggunakan rumah yang 'dibeli' untuk diambil manfaatnya selama tempoh pinjaman tersebut.</p>	<p>a) Bab: Riba</p> <p>b) <i>Dābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Memasukkan aqad jual beli bersyarat.</p> <p>c) Masa berlaku: Sewaktu aqad jual beli.</p> <p>d) <i>Maṣlaḥah</i>:</p> <p>e) Membatalkan <i>maqasid</i>: Ya, ia membatalkan maqasid pengharaman riba nasi'ah, dan menyalahi kaedah 'setiap pinjaman yang membawa faedah maka ia adalah riba'.</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
19	<i>I'lām al-</i>	ومثل هذه الحيلة لو اراد ان يجعل بعض رأس	Di dalam jual beli al-Salam atau al-	<p>a) Bab: Salam.</p> <p>b) <i>Dābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya.</p>

<p><i>Muwaqqi'īn</i></p> <p>Pengarang: Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.</p> <p>Terbitan: Dār al-Jayl, Beirut.</p> <p>Cetakan: Tahun 1973.</p> <p>Muka surat: 3/298</p>	<p>مال السلم ديناراً يوفيه إياه في وقت آخر بأن يكون معه نصف دينار ويريد ان يسلم اليه ديناراً في كره حنطة فالحيلة ان يسلم اليه ديناراً غير معين ثم يوفيه نصف الدينار ثم يعود فيستقرضه منه ثم يوفيه إياه عما له عليه من الدين فيتفرقان وقد بقي له في ذمته نصف دينار</p>	<p>Salaf (tempahan), penyerahan modal hendaklah di lakukan ketika transaksi jual beli salam dijalankan.</p> <p>Terdapat hilah bagi menanggungkan penyerahan sebahagian modal, contohnya A ingin menempah gandum daripada B sebanyak sukatan tertentu, dengan nilai satu dinar. Tetapi A hanya mempunyai setengah dinar sahaja.</p> <p>Hilah bagi membolehkannya menanggungkan bayaran separuh dinar lagi, ialah dengan cara A membuat tempahan gandum dengan satu dinar yang tidak ditentukan. Kemudian, A membayar sebanyak setengah dinar. Kemudian, dia meminjam pula dari B sebanyak setengah dinar tersebut, dan membuat bayaran baki sebanyak setengah dinar lagi.</p> <p>Natijahnya, A dan B berpisah dari majlis aqad al-Salam, dalam keadaan masih ada bayaran yang mesti dijelaskan oleh A kepada B iaitu setengah dinar.</p>	<p>Memasukkan aqad pinjaman (qarḍ) dalam jual beli al-salam.</p> <p>c) Masa berlaku: Sewaktu aqad al-salam.</p> <p>d) <i>Maṣlahah</i>:</p> <p>e) Membatalkan <i>maqasid</i>: Ya, ia membatalkan maqasid pengharaman riba nasi'ah, dan pengharaman melewati penyerahan modal dalam jual beli al-Salam.</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
--	---	---	--



MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

<p>20</p>	<p><i>I'lām al-Muwaqqi'īn</i></p> <p>Pengarang: Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.</p> <p>Terbitan: Dār al-Jayl, Beirut.</p> <p>Cetakan: Tahun 1973.</p> <p>Muka surat: 3/301</p>	<p>ومن الحيل الباطلة التي لا تسقط الحق اذا اراد الابن منع الاب الرجوع فيما وهبه اياه أن يبيعه لغيره ثم يستقبله اياه</p>	<p>Seorang bapa yang memberi hibah kepada anaknya mempunyai hak untuk mengambil balik (rujū‘) hibah tersebut.</p> <p>Hilah bagi menghalang si ayah daripada mengambil balik hibah yang diberikan kepada anaknya, ialah si anak menjual barang hibah tersebut kepada seseorang, kemudian dia membatalkan balik jual belinya.</p>	<p>a) Bab: Hibah.  b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Memasukkan aqad pinjaman jual beli dan istiqālah.  c) Masa berlaku: Selepas berlaku aqad hibah.  d) <i>Maṣlahah</i>: Untuk kepentingan orang yang menerima hibah (anak).  e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>: Ya, ia membatalkan maqāṣid syara‘ yang memberi hak rujū‘ kepada ayah.  f) Ulasan lain:</p>
<p>21</p>	<p><i>I'lām al-Muwaqqi'īn</i></p> <p>Pengarang: Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn</p>	<p>ومن الحيل الباطلة التحيل على نفس ما نهي عنه الشارع من بيع الثمرة قبل بدو صلاحها والحب قبل اشتداده بأن يبيعه ولا يذكر تبقيته ثم يخليه الى وقت كماله فيصح البيع ويأخذه</p>	<p>Di dalam bab jual beli buah-buahan yang masih di pohon, ia mestilah dilakukan selepas buah-buahan sudah terserlah keelokannya (masak). Tidak sah berjual beli buahan yang belum terserlah keelokannya dan meletakkan syarat dibiarkan di pohon hingga ia</p>	<p>a) Bab: Jual beli.  b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Tidak.  c) Masa berlaku: Selepas berlaku.  d) <i>Maṣlahah</i>:  e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>: Ya, ia membatalkan maqāṣid syara‘ yang mengharamkan bentuk jual beli seperti ini kerana boleh membawa</p>

	<p>Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.</p> <p>Terbitan: Dār al-Jayl, Beirut.</p> <p>Cetakan: Tahun 1973.</p> <p>Muka surat: 3/311</p>	<p>وقت إدراكه وهذا هو نفس ما نهي عنه الشارع إن لم يكن فعله بأدنى الحيل</p>	<p>masak.</p> <p>Jika mahu membeli buahan yang belum terserlah keelokannya, ia boleh dilakukan dengan meletakkan syarat ia hendaklah dipetik.</p> <p>Hilah untuk membeli buahan yang belum terserlah keelokannya, ialah dengan melakukan transaksi jual beli tanpa menyebut syarat ia dibiarkan di pohon hingga masak.</p> <p>Apabila berlaku transaksi jual beli tanpa sebutan syarat dibiarkan di pohon, secara automatik maksudnya ialah ia hendaklah dipetik serta merta.</p> <p>Tetapi pembeli tidak memetikinya, malah membiarkan sahaja di pohon hingga masak.</p>	<p>kepada perbalahan.</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
22	<p><i>I'lām al-Muwaqqi'in</i></p> <p>Pengarang: Ibn Qayyim al-</p>	<p>لو على كافر بناءه على مسلم منع من ذلك فالحيلة على جوازه ان يعليها مسلم ما شاء ثم</p>	<p>Orang bukan Islam tidak boleh membina bangunannya lebih tinggi daripada bangunan orang muslim yang menjadi tetangganya.</p>	<p>a) Bab: Aḥkām 'aqd al-Jizyah. b) <i>Dābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu memasukkan aqad jual beli. c) Masa berlaku: Sebelum. d) <i>Maṣlahah</i>: e) Membatalkan <i>maqasid</i>: Ya. Kerana</p>

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

	<p>Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.</p> <p>Terbitan: Dār al- Jayl, Beirut.</p> <p>Cetakan: Tahun 1973.</p> <p>Muka surat: 3/307</p>	<p>يشترىها الكافر منه فيسكنها</p>	<p>Hilah bagi membolehkannya ialah seseorang muslim membina bangunan dengan seberapa tinggi yang dia mahu. Kemudian bukan Islam membeli bangunan tersebut.</p>	<p>mafsadah di sini bukanlah perbuatan membina bangunan, tetapi kedudukan bukan Islam yang lebih tinggi dari orang muslim.</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
<p>23</p>	<p><i>I'lām al- Muwaqqi'īn</i></p> <p>Pengarang: Ibn Qayyim al- Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.</p> <p>Terbitan: Dār al-</p>	<p>ومن الحيل الباطلة اذا غصبه طعاما ثم اراد ان يبرأ منه ولا يعلمه به فليدعه الى داره ثم يقدم له ذلك الطعام فإذا أكله بريء الغاصب</p>	<p>Orang yang merampas makanan orang lain, kemudian dia mahu mendapat kelepasan dengan cara tidak diketahui atau disedari oleh mangsa, ialah dengan cara dia menjemput mangsanya ke rumahnya, kemudian dia menghidangkan makanan yang dirampas tersebut kepada tetamunya.</p>	<p>a) Bab: Al-Ghaṣb. b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Tidak. c) Masa berlaku: Selepas berlaku rampasan. d) <i>Maṣlaḥah</i>: Memberi balik hak orang lain dengan cara menyembunyikan kesalahan sendiri. e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>: Ya, Kerana dia menambahkan lagi kemudaratan atas kemudaratan. Kerana perampas tidak mendapat keizinan untuk melakukan apa-apa</p>

	<p>Jayl, Beirut. Cetakan: Tahun 1973.  Muka surat: 3/307</p>		<p>Apabila dia makan hidangan tersebut, sebenarnya dia makan makanan kepunyaannya sendiri.</p>	<p>terhadap makanan tersebut. Ia tidak dikira memulangkan balik barangan rampasan. f) Ulasan lain:</p>
<p>24</p>	<p><i>I'lām al-Muwaqqi'īn</i>  Pengarang: Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.  Terbitan: Dār al-Jayl, Beirut.  Cetakan: Tahun 1973.  Muka surat:</p>	<p>لو كان له عروض للتجارة فأراد ان يسقط زكاتها قالوا فالحيلة ان ينوي بها القنية في آخر الحول يوما أو أقل ثم ينقض هذه النية ويعيدها للتجارة فيستأنف بها حولا ثم يفعل هكذا في آخر كل حول فلا تجب عليه زكاتها أبدا</p>	<p>Antara hilah untuk menggugurkan kewajipan zakat barangan perniagaan, ialah apabila haul hampir mencukupi, contohnya sehari sebelum cukup satu haul, peniaga meniatkan bahawa barangan perniagaannya adalah untuk pemilikan peribadi, bukan untuk perniagaan.  Kemudian, dia membatalkan balik niat tersebut dan meniatkan bahawa ia barangannya adalah untuk diniagakan. Maka pada masa ini, bermula haul yang baru.  Apabila hampir cukup haul, peniaga meniatkan bahawa ia untuk pemilikan peribadi sekali lagi. Begitulah seterusnya hingga dia tidak perlu</p>	<p>a) Bab: Zakat. b) <i>Dābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Tidak. c) Masa berlaku: Selepas cukup haul zakat. d) <i>Maṣlahah</i>: e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>: Ya. Ia adalah untuk menggugurkan kewajipan yang zakat. f) Ulasan lain:</p>

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

	3/248		menunaikan zakat perniagaan sepanjang hidupnya.	
25	<p><i>Ighāthah al-Lahfān</i></p> <p>Pengarang: Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.</p> <p>Terbitan: Dār al-Maʿrifah, Beirut.</p> <p>Cetakan: Tahun 1975.</p> <p>Muka surat: 2/11</p>	<p>إذا أراد أن يسلم وعنده خمر أو خنازير وأراد أن لا يتلف عليه فالحيلة : أن يبيعها لكافر قبل الإسلام ثم يسلم ويكون له المطالبة بالثمن سواء أسلم المشتري أو بقي على كفره</p>	<p>Seorang kafir yang memiliki item yang haram dijual beli contohnya khinzir atau arak, jika dia memeluk Islam maka ia tidak lagi boleh dijual.</p> <p>Hilah bagi menyelamatkan nilai item tersebut, ialah dia menjualnya sebelum dia memeluk Islam, kemudian barulah memeluk Islam.</p> <p>Dalam kes seperti ini, dia berhak untuk menuntut nilai item tersebut dari pembelinya samada pembelinya juga masuk Islam atau tidak.</p>	<p>a) Bab: Jual beli.</p> <p>b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah:</p> <p>c) Masa berlaku: Sebelum memasuki Islam.</p> <p>d) <i>Maṣlaḥah</i>: Menyelamatkan hartanya yang haram selepas memeluk Islam.</p> <p>e) Membatalkan <i>maqasid</i>: Tidak. Malah, ia boleh menyelesaikan kesukaran orang bukan Islam untuk menganut Islam, seperti peniaga arak.</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
26	<p><i>Iʿlām al-Muwaqqiʿīn</i></p> <p>Pengarang: Ibn</p>	<p>وَمِنَ الْحَيْلِ الْمُحَرَّمَاتِ الْبَاطِلَةَ - إِذَا أَرَادَ أَنْ يَبِيعَ سِلْعَةً بِالْبَرَاءَةِ مِنْ كُلِّ عَيْبٍ ، وَلَمْ يَأْمَنْ أَنْ</p>	<p>Seorang yang ingin menjual barangannya dengan memberi jaminan daripada segala kecacatan (yakni jika</p>	<p>a) Bab: Jual beli.</p> <p>b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu memasukkan aqad wakālah.</p> <p>c) Masa berlaku: Sebelum transaksi</p>

	<p>Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.</p> <p>Terbitan: Dār al-Jayl, Beirut.</p> <p>Cetakan: Tahun 1973.</p> <p>Muka surat: 3/324</p>	<p>يَرُدُّهَا عَلَيْهِ الْمُشْتَرِي ، وَيَقُولُ : لَمْ يُعَيِّنْ لِي عَيْبَ كَذَا وَكَذَا ؛ أَنْ يُوَكَّلَ رَجُلًا غَرِيبًا لَا يَعْرِفُ فِي بَيْعِهَا ، وَيَضْمَنَ لِلْمُشْتَرِي دَرَكَ الْمَبِيعِ ، فَإِذَا بَاعَهَا فَبَضَّ مِنْهُ رَبُّ السَّلْعَةِ الثَّمَنَ ، فَلَا يَجِدُ الْمُشْتَرِي مَنْ يَرُدُّ عَلَيْهِ السَّلْعَةَ ،</p>	<p>ada sebarang kecacatan, ia akan dipulangkan balik), tetapi dia bimbang nanti pembeli akan memulangkan balik barangannya dengan sesuatu kecacatan.</p> <p>Hilahnya ialah dia mewakili seseorang asing yang tidak dikenali untuk menjualnya. Selepas berlaku transaksi jual beli, dia mengambil wang hasil jualan tersebut. Apabila pembeli mahu memulangkan balik barangan belian tersebut, dia tidak menemui lagi penjual iaitu orang asing tadi.</p>	<p>jual beli.</p> <p>d) <i>Maṣlahah</i>: memberi kelebihan kepada penjual, kerana selamat daripada pemulangan balik barangannya.</p> <p>e) Membatalkan <i>maqasid</i>: Ya. Ia membatalkan maqasid syara' dalam memberikan hak pemulangan balik barangan yang mempunyai 'aib. Ia juga satu unsur gharar yang memudaratkan pembeli.</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
<p>27</p>	<p><i>I'lām al-Muwaqqi'īn</i></p> <p>Pengarang: Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.</p>	<p>ومن الحيل الباطلة تحيلهم على إيجار الوقف مائة سنة مثلا وقد شرط الواقف ألا يؤجر أكثر من سنتين أو ثلاثا فيؤجر المدة الطويلة في عقود متفرقة في مجلس واحد وهذه الحيلة باطلة قطعاً</p>	<p>Dalam bab waqaf, jika pewaqaf mensyaratkan supaya waqafnya tidak boleh disewa melebihi dua tahun, maka ada hilah bagi membolehkan untuk disewa dalam tempoh yang panjang seperti 100 tahun.</p> <p>Hilahnya ialah membuat kontrak sewaan selama dua tahun tetapi dengan banyak transaksi dalam satu majlis, hingga keseluruhan sewaan tersebut</p>	<p>a) Bab: Waqf.</p> <p>b) <i>Dābit</i> Ibn Taymiyyah:</p> <p>c) Masa berlaku:</p> <p>d) <i>Maṣlahah</i>: Memberi balik hak orang lain dengan cara menyembunyikan kesalahan sendiri.</p> <p>e) Membatalkan <i>maqasid</i>: Ya, kerana ia menimbulkan kemudaratkan dengan sebab tempoh sewaan yang lama. Malah, ia seolah-olah mengubah harta waqaf kepada</p>

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

	<p>Terbitan: Dār al-Jayl, Beirut.</p> <p>Cetakan: Tahun 1973.</p> <p>Muka surat: 3/291</p>		<p>mencapai tempoh 100 tahun.</p>	<p>pemilikan peribadi dengan cara ini.</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
<p>28</p>	<p><i>I'lām al-Muwaqqi'īn</i></p> <p>Pengarang: Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.</p> <p>Terbitan: Dār al-Jayl, Beirut.</p> <p>Cetakan: Tahun 1973.</p>	<p>لو أجره الارض بأجرة معلومة وشرط عليه ان يؤدي خراجها لم يجز لان الخراج على المالك لا على المستأجر والحيلة في جوازه ان يؤجره إياها بمبلغ يكون زيادته بقدر الخراج ثم يأذن له أن يدفع في خراجها ذلك القدر الزائد على اجرتها</p>	<p>Seorang pemilik tanah jika menyewakan tanahnya kepada seseorang, dan mensyaratkan supaya penyewa membayar cukai kharāj tanah tersebut, ia tidak harus. Kerana ia adalah tanggungjawab pemilik tanah.</p> <p>Hilah bagi membolehkannya ialah pemilik tanah menyewakan tanahnya kepada penyewa dengan mengenakan kadar sewaan yang lebih mahal, iaitu lebihan senilai dengan kadar bayaran cukai kharāj.</p>	<p>a) Bab: Ijārah.</p> <p>b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu menambah kadar sewaan.</p> <p>c) Masa berlaku: Sebelum.</p> <p>d) <i>Maṣlahah</i>: memberi faedah kepada pemberi sewa.</p> <p>e) Membatalkan <i>maqāsid</i>:</p> <p>f) Ulasan lain:</p>

	<p>Muka surat: 3/201</p>		<p>Kemudian, pemilik tanah memberi keizinan kepada penyewa untuk membayar kadar lebihan yang dikenakan kepadanya untuk bayaran cukai kharāj.</p>	
<p>29</p>	<p><i>I'lām al-Muwaqqi'īn</i>  Pengarang: Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.  Terbitan: Dār al-Jayl, Beirut.  Cetakan: Tahun 1973.  Muka surat:</p>	<p>أن يؤجره دابة ويشترط علفها على المستأجر لم يجز والحيلة في جوازه هكذا سواء يزيد الأجرة ويوكله ان يعلف الدابة بذلك القدر الزائد</p>	<p>Seorang yang mempunyai haiwan kenderaan seperti kuda atau unta, jika dia menyewakan haiwannya kepada seseorang dengan meletakkan syarat bahawa penyewa hendaklah menanggung kos makanan untuk haiwan tersebut, ini tidak harus. Kerana ia adalah tanggungjawab pemilik haiwan.  Hilah bagi membolehkannya ialah pemilik haiwan meninggikan bayaran upah dengan menambah nilai kos makanan haiwan, kemudian dia mewakilkan kepada penyewa untuk memberi makanan kepada haiwan tersebut dengan kos yang lebih</p>	<p>a) Bab: Ijārah. b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu menambah bayaran sewa, dan juga menambah aqad wakālah. c) Masa berlaku: Sebelum. d) <i>Maṣlaḥah</i>: e) Membatalkan <i>maqāsid</i>: f) Ulasan lain:</p>



MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-4 (2010)

	3/201		tersebut.	
30	<p><i>I'lām al-Muwaqqi'īn</i></p> <p>Pengarang: Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.</p> <p>Terbitan: Dār al-Jayl, Beirut.</p> <p>Cetakan: Tahun 1973.</p> <p>Muka surat: 3/202</p>	<p>لا يصح استئجار الشجرة للثمرة والحيلة في ذلك ان يؤجره الارض ويساقيه على الثمرة من كل الف جزء جزء مثلا</p>	<p>Menyewa pokok untuk mendapatkan hasil buahnya tidak dibenarkan dalam syariat.</p> <p>Hilah bagi membolehkannya ialah pemilik kebun memberi sewa tanah kebunnya kepada penyewa. Kemudian pemilik kebun membuat kontrak musāqāṭ dengan penyewanya, tetapi dengan pembahagian untung dengan nisbah yang sangat kecil sekadar cukup syarat musāqāṭ, contohnya 1:1000.</p>	<p>a) Bab: Ijārah.</p> <p>b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Ya. Iaitu menambah aqad musāqāṭ.</p> <p>c) Masa berlaku: Aqad musāqāṭ dilakukan selepas kontrak sewaan kebun.</p> <p>d) <i>Maṣlahah</i>: Kedua-dua belah pihak mendapat faedah dari sewaan.</p> <p>e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>:</p> <p>f) Ulasan lain:</p>
31	<p><i>I'lām al-Muwaqqi'īn</i></p> <p>Pengarang: Ibn</p>	<p>لو وكله ان يشتري له جارية معينة بثمان معين دفعه اليه فلما رآها أراد شراءها لنفسه وخاف</p>	<p>Jika A mewakilkan B untuk membeli seorang hamba tertentu dengan harga tertentu dan telah diserahkan wang tersebut kepada B. Tetapi apabila B</p>	<p>a) Bab: Wakālah.</p> <p>b) <i>Ḍābiṭ</i> Ibn Taymiyyah: Tidak.</p> <p>c) Masa berlaku: Selepas aqad wakālah.</p>

<p>Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Ayyūb.</p> <p>Terbitan: Dār al-Jayl, Beirut.</p> <p>Cetakan: Tahun 1973.</p> <p>Muka surat: 3/202</p>	<p>ان يخلفه انه انما اشتراها بمال الموكل له وهو وكيله فالوجه ان يعزل نفسه عن الوكالة ثم يشتريها بثمن في ذمته ثم ينقد ما معه من الثمن ويصير لموكله في ذمته نظيره</p>	<p>melihat hamba tersebut, dia terlintas di hatinya untuk membeli hamba itu untuk dirinya sendiri.</p> <p>Tetapi jika dia membelinya begitu sahaja, dia bimbang A akan mengangkat kes dan akan memintanya bersumpah bahawa dia membelinya dengan wang kepunyaan A.</p> <p>Hilah untuk menyelamatkan dirinya ialah B menarik diri daripada kontrak wakālah. Kemudian dia membeli hamba tersebut secara bayaran dalam tanggungannya, dan selepas itu dia membayar tunai dengan wang yang ada padanya. Dan dia dikira berhutang dengan A.</p>	<p>d) <i>Maṣlaḥah</i>: Memberi faedah kepada wakil.</p> <p>e) Membatalkan <i>maqāṣid</i>:</p> <p>f) Ulasan lain: Hilah seperti ini hanya boleh berlaku bagi mereka yang berpegang mazhab bahawa wakil boleh menarik balik wakālah secara bersendirian tanpa kehadiran orang yang mewakilkannya.</p>
--	---	--	---